

METODE FATWA SHEIKH ‘ALĪ JUMA’AH DALAM KITAB  
*AL-KALIM AL-TAYYIB - FATAWĀ ‘ASRIYYAH*

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS BIN WAN KHAIRULDIN

JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011

METODE FATWA SHEIKH ‘ALĪ JUMA’AH DALAM  
KITAB *AL-KALIM AL-TAYYIB - FATAWĀ ‘AŞRIYYAH*

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS BIN WAN  
KHAIRULDIN

JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011

METODE FATWA SHEIKH ‘ALĪ JUMA’AH DALAM  
KITAB *AL-KALIM AL-TAYYIB - FATAWĀ ‘ASRIYYĀH*

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS BIN WAN  
KHAIRULDIN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH  
(SECARA DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011

## ABSTRAK

Tajuk kajian ini ialah “ Metode Fatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā 'Aṣriyyāh*”. Secara asasnya kajian ini berkisar tentang seorang tokoh Islam terkemuka pada masa kini iaitu Sheikh ‘Alī Juma’ah yang juga merupakan Mufti Mesir terkini. Kajian ini lebih fokus kepada merungkai metode berfatwa yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam karangan beliau bertajuk *al-Kalim al-Tayyib: Fatāwā 'Aṣriyyāh*. Antara perkara yang diberi penekanan dalam kajian ini adalah sumber rujukan fatwa, pendekatan mazhab yang digunakan beliau dalam berfatwa serta pengaruh suasana atau cara hidup di Mesir yang memberi kesan terhadap fatwa yang dikeluarkan. Kesemua data-data didokumentasi, dikaji secara teliti sebelum dibuat kesimpulan. Data-data ini melibatkan pelbagai bahan-bahan bercetak, perisian computer serta laman-laman web tertentu. Setelah dibuat penelitian, kajian ini mendapati Sheikh ‘Alī Juma’ah menggunakan pelbagai sumber rujukan hukum meliputi al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama selain daripada *al-Ijmā'*, *al-Qiyās*, *Fatwā al-Šahābah*, *Maṣāliḥ al-Mursalah*, *Sad al-Dharā'ī*, *al-Istihsān*, *al-İstiṣḥāb*, *al-'Urf* termasuklah *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Selain itu juga, beliau menggunakan kitab-kitab turāth dengan meluas. Sumber ini digunakan tanpa mengikut tertib tetapi ianya lebih bergantung kepada kesesuaian dan kepentingan umum. Kajian ini juga mendapati bahawa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab ini menggunakan pendekatan mazhab yang berbeza tanpa terikat kepada mazhab tertentu. Selain daripada pendapat mazhab empat ; Ḥanafī, Syāfi'ī, Mālikī dan Ḥanbalī, pendapat lain juga digunakan. Pendapat mazhab-mazhab disebut dalam fatwa yang berkaitan, kemudiannya dipilih pendapat yang paling sesuai berdasarkan keadaan. Beliau juga didapati terkesan dengan suasana dan cara hidup di Mesir dalam beberapa fatwa. Pendekatan ini kadang kala menyebabkan fatwa beliau berbeza berbanding fatwa yang digunakan di tempat lain. Walau bagaimanapun, peratusan fatwa seperti ini adalah amat sedikit. Sheikh ‘Alī Juma’ah ternyata menggunakan pelbagai metode dalam menentukan hukum bagi setiap permasalahan yang dikemukakan. Pendekatan utama beliau adalah mementingkan maslahah umat Islam selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam.

## ABSTRACT

*This research topic is "Sheikh 'Alī Juma'ah And His Metodology Based On His Book : al-Kalim al-Tayyib- Fatāwā 'Aṣriyyāh". Basically this study is centered on a well-known Islamic figure today, Sheikh 'Alī Juma'ah, also the Grand Mufti of Egypt. This study focuses on finding out methods used by Sheikh 'Alī Juma'ah in his book al-Kalim al-Tayyib: Fatawa' Asriyyah. Among the matters highlighted in this study are the legal sources, his approach toward schoolof thought in deviving fatwa and also the influence of environment or living condition in Egypt in relation to the fatwa issued. All data documented are studied carefully before conclusions are made. These data include a variety of printed materials, computer software and specific websites. This study has found that Sheikh 'Alī Juma'ah has used various legal sources including the Qur'ān and al-Sunnah as the primary references besides the Consensus, Qiyās, Companious Fatwa, al-Maṣāliḥ al-Mursalah, Sad al-Dharā'i , al-Istihsān, al-Istiṣḥab, al-'Urf and also al-Qawā'id al-Fiqhiyyāh. He also uses classical book widely. However the sources are used without regard to order, but dependent on the suitability and public interest. This study also found that Sheikh 'Alī Juma'ah is not biased toward any particular school of jurisprudence. Apart of the leading four school ; Ḥanafī, Syāfi'i, Mālikī and Ḥanbalī, he also states other opinions if deemed necessary. All of this opinion are later collected and the best will be chosen according to his reasonings. Devived from the environment and Egyptians way of life, which are different from others thus resulted in verdicts that are not suitable to be implemented in other countries. However, the percentage of this fatwa is very small. In conclusion, Sheikh 'Alī Juma'ah uses various methods to determine the law for every problem presented to him. His approach emphasizes driven on Muslims' Maslahah as long as it does not conflict with the tenets of Islam.*

**PENGAKUAN**

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya

Tarikh :

**WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS**

**WAN KHAIRULDIN**

**IGA 090040**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama-tamanya, segala puji kepada Allah, tuhan sekelian alam yang memberikan peluang dan nikmat untuk berada dalam sihat sentiasa. Ucapan syukur kepadaNya atas pemberian Islam dan Iman. Saya meninggikan segala puji kepada Allah atas limpah kurniaNya, dapat juga saya menyiapkan Disertasi untuk Ijazah Sarjana Syariah ini. Selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang membawa rahmat dan cahaya keatas setiap umat manusia serta menyebarkan risalah Islam yang kekal sehingga hari ini.

Setinggi ucapan terima kasih saya tujukan kepada Penyelia, Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah binti Abd Rahman yang bertungkus lumus memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan sehingga selesainya penulisan kajian ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Universiti Malaya atas dana dan biasiswa yang diberikan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Rasa terima kasih saya ucapkan kepada bekas Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali atas nasihat dan pesanan yang berguna kepada saya. Tidak lupa juga Ketua Jabatan yang baru, Dr. Saadan Man yang banyak membantu menyiapkan kajian ini. Kepada Dr. Luqman Abdullah dan Prof. Dr. Susiknan Azhari yang memberi banyak input berguna untuk menambah baik kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kedua ibubapa, Wan Khairuldin bin Wan Abdul Rashid dan Nafisah Salleh atas sokongan dan dorongan yang tidak putus-putus. Buat adik-beradik Wan Mohd Khairul Syahman, Wan Khairul Adha, Wan Khainisah, Wan Nurul Nadiah, Wan Nurul Najwa dan Wan Nurul Syafiqah, saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas sokongan dari segala aspek. Akhirnya buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu, saya rakamkan sepenuh penghargaan sepanjang perjalanan memenuhi program Ijazah Sarjana Syariah ini.

Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin

Universiti Malaya

Oktober 2010

## **ISI KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	<b>xiii</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	<b>xiv</b>

### **BAB 1 : PENDAHULUAN**

1.1 Pendahuluan	2
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Masalah Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Kajian-Kajian Lepas	9
1.7 Skop Kajian	21
1.8 Metodologi Kajian	22
1.9 Penyusunan Bab	28

### **BAB 2 : BIODATA SHEIKH ‘ALI JUMA’AH**

2.1 Pengenalan	31
2.2 Nama Dan Tempat Kelahiran	32
2.3 Persekutaran Hidup	33

2.4	Pendidikan	36
2.5	Karier dan Jawatan Yang Disandang	41
2.6	Sumbangan	44
2.7	Karya-Karya Ilmiah dan Penulisan	48
2.8	Guru-Guru	51

### **BAB 3 : FATWA DAN METODE BERFATWA**

3.1	Pendahuluan	54
3.2	Konsep Fatwa	55
3.2.1	Penggunaan Perkataan Fatwa Dalam al-Quran	59
3.2.2	Pensyariatan Fatwa	62
3.2.3	Hukum Dan Kepentingan Berfatwa	65
3.2.4	Fatwa dan Ijtihad	69
3.3	Mufti dan Kelayakannya	71
3.4	Metode Berfatwa	74
3.4.1	Metode Berfatwa Pada Zaman Rasulullah SAW	75
3.4.2	Metode Berfatwa Pada Zaman Sahabat r.a.	83
3.4.3	Metode Berfatwa Pada Zaman Tābī’īn Dan Itbā’ al-Tābi’īn	92
3.4.4	Metode Berfatwa Pada Zaman Imam-Imam Mujtahid dan Kewujudan Mazhab Empat	101
3.4.5	Metode Berfatwa Pada Zaman Taqlīd	107
3.4.6	Metode Berfatwa Pada Zaman Zaman Kebangkitan Sehingga Kini	110

## **BAB 4 : METODE FATWA SHEIKH ‘ALĪ JUMA’AH DALAM KITAB AL-KALIM AL-TĀYYIB – FATAWĀ ‘ASRIYYĀH**

4.1	Pendahuluan	120
4.2	Pengenalan Kitab	121
4.2.1	Pengenalan Kitab <i>Al-Kalim al-Tāyyib – Fatawā ‘Asriyyah</i>	121
	‘Asriyyah	
4.2.2	Jumlah Fatwa Dan Bab	122
4.2.3	Format Penyusunan dan Pengkategorian Bab	127
4.3	Metode Berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah Dalam Kitab <i>Al-Kalim al-Tāyyib – Fatawā ‘Asriyyah</i>	131
4.3.1	Proses Pengeluaran Fatwa	132
4.3.2	Bentuk Susunan Jawapan dan Penjelasan Fatwa	134
4.3.2.1	Format Jawapan Fatwa	135
4.3.2.2	Penelitian Masalah Fatwa	139
4.3.2.3	Proses Penerangan Fatwa	142
4.3.2.4	Ringkasan Jawapan Fatwa	145
4.3.3	Sumber Rujukan	147
4.3.3.1	Sumber Rujukan Daripada Al-Quran	150
	Dan Al-Sunnah	
4.3.3.2	Sumber Rujukan Daripada Sumber Rujukan Sekunder	162
4.3.3.3	Sumber Rujukan Kitab-Kitab Turāth	166
4.3.3.4	Fatwa Tanpa Sumber Rujukan	169

4.3.4	Pendekatan Mazhab	174
4.3.5	Pengaruh Suasana dan Cara Hidup	181
4.4	Kesimpulan	185

## **BAB 5 : PENUTUP**

5.1	Pendahuluan	190
5.2	Rumusan	191
5.3	Cadangan	198
5.4	Penutup	200
5.5	Bibliografi	202

## **SENARAI RAJAH**

### **Jadual**

Jadual 4.1 : Bilangan Fatwa Mengikut Pengkategorian Fatwa.

Jadual 4.2 : Peratus Bilangan Fatwa Berdasarkan Pengkategorian Fatwa (Mengikut Turutan Menurun)

Jadual 4.3 : Format Penyusunan Bab Dalam Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā 'Asriyyah*

Jadual 4.4 : Jadual Pembahagian Fatwa Berdalil mengikut dalil-dalil yang tertentu

Jadual 4.5 : Bilangan Fatwa Berdasarkan Pendekatan Mazhab Mengikut Bidang

### **Carta**

Carta 4.1 Pecahan Fatwa Berdasarkan Sumber Hukum

Carta 4.2 : Pecahan Fatwa Berdasarkan Sumber Hukum (Sumber Sekunder)

Carta 4.3 : Graf Pembahagian Fatwa Mengikut Sumber Rujukan Daripada Kitab-Kitab Turath dan Selain Daripada Kitab-Kitab Turath

### **Graf**

Graf 4.1 : Jumlah Pembahagian Fatwa Dengan Soalan dan Tanpa Soalan

## **SENARAI KEPENDEKAN**

Op.cit	- Dalam karya yang dirujuk sebelum
Ibid	- Pada karya yang sama
Bil.	- Bilangan
No.	- Nombor
Hal.	- Halaman
Dr.	- Doktor Falsafah
Juz.	- Juzuk
Jld.	- Jilid
Cet.	- Cetakan
Terj.	- Terjemahan
APIUM	- Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut<sup>1</sup> :

### i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	alif	a / ’
ب	ba’	b
ت	ta’	t
ث	tha’	th
ج	jim	j
ح	ha’	h
خ	kha’	kh
د	dal	d
ذ	dhal	dh
ر	ra’	r
ز	zay	z
س	sin	s
ش	syin	sy

---

<sup>1</sup> Lihat Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ; *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

ص	<i>sad</i>	§
ض	<i>dad</i>	ɖ
ط	<i>ta'</i>	ʈ
ظ	<i>za'</i>	z
ع	<i>'ayn</i>	'
غ	<i>ghayn</i>	gh
ف	<i>fa'</i>	f
ق	<i>qaf</i>	q
ك	<i>kaf</i>	k
ل	<i>lam</i>	l
م	<i>mim</i>	m
ن	<i>nun</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>ha'</i>	h
ي	<i>ya'</i>	y
ة	<i>ta' marbutah</i>	h

ii. Huruf vokal

<b>Vokal</b>	<b>Huruf Arab</b>	<b>Huruf Latin</b>
Pendek	(fathah) ـ	a
	(dammah) ـ	u
	(kasrah) ـ	i
Panjang	ـ	a
	ـ	u
	ـ	i
Diftong	ـ	aw
	ـ	ay
	ـ	iy/i
	ـ	uww

# BAB 1

## **BAB 1 : PENDAHULUAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Sejarah perundangan Islam telah membuktikan bahawa fatwa merupakan satu mekanisme utama bagi menjelaskan pelbagai permasalahan berkaitan hukum syarak. Dengan peredaran zaman dan berubahnya keadaan, banyak permasalahan timbul dan memerlukan penfatwaan daripada seorang yang alim dan berkelayakan untuk menyelesaikan permasalahan ini.

Bab ini merupakan satu pengenalan secara umum kepada kajian tentang metode Sheikh ‘Ali Juma’ah, seorang mufti di Mesir. Kajian yang dijalankan lebih menjurus kepada metode yang digunakan berdasarkan salah satu kitab fatwa beliau berjudul *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*. Kajian ini dimulakan dengan penjelasan serba sedikit tentang latar belakang dua perkara utama dalam kajian ini iaitu: Sheikh ‘Alī Juma’ah dan kitab beliau *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*. Penjelasan seterusnya berkaitan dengan masalah kajian yang merupakan sebab utama kajian ini dijalankan. Masalah kajian ini lebih menjurus untuk menonjolkan kredibiliti beliau sebagai seorang mufti yang bukan daripada kalangan pelajar jurusan agama, kemudian melanjutkan pelajaran untuk mendalami bidang tersebut. Objektif dan kepentingan kajian juga akan dijelaskan dalam perbincangan seterusnya sebelum analisis terhadap beberapa kajian terdahulu dimuatkan. Dalam kajian-kajian terdahulu, penulis lebih melihat kepada kaedah penulisan serta fokus kajian-kajian yang pernah ditulis sebelum ini, dimana ianya mempunyai hubungkait dengan kajian ini. Skop kajian ini juga dimuatkan dalam bab ini. Dalam skop kajian

ini, bahan utama dalam kajian ini lebih tertumpu kepada penggunaan kitab. Dalam perbincangan seterusnya, penulis menjelaskan metode kajian yang digunakan dalam kajian ini, dimana metode ini dipraktikkan agar kajian ini berjalan dengan lancar dan mengikut metode yang tepat. Pada penghujung bab ini, penulis menjelaskan sistemetika penyusunan bab yang akan dilakukan dalam kajian ini.

## 1.2 LATAR BELAKANG

Fatwa merupakan satu perkara yang sangat diperlukan oleh masyarakat Islam pada hari ini. Dengan kemunculan pelbagai permasalahan berkaitan agama yang baru, fatwa yang dikeluarkan oleh seorang mufti dapat menyelesaikan segala keraguan dalam ketentuan syarak. Fatwa didefinisikan sebagai satu jawapan yang disandarkan kepada seseorang mufti apabila diajukan soalan kepadanya berdasarkan kepada kaedah-kaedah berfatwa yang telah ditetapkan oleh Islam<sup>1</sup>. Oleh yang demikian sekiranya muncul permasalahan baru, mufti merupakan rujukan utama kepada masyarakat Islam bagi mendapatkan penjelasan yang berkaitan.

Oleh yang demikian, seorang mufti memikul tugas yang sangat berat dan besar dalam memenuhi kehendak masyarakat yang sentiasa mengajukan pelbagai persoalan berkaitan agama. Imam al-Nawāwī (w 1277M/676H) pernah menegaskan tentang kebahayaan orang yang memikul tugas sebagai mufti memandangkan ia terlibat dengan suatu perkara yang sangat luas bidangnya dan menghadapi risiko

---

<sup>1</sup> Lihat Ahmad Ibn Hamdān al-Harranī (1984), *Ṣifāt al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Beirut : al-Maktab al-Islamī, Cet.4, Hal.4. Lihat juga Khalid Ramaḍan Ḥasan, *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*, Qāhirah : Dar al-Ṭarabisyī, Hal. 205. Lihat juga Quṭb Muṣṭafā Sanū(2000), *Mu'jam Muṣṭalahat Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, Hal.312

tersilap dalam memutuskan sesuatu fatwa<sup>2</sup>. Ini ditambah lagi dengan gambaran yang diberikan oleh Imam Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1350M/751H) tentang tugas berfatwa ibarat menjalankan tanggungjawab bagi pihak Tuhan (*Rabb*) langit dan bumi<sup>3</sup>.

Dengan tugasannya berat menanti para mufti yang dipilih untuk menjalankan tugas, pemilihan seorang mufti hendaklah menepati beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama. Antara syarat tersebut adalah mengetahui makna ayat-ayat hukum yang terkandung di dalam al-Quran dari sudut bahasa dan syarak. Selain daripada itu, seorang mufti juga perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang Hadis Hukum, mendalami hukum *Nasikh* dan *Mansūkh* daripada al-Quran dan al-Sunnah, *ijma'* *al-'ulamā'*, *al-Qias* dan bahasa Arab. Seorang mufti juga perlu menguasai ilmu *Uṣūl al-Fiqh* selain pengetahuan tentang *Maqāṣid al-Syar'iyyah*.<sup>4</sup>

Perkara yang dibangkitkan diatas adalah bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan ini. Kajian ini adalah merujuk kepada satu kajian tentang seorang tokoh cendekiawan Islam pada masa kini yang juga merupakan Mufti Mesir yang terkini. Fatwa yang dikeluarkan secara individu hanya memperoleh pengaruh yang besar jika ianya dikeluarkan oleh seorang *mujtahid* yang dihormati dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat semasa<sup>5</sup>. Perkara ini berlaku kepada Sheikh

<sup>2</sup> al-Nawawī, Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf (1408 H), *Adāb al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.13

<sup>3</sup> al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr Ibn Qayyim (1968), *I'lām al-Mauqi 'in 'An Rabb al-'Ālamīn*, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah, jld. 1, hal. 19

<sup>4</sup> Wahbah al-Zuhāylī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyik : Dār al-Fikr, Cet.1, Hal.1044-1051

<sup>5</sup> Suwito Rakio (2006), 'Fatwa dan Cabaran Globalisasi', *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Asean*, Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), hal.149

‘Alī Juma’ah kerana beliau merupakan seorang tokoh yang dikagumi umat Islam pada hari ini dan setiap fatwa yang dikeluarkan akan dijadikan iktibar dan kayu ukur oleh seluruh umat Islam<sup>6</sup>.

Justeru ketokohan beliau telah diiktiraf oleh pelbagai cendekiawan Islam terutamanya dalam pelbagai bidang ilmu Islam sehingga dilantik menjadi Mufti Mesir. Dalam kajian ini, penulis membuat kajian menyeluruh terhadap kehidupan Sheikh ‘Alī Juma’ah serta metodenya di dalam penulisan fatwanya yang bertajuk (*al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*). Secara keseluruhan, kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini mengandungi 385 fatwa yang meliputi 20 bidang utama yang berkaitan dengan kehidupan seharian seorang muslim<sup>7</sup>. Kesemua fatwa ini menggunakan kaedah soal jawab dengan keterangan panjang lebar dan terperinci sebelum kesimpulan dibuat untuk menyelesaikan setiap permasalahan tersebut. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh beliau diterima baik oleh masyarakat melalui pendekatan yang baik dari segi penghujahan, penjelasan dan sebagainya.

Dalam merungkaikan persoalan metode seorang mufti yang begitu disegani dalam dunia Islam pada hari ini seperti dalam kitabnya *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*, ketekunan dan semangat yang jitu diperlukan untuk mencungkil metode atau manhaj yang telah digunakan dalam menyempurnakan ratusan fatwa ini. Maka, untuk mengetahui metode berfatwa yang telah digunakan oleh beliau, kajian ini

---

<sup>6</sup> Sheikh ‘Alī Juma’ah telah diiktiraf sebagai tokoh ke sebelas yang paling berpengaruh dalam dunia Islam pada hari ini. Lihat *The Most Influential Muslim-2009* (2009), Jordan : The Royal Islamic Strategic Studies Centre, cet. 1, hal. 39.

<sup>7</sup> Fatwa-fatwa ini dibahagikan kepada bidang-bidang utama iaitu ; Tahārah (bersuci), solat, zakat, haji, puasa, jual beli dan mu’āmalāt al-māliyah, ijārah (sewaan), jihad, akīdah, ilmu, kekeluargaan, wakaf, pusaka, nikah, talak, jenayah, hak-hak kemanusiaan dan kewanitaan, akhlak dan adab, ideologi semasa, serta pakaian dan perhiasan.

dikemukakan dengan tajuk : “Metode fatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ’Aṣriyyah*.

Daripada pengamatan penulis, masih lagi tidak terdapat kajian yang dikemukakan untuk merungkai metode berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah di dalam mahupun di luar negara. Kajian seperti ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam melihat penentuan hukum oleh seorang cendekiawan yang terkemuka dalam dunia Islam pada hari ini. Ia boleh dijadikan sebagai asas dan langkah pemberian kepada institusi berfatwa di Malaysia untuk melaksanakan tugas menentukan fatwa dengan lebih efisien dan tepat.

### **1.3 MASALAH KAJIAN**

Zaman perundangan Islam bermula ketika perutusan Rasulullah SAW di Mekah telah mencapai hampir 1400 tahun sehingga hari ini. Dengan peredaran masa dan zaman, banyak permasalahan baru yang timbul hari demi hari dan ianya berbeza dengan keadaan ketika zaman permulaan Islam. Ini ditambah pula dengan kemajuan sains dan teknologi. Permasalahan baru ini berkait rapat dengan masyarakat Islam dalam kehidupan seharian mereka. Oleh yang demikian, hukum keatas permasalahan tersebut perlu diputuskan berlandaskan ketetapan syarak. Peranan ini merupakan satu tugas yang diamanahkan kepada para *mujtahid* atau jawatankuasa mufti di sesebuah negara bagi menyelesaikan segala permasalahan baru yang timbul.

Maka kajian ini akan cuba menjelaskan metode berfatwa yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah sebagai Mufti Mesir terhadap permasalahan yang diajukan dalam kitab karangan beliau iaitu kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatawā ‘Asriyyah*. Ini kerana sepanjang pemerhatian penulis, tidak terdapat satu buku atau karya yang menyatakan metode beliau. Pemilihan kitab ini adalah kerana kandungan kitab ini berkaitan dengan bidang yang ingin dikaji iaitu dalam bidang fiqah.

Selain itu, meskipun berkelulusan perdagangan dalam Ijazah Sarjana Muda pertama, sebelum mengikuti pengajian Islam secara formal kemudiannya, beliau sangat menekankan penggunaan kitab-kitab turath dalam setiap penulisan beliau. Dalam kitab ini juga, beliau banyak merujuk kepada pendapat ulama terdahulu melalui tinggalan kitab-kitab mereka sekiranya tiada nas yang jelas daripada sumber rujukan yang berautoriti seperti al-Quran dan al-Sunnah. Metode ini banyak memperlihatkan beliau seorang yang berpegang kuat kepada sumber tradisional.

Kajian ini juga bertujuan melihat keterikatan beliau kepada mazhab tertentu atau tidak. Ia adalah kerana beliau merupakan pemikir beraliran mazhab Syāfi’ī<sup>8</sup>. Disamping itu, sumber rujukan fatwa yang digunakan untuk memutuskan hukum sesuatu permasalahan turut dijelaskan.

---

<sup>8</sup> <http://alimamalallama.com/article.php?id=31%22>, 5 Februari 2010.

Dalam masa yang sama, kajian ini juga melihat adakah fatwa yang diputuskan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah terkesan dengan suasana dan cara hidup di Mesir kerana himpunan fatwa dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini merupakan persoalan yang diajukan oleh masyarakat di Mesir, serta tugasannya beliau selaku Mufti di Negara Mesir.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah :

- 1) Menjelaskan ketokohan Sheikh ‘Alī Juma’ah sebagai tokoh ulama Islam yang disegani.
- 2) Menghuraikan konsep dan teori yang berkaitan dengan fatwa serta kelayakan yang perlu dimiliki oleh seorang mufti.
- 3) Menganalisis metode penyusunan dan persesembahan fatwa yang diputuskan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitabnya *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian tentang metode berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* akan mendatangkan faedah dan manfaat yang berguna kepada beberapa pihak, antaranya :

- 1) Kajian ini akan menjadi satu sumber dan panduan kepada pihak-pihak terutamanya jawatankuasa fatwa di Malaysia dalam meneliti dan menilai setiap fatwa yang dikeluarkan.
- 2) Kajian ini memberi faedah kepada masyarakat Islam di dunia amnya dan di Malaysia khasnya dalam mengetahui metode penfatwaan mufti Mesir dalam dunia Islam pada hari ini dalam kitab beliau.
- 3) Hasil daripada kajian ini juga akan membawa dimensi baru kepada pengkaji-pengkaji yang berminat dalam menghasilkan kajian dalam bidang fatwa serta boleh dijadikan sebagai rujukan untuk kajian pada masa akan datang.

## 1.6 Kajian-Kajian Lepas

Para ulama telah membincangkan tentang mufti dan fatwa dalam tulisan-tulisan mereka sejak berkurun lamanya. Dengan kepentingan fatwa yang diketahui, mereka cuba merungkai dan menjelaskan perbahasan tentang ilmu ini. Antara perbahasan yang panjang yang diketengahkan oleh para ulama adalah tentang maksud fatwa dan syarat seorang mufti.

Fatwa didefinisi oleh al-Ḥarranī (1295/695H) sebagai satu jawapan yang disandarkan kepada seseorang mufti apabila diajukan soalan kepadanya berdasarkan kepada kaedah-kaedah berfatwa yang telah ditetapkan oleh Islam<sup>9</sup>. Ibn al-Qayyim

---

<sup>9</sup> Lihat Ahmad Ibn Ḥamdān al-Ḥarranī (1984), *Sifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Beirut : al-Maktab al-Islamī, Cet.4, hal.4. Lihat juga Khālid Ramaḍhan Ḥasan, *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*, Kāherah : Dār al-Ṭarabisyī, hal. 205. Lihat juga Qutb Muṣṭafā Sanū(2000), *Mu'jam Muṣṭalaḥat Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.312

pula mendefinisikan fatwa mengikut cara yang berbeza dengan ulama lain. Beliau menjelaskan bahawa fatwa merupakan satu penjelasan merangkumi seluruh hukum meliputi penerangan yang jelas tentang kewajipan mentaatinya dan berhukum dengannya selepas Al-Quran<sup>10</sup>.

Manakala ulama kontemporer seperti Yūsuf al-Qarādawī pula mendefinisikan fatwa sebagai satu penjelasan hukum syarak terhadap suatu permasalahan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh penyoal, samada secara jelas atau samar, individu mahupun berkumpulan<sup>11</sup>. Melalui penjelasan para ulama terdahulu tentang definisi fatwa ini dapat digunakan dalam penjelasan maksud fatwa dalam kajian ini.

Sekalipun terdapat banyak penjelasan tentang definisi fatwa, namun hakikatnya fatwa merupakan satu penjelasan tentang hukum syarak terhadap satu permasalahan yang dikeluarkan oleh orang yang berkelayakan kepada penyoal melalui dalil-dalil yang syarak. Ini merupakan perkara yang sering dipraktikkan dalam institusi berfatwa di seluruh negara Islam.

Para ulama juga banyak membincangkan tentang kelayakan untuk dilantik sebagai seorang mufti. Ini bertepatan dengan kajian yang mengkaji seorang tokoh cendekiawan Islam yang juga seorang mufti di Mesir. Imam al-Nawāwī dalam kitab beliau *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab* telah menjelaskan perkara yang

---

<sup>10</sup> Ibn Qayyim Al-Jauziyyah(1968) *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīn*, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyah Miṣr, jld.1, hal. 9

<sup>11</sup> Yūsuf al-Qarādawī (1995), *al-Fatwā Bayn al-Indibāt wa al-Tasayyub*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, hal. 7

perlu dititik beratkan sebelum seseorang dilantik menjadi seorang mufti. Ini dilihat daripada piawaian yang ditetapkan oleh beliau iaitu seorang mufti merupakan seorang muslim yang mukallaf, jujur, amanah, tidak fasiq, bermaruah tinggi, bijaksana, sihat, tajam pemikiran, pengurusan yang cekap, dan sentiasa berhati-hati dalam mengeluarkan hukum. Beliau juga menegaskan seseorang yang tidak mempunyai sifat-sifat yang disebutkan tidak layak dilantik menjadi seorang mufti walaupun dia mampu berijtihad.<sup>12</sup>

Yūsuf al-Qaraḍawī juga telah menetapkan beberapa piawaian yang perlu dipatuhi oleh seorang mufti dalam mengeluarkan fatwa pada masa kini. Piawaian yang dicadangkan ini adalah seperti seorang mufti seharusnya tidak fanatik dan menjauhi taqlid buta kepada mazhab tertentu, sentiasa memudahkan dan tidak menyusahkan selagi mana fatwa yang dikeluarkan selari dengan syariah Islam dan mufti perlu menghebahkan fatwa yang dikeluarkan dengan bahasa yang difahami oleh masyarakat setempat. Selain daripada itu, beliau juga mencadangkan supaya setiap fatwa yang dikeluarkan mesti menjauhi perkara yang tidak bermanfaat dan para mufti seharusnya sentiasa beserderhana dalam menetapkan hukum apabila disoal oleh masyarakat Islam.<sup>13</sup>

Syarat-syarat yang diletakkan dan juga ditetapkan oleh para ulama menunjukkan tugas menjawat jawatan mufti merupakan satu agenda yang perlu dititik beratkan oleh pemerintah dalam pemilihan mufti. Selain itu, mereka yang

<sup>12</sup>al-Nawawī, Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf (2007), *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1, hal. 41

<sup>13</sup> Lihat Yūsuf al-Qaraḍawī (2005), *Hudā al-Islām : Fatāwā Mu’āṣirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11, jld. 1, hal. 10-32. Lihat juga Yūsuf al-Qaradawī (21994), *al-Ijtihād al-Mu’āṣir Bayna al-Indībāt wa al-Infīrāt*, Kaherah : Dār al-Tauzī’ wa al-Nasyr al-Islamīyyah, hal. 91-115.

dipilih mestilah daripada kalangan orang yang berkelayakan dari sudut keilmuan dan keperibadian.

Selain daripada itu, melihat kepada kepentingan institusi fatwa kepada masyarakat Islam, para ulama juga mengorak langkah untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan fatwa secara khusus. Penulisan-penulisan seperti ini banyak membantu kajian ini terutama membuat perbandingan antara metode berfatwa oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dengan metode dan adab berfatwa yang dianjurkan oleh para ulama terdahulu dan kini. Antara penulisan tersebut adalah kitab karangan Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1914M) bertajuk *Al-Fatwā fī al-Islām*, karangan Aḥmād Ibn Ḥamdān al-Ḥarrānī bertajuk *Ṣifāt al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, karangan Yūsuf al-Qaraḍawī bertajuk *al-Fatwā Bayn al-Indibāṭ wa al-Tasayyub*, karangan ‘Āmir Sa’īd al-Zaibārī bertajuk *Mabāhith fī Ahkām al-Fatwā*, karangan Imam al-Nawāwī bertajuk *Adāb al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, karangan ‘Umar Sulaimān al-Asyqār bertajuk *al-Futyā wa Manāhij al-Iftā*, dan penulisan oleh Ḥussāīn Muḥammad al-Mallāh bertajuk *al-Fatwā Nasyatuhā Wa Taṭawwuruhā Uṣūluhā Wa Taṭbiqatuhā*.

Selain terdapatnya penulisan secara khusus tentang fatwa, para ulama juga turut menyelitkan nukilan dan pandangan mereka terhadap fatwa dalam kitab-kitab lain<sup>14</sup>. Penulisan para ulama terdahulu dan kini juga banyak membincangkan

---

<sup>14</sup> Abd al-Karīm Zaidān (1420 H/1999 M), *al-Madkhāl li al-Dirāsah al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*, Beirut : Mu’assasah al-Risālah ; Sa’ad bin Nāṣir bin ‘Abd al-‘Azīz al-Syathrī (1427 H/2006 M), *Syarḥ Kitab Qawā’id al-Uṣūl wa Ma’ākid al-Fuṣūl*, Riyadh : Dār al-Kunūz Isybilia li al-Nasyr wa al-Tauzi’ ; ‘Abd al-Wahhab Khalaf (1947), *Ilm Uṣūl al-Fiqh wa Khulāṣah Tārikh al-Tasyrī’ al-Islāmī*, Beirut : Jami’ah Fuād al-Awwal ; ‘Abd al-Majīd Ṣubḥ (1989), *Uṣūl al-Manāhij al-Fiqhiyah*, Manṣūrah : Dār al-Wafā’ ; Shamsul Bahri Andi Galigo (2002), *al-Ijtihād fī al-Fikr al-Islāmī*, Kuala Lumpur : Fajar Ulung Sdn. Bhd ; <sup>14</sup> Ibn Ḥazm al-Andalūsī al-Dhāhirī (1926), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Ahkām*, Kaherah : Maktabah al-Khanājī ; Ibrāhīm ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm (1999), *al-Madkhāl Li*

tentang perkembangan sejarah fatwa dari permulaan Islam pada zaman Rasulullah SAW sehingga zaman kini. Ini dapat dilihat dalam banyak kitab-kitab *tārikh Islāmi*<sup>15</sup> yang menjelaskan perkembangan fatwa dan institusinya. Selain daripada itu, metode berfatwa dari setiap zaman juga dijelaskan. Hasil rujukan kepada kitab-kitab ini membawa kepada penerangan dan penjelasan kepada metode berfatwa daripada permulaan zaman Rasulullah SAW sehingga kini dalam kajian yang dilaksanakan.

Para cendekiawan Islam di Malaysia dan kawasan serantau juga banyak mengkaji dan menjelaskan tentang fatwa dalam pelbagai cara. Terdapat banyak seminar yang dianjurkan untuk membincangkan tentang fatwa. Antara seminar yang dijalankan ialah “Seminar Mufti dan Fatwa”. Seminar ini dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tahun 1998/1418H. Kebanyakan daripada kertas kerja yang dibentangkan membincangkan perihal fatwa, mufti, etika dan sebagainya di Malaysia dan negara-negara serantau. Hasil daripadanya tercetaknya buku bertajuk “Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN” yang disunting oleh Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid<sup>16</sup>. Terdapat juga seminar lain yang dianjurkan di Malaysia seperti “Seminar Prinsip Dan pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN” anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2005.

---

*Dirāsāt al-Fiqh al-Islāmī*, ‘Ammān : Dār al-Thaqāfah ; Wahbah al-Zuhāyli (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī, Dimsyik* : Dār al-Fikr

<sup>15</sup> Ahmad bin Abd Allah bin Muhammad al-Ḍuwaihī (2006), ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh min al-Tadwīn ilā Nihāyah al-Qarn al-Rābi’ al-Hijrī, Riyadh : Jāmi’ah al-Imām Muḥammad bin al-Sa’ūd al-Islāmiyyah ; ‘Alī Ibrāhīm Hasan (197-), *al-Tārikh al-Islām al-‘Ām* : al-Jāhiliyah, al-Dawlāt al-‘Arabiyyah, al-Dawlāt al-‘Abbāsiyah, Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyah ; Muḥammad bin Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1968), *l’lām al-Muwaqqi’īn ‘An Rabb al-‘Ālamīn*, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah ; Muḥammad Abū Zahrah(t.t), *Tārikh al-Madhbāh* al-Islāmīyyah, Kaherah : Dār al-Fikr al-‘Arabī.

<sup>16</sup> Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid (1998), “Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN”, Institut Kefahaman Islam Malaysia, cet. 1.

Perbincangan dalam seminar-seminar ini terutama tentang fatwa dan perkembangannya dimuatkan dalam kajian ini.

Berkaitan dengan Sheikh ‘Alī Juma’ah pula, terdapat kitab yang menulis tentang biografi diri beliau seperti kitab *Mu’jam al-Syuyūkh*<sup>17</sup>. Kitab ini serba sedikit menceritakan tentang perihal umum Sheikh ‘Alī Juma’ah walaupun lebih kepada menjelaskan sanad-sanad yang beliau miliki<sup>18</sup>.

Selain itu, didalam kitab beliau sendiri<sup>19</sup>, terdapat beberapa halaman yang menceritakan keperibadian beliau. Secara tidak langsung ia merupakan satu sumber untuk mengetahui perihal peribadi Sheikh ‘Alī Juma’ah sebagai seorang tokoh yang sangat disanjungi dalam dunia Islam pada hari ini.

Selepas dibuat kajian dan pengamatan berkaitan dengan kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah* karangan Sheikh ‘Alī Juma’ah ini, penulis mendapati masih belum ada satu kajian berkenaan dengan kitab ini. Ini berkemungkinan kerana buku ini dianggap karya baru. Namun begitu, penulis merasakan kajian terhadap metode fatwa penulis kitab ini adalah sangat penting. Justeru, penulis mengharapkan dengan adanya kajian terhadap kitab ini akan memberi faedah kepada umat Islam di Malaysia khususnya berkaitan dengan fatwa - fatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah ini.

---

<sup>17</sup> Usāmah al-Sayyid Maḥmūd al-Azhārī (2008), *Mu’jam al-Syuyūkh*, Sofa Production, Negeri Sembilan, cetakan pertama, hal. 60.

<sup>18</sup> <http://www.alimamalallama.com/article.php?id=19>, 1 Januari 2010.

<sup>19</sup> ‘Ali Juma’ah (2007), *Al-Kalim al-Tayyib – Fatāwā ‘Asriyyah*, Kaherah : Dar al-Salām, cet.1, hal. 417 .

Walau yang demikian, penulisan berkaitan metode fatwa di Malaysia ini bukanlah sesuatu perkara baru. Kajian seperti ini banyak dilakukan di oleh para calon sarjana muda, sarjana dan calon kedoktoran dalam bidang Syariah.

Antara kajian yang membincangkan tentang fatwa adalah kajian bertajuk ‘Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa : Kajian Dari Tahun 1985-1995’ oleh Alias bin Azhar<sup>20</sup>. Kajian ini lebih menumpukan kepada fatwa yang pernah dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa Negeri Kedah dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun 1985 sehingga tahun 1995. Kajian ini menjelaskan tentang sejarah dan perkembangan institusi fatwa di Kedah. Dalam kajian berkaitan metode berfatwa pula, beliau merumuskan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berteraskan kepada aliran mazhab Syāfi’ī sebagai rujukan utama namun masih merujuk kepada kitab-kitab dalam mazhab Ḥanafī dan Malikī. Walaubagaimanapun, rujukan kepada kajian ini tidak dapat dilakukan kerana kajian ini lebih menumpukan kepada metode jawatankuasa fatwa berbeza dengan kajian penulis yang mengkhususkan kepada seorang tokoh sahaja.

“Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997 : Satu Analisis” merupakan hasil kajian Ahmad Zaharuddin Mohd Alias juga membincangkan metode dalam berfatwa<sup>21</sup>. Dalam kajian ini, beliau menyentuh sejarah perkembangan fatwa dan pengeluarannya di Negeri Pahang. Hasil daripada kajian ini menampakkan kekurangan yang perlu

<sup>20</sup> Alias bin Azhar (2001), “*Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa : Kajian Dari Tahun 1985-1995*” ( Disertasi, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>21</sup> Ahmad Zaharuddin Mohd Alias (2004), ‘*Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997 : Satu Analisis*’, ( Disertasi Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

diperbaiki oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. Antara yang dijelaskan adalah pendekatan dalam memutuskan sesuatu fatwa bercampur aduk selain daripada fatwa yang diwartakan tidak tersebar dengan baik. Fatwa yang dikeluarkan juga tidak menyatakan sumber hukum dan dalil penghujahan. Kajian ini juga seperti sebelumnya lebih membuat penumpuan kepada metode jawatankuasa bukan kepada seorang mufti seperti kajian yang dijalankan oleh penulis.

Noor Naemah Abdul Rahman juga telah membuat satu kajian tentang analisis fatwa. Kajian ini bertajuk ‘Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis’<sup>22</sup>. Dalam kajian ini, ia memperlihatkan penganalisisan secara teliti terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh jemaah ini dalam tiga cetakan yang berbeza. Melalui penganalisaan kajian ini, Jemaah Ulamak Kelantan pada awalnya tidak mempunyai metode yang konsisten dalam berfatwa dan lebih terkesan dengan budaya *taqlīd* dalam penggunaan sumber rujukan. Ia kemudiannya menampakkan perubahan dengan pendekatan *ijtihād tarjīhī* dalam era 90-an. Pengenalan kepada fatwa dibincangkan secara teliti di awal kajian ini. Perkongsian tersebut diolah oleh penulis dan diambil beberapa isi penting sebagai rujukan dalam kajian ini.

Ini diikuti dengan kajian oleh Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlan pada tahun 2005 dimana beliau juga menumpukan kepada metode fatwa jawatankuasa syariah. Kajian ini bertajuk ‘Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis :

---

<sup>22</sup> Noor Naemah Abd. Rahman (2005), *Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis*, (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000<sup>23</sup>. Ini juga adalah kajian bertempoh dan lebih menjurus kepada penfatwaan yang dibuat oleh jawatankuasa fatwa negeri di Malaysia seperti kajian-kajian lain sebelum ini. Kajian ini lebih menjurus kepada perbandingan metode Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa fatwa yang menggunakan dalil yang kurang tepat manakala setengah yang lain tidak menjelaskan sumber rujukan bagi memastikan kesahihan sandaran fatwa tersebut. Penulis telah merujuk kepada perkembangan fatwa dalam sejarah perundangan Islam yang dimuatkan dalam kajian ini sebagai rujukan.

Terdapat juga satu kajian yang berdasarkan tokoh mufti secara individu. Ini adalah dilihat pada kajian ‘Metodologi Fatwa Sayyid ‘Alwi bin Tahir al-Haddād : Mufti Kerajaan Negeri Johor’<sup>24</sup>. Kajian oleh Elyias Othman menumpukan kepada fatwa yang pernah dikeluarkan oleh Mufti Johor satu ketika dahulu. Kajian oleh Elyias Othman ini ada persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Ini kerana, kedua-dua kajian ini lebih memfokuskan kepada metode tokoh mufti berdasarkan kepada fatwa yang telah dikeluarkan. Dalam kajian Elyias Othman ini, dapat dilihat metode Sayyid ‘Alwi dalam menyatakan sesuatu hukum. Setiap penfatwaan yang ditulis dalam teks kitabnya menyebutkan dalil-dalil ambilan kecuali pada fatwa yang mudah dan ringkas kerana ia tidak memerlukan kepada

---

<sup>23</sup> Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlān, “Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis : Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000”, ( Disertasi Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>24</sup> Elyias Othman(2002/2003), “Metodologi Fatwa Sayyid ‘Alwi bin Tahir al-Haddad; Mufti Kerajaan Negeri Johor, (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

dalil yang khusus<sup>25</sup>. Selain itu, Sayyid ‘Alwi menggunakan hanya dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, Fatwa-fatwa Fuqaha’ terdahulu dalam kitab *turath*, dan fatwa - fatwa yang dikeluarkan pada zaman beliau sahaja sebagai dalil rujukan<sup>26</sup>. Kajian ini merupakan satu-satunya kajian yang mempunyai banyak persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis walaupun kajian tersebut bukan secara terperinci.

Kajian-kajian lain yang turut membincangkan tentang analisis metode berfatwa adalah seperti “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan dari tahun 1987-2002 : satu analisis” oleh Syakirah Abdul Aziz<sup>27</sup>, “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang dari tahun 1995 hingga 2002 : satu analisis” oleh Mashidah Munir Abd Rahman<sup>28</sup> dan “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak dari tahun 1995 hingga 2002 : satu analisis” oleh Amalul Izzah Hassan<sup>29</sup>. Kesemua kajian ini dilaksanakan bagi melengkapkan projek ilmiah Ijazah Sarjana Muda pada tahun 2004. Kajian-kajian ini juga mewakili kajian berdasarkan jawatankuasa fatwa di negeri-negeri Malaysia. Oleh yang demikian, terdapat beberapa perkara sahaja yang dapat dijadikan rujukan.

---

<sup>25</sup> *Ibid*, hal.89

<sup>26</sup> *Ibid*,

<sup>27</sup> Syakirah Abdul Aziz (2004), ‘Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan dari tahun 1987-2002 : satu analisis’ (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>28</sup> Mashidah Munir Abd Rahman (2004), “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang dari tahun 1995 hingga 2002 : Satu Analisis” (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>29</sup> Amalul Izzah Hassan (2004), “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak dari tahun 1995 hingga 2002 : satu analisis”, (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Terdapat satu lagi kajian yang berkaitan dengan penfatwaan ini yang dihasilkan di Malaysia. Kajian ini bertajuk ‘Metode Kompromi : Satu Analisa Terhadap Fatwa Fuqaha’ oleh Amir Fazlim Jusoh. Kajian ini membincangkan tentang permasalahan dalam fatwa tertentu yang berbeza hukumnya akibat daripada terdapatnya percanggahan nas syarak berkaitan dengan permasalah tersebut.<sup>30</sup>

Artikel-artikel juga menjadi satu wacana dalam perbahasan tentang fatwa di Malaysia. Mahmood Zuhdi misalnya menjelaskan tentang tugas seorang mufti yang mempunyai kuasa dalam berfatwa. Walau bagaimanapun, tidak kesemua kenyataan daripada mufti dikira sebagai fatwa selain daripada kenyataan yang melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh perundangan. Fatwa di Malaysia juga mengutamakan pandangan daripada mazhab Syāfi’ī namun turut memberi kelonggaran kepada penerimaan pendapat daripada mazhab-mazhab *ahl sunnah wa al-jamā’ah*.

Noor Naemah Abd Rahman juga banyak menghasilkan artikel-artikel yang berteraskan kepada fatwa. Artikel bertajuk “Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa”<sup>31</sup> membincangkan tentang amalan pembaharuan dalam institusi fatwa di Malaysia selain daripada kelonggaran dan kuasa yang harus diberikan kepada mufti dalam penetapan hukum. Selain itu, beliau juga menghasilkan artikel-artikel lain seperti “Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al-Qur'an” pada tahun

---

<sup>30</sup> Amir Fazlim Jusoh (2006), ”Metode Kompromi : Satu Analisa Terhadap Fatwa Fuqaha”, (*Disertasi, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*).

<sup>31</sup> Noor Naemah Abd. Rahman, (2002) Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa. *Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*.

2002 yang menekankan tatacara seorang mufti dalam menerima dan menjawab setiap fatwa berdasarkan kepada petunjuk daripada al-Quran, “Pendekatan Ijtihad Tarjih Dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulamak Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an” pada tahun 2003 iaitu satu pengkajian tentang penggunaan ijtihad dalam fatwa yang digunakan oleh Jemaah Ulamak Negeri Kelantan dimana kajian ini mendapati bahawa penggunaan ijtihad menjadi satu perkara yang banyak dilakukan dalam pengeluaran fatwa disana, dan “Pewartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan Penguatkuasaannya” pada tahun 2004.

Dalam artikel nukilan Ahmad Hidayat Buang bertajuk “ Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia”, beliau menjelaskan tentang perundangan negara Malaysia yang mensyaratkan setiap fatwa yang dikeluarkan mesti bersandarkan kepada mazhab Syāfi’ī selain daripada menerima pendapat selainnya jika terdapat kepentingan kepada masyarakat.

Artikel bertajuk “Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia: satu analisis” oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim, and Paizah Ismail, and Nor Hayati Mohd Dahlal pada tahun 2009 menyarankan pemerkasaan dalam ijtihad perlu dihayati bagi menguatkan lagi fatwa yang dikeluarkan oleh mufti atau Ahli Jawatankuasa Fatwa sesebuah negeri di Malaysia. Artikel ini juga mendapati terdapat kelemahan *substansial* dalam sistem penfatwaan di Malaysia yang perlu diperbaiki.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

Kajian ini berkisar mengenai metode yang telah digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam mengeluarkan setiap fatwa. Fatwa - fatwa tersebut kemudiannya dikumpulkan dalam buku yang bertajuk *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*. Kajian ini hanya melibatkan kitab jilid pertama yang diterbitkan pada tahun 2005.

Kajian ini memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu ; Pertama : Mengkaji tentang biografi Sheikh ‘Alī Juma’ah secara lebih mendalam dengan merujuk sumber-sumber yang dapat menjelaskan tentang beliau.

Kedua : menganalisis metode penggunaan sumber hukum yang telah digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah yang berjumlah 385 fatwa dimana ia terkandung dalam kitab fatwanya *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*. Kesemua fatwa-fatwa ini telah dibahagikan kepada 20 bab yang berasaskan kepada bidang-bidang yang tertentu.

Maklumat yang diperolehi dalam kajian ini diperolehi dari buku-buku dan sumber-sumber berkaitan yang terdapat di dalam perpustakaan. Ini tidak menjadi masalah kerana Sheikh ‘Alī Juma’ah adalah seorang tokoh yang tersohor. Manakala berkaitan metode fatwanya, terdapat banyak buku-buku yang berkaitan untuk dijadikan rujukan dalam kajian ini.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Memandangkan kajian ini adalah berkaitan dengan metode fatwa, metode kajian adalah satu perkara paling penting untuk menyempurnakan kajian ini. penulis menggunakan beberapa metode yang berbeza dalam menyempurnakan kajian ini.

Metode-metode itu ialah :

- i. Metode Penentuan Subjek
  - ii. Metode Pengumpulan Data
  - iii. Metode Penganalisaan Data
- 
- i. Metode Penentuan Subjek/Sample

Dalam metode penentuan subjek ini, penulis memilih kitab bertajuk *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* karangan Sheikh ‘Alī Juma’ah yang diterbitkan pada tahun 2005 sebagai subjek utama untuk dijadikan kajian. Metode penentuan subjek ini sangat penting sebagai sample yang diambil data-data bagi menjalankan kajian. Selain itu, dengan penentuan subjek juga akan menghadkan skop kajian.

Kajian terhadap metode fatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab ini merupakan objektif utama dalam melengkapkan kajian ini. Selain daripada itu, Sheikh ‘Alī Juma’ah juga merupakan contoh terpenting dalam kajian ini. Pemilihan beliau adalah untuk melihat metode berfatwa yang digunakan berdasarkan kitab tersebut.

## ii. Metode Pengumpulan Data

Dalam menjalankan metode penyelidikan ini, penulis menumpukan kepada usaha untuk mengumpulkan data yang berkaitan dengan kajian terhadap kitab fatwa ini. Pemilihan metode pengumpulan data ini sangat penting kerana dengan metode ini, data-data yang terdapat daripada beberapa sumber dapat dikumpulkan. Hasil daripada pengumpulan data-data ini akan dijadikan sebagai kesimpulan kepada kajian ini.

Untuk mendapatkan data-data yang berkaitan, pengumpulan dijalankan melalui kajian perpustakaan yang meliputi segala bahan yang berhubung kait dengan metode dalam pengeluaran sesuatu fatwa yang ditetapkan oleh para ulama terdahulu dan kontemporer. Bahan-bahan yang berkaitan dengan keperibadian Sheikh ‘Alī Juma’ah serta berkaitan dengan penfatwaan juga dikumpulkan.

Penggunaan kaedah kajian perpustakaan sangat penting dalam menjamin maklumat yang diperolehi tepat. Hal ini perlu dipertekankan dalam setiap kajian untuk mendapatkan hasil dan kejituhan sesuatu kajian. Oleh yang demikian, perpustakaan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor menjadi destinasi utama penulis dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian tentang metode fatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitabnya *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*.

Pengumpulan data melalui kajian perpustakaan ini melibatkan pengumpulan data daripada sumber primer seperti al-Quran dan kitab-kitab hadis dan juga kitab-kitab yang khusus membincangkan tentang fatwa dan mufti serta sejarah metode berfatwa dari zaman Rasulullah sehingga sekarang. Selain itu juga kajian perpustakaan ini digunakan untuk mendapatkan sumber jurnal ilmiah seperti Jurnal Syariah terbitan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), sumber kertas kerja daripada seminar-seminar yang dijalankan di Malaysia dan juga sumber daripada bahan bercetak yang lain.

Bagi mendapatkan maklumat semasa dan terkini, penggunaan internet juga akan menjadi satu sumber dalam mendapatkan data-data dan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian. Namun yang demikian, penapisan bahan daripada internet perlu dilakukan bagi menjamin keaslian dan kesahihan data tersebut. Antara laman web yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti [www.dar-alifta.org](http://www.dar-alifta.org), <http://www.islam.gov.my/buu/koleksi.html>, <http://www.alimamalallama.com/>, <http://infad.usim.edu.my/>, <http://www.aligomaa.net/>, <http://www.dar-alifta.org/>, <http://www.msrinternet.capmas.gov.eg/> dan sebagainya

### iii. Metode Penganalisaan Data

Dalam menganalisis dan mengolah data-data serta maklumat yang telah dikumpulkan dari pelbagai sumber sebelum ini, penulis akan menggunakan metode analisis kandungan terutama dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* karangan Sheikh ‘Alī Juma’ah.

Penganalisaan pelbagai bentuk akan dijalankan bagi menjelaskan kepada pembaca tentang kepentingan kajian ini dijalankan. Terdapat empat bentuk analisis data yang diperlakukan dalam kajian ini iaitu ;

- a) Metode Induktif
- b) Metode Deduktif
- c) Metode Komparatif
- d) Jadual, Carta dan Graf

- a) Metode Induktif<sup>32</sup>

Metode Induktif ini adalah satu kaedah membuat kesimpulan daripada beberapa data bersifat khusus yang dianalisis untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Kaedah ini digunakan bagi menjelaskan sesuatu perkara dengan gambaran yang menyeluruh. Dalam kajian ini, data-data daripada kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* melalui fatwa-fatwa yang dikeluarkan dianalisis dan dirumus untuk memperlihatkan metode berfatwa yang menjadi amalan Sheikh ‘Alī Juma’ah. Kaedah ini digunakan dalam menentukan sumber rujukan yang digunakan oleh beliau dalam setiap fatwa yang dikeluarkan selain daripada membuat kesimpulan terhadap keterbukaan beliau dalam berfatwa. Sebagai contoh, dalam bab keempat, penulis mengumpulkan data-data tentang penggunaan pendapat pelbagai mazhab oleh beliau berdasarkan kepada kesesuaian. Daripada pengambilan mazhab-mazhab tersebut, dapat disimpulkan bahawa Sheikh ‘Alī Juma’ah

---

<sup>32</sup> Idris Awang (2001), Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hal. 82.

tidak terikat dengan mazhab tertentu sahaja. Selain itu juga, melalui metode ini, penulis juga dapat melihat pengaruh suasana dan cara hidup di Mesir yang memberi kesan terhadap fatwa yang dikeluarkan.

b) Metode Deduktif<sup>33</sup>

Kaedah deduktif pula merupakan satu kesimpulan secara khusus yang diperolehi daripada analisis maklumat yang telah tersedia dan bersifat umum. Ia digunakan dalam mengenalpasti ciri-ciri khusus yang terdapat dalam *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*. Kaedah ini kemudiannya digunakan untuk membuat huraian. Contoh yang terdapat dalam kajian ini adalah seperti format persembahan fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah. Ini boleh dilihat daripada pembahagian bab, pengkategorian fatwa serta persembahan dan penghuraian fatwa. Data-data kemudiannya digabungkan untuk dijadikan asas kepada teori yang dimaksudkan. Sebagai contoh kepada penggunaan metode ini adalah pada bab keempat. Penulis membuat kesimpulan kepada gaya persembahan dan penerangan fatwa yang dilakukan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah. Perkara tersebut dapat dilihat berdasarkan penulisan beliau yang mempunyai penerangan jawapan fatwa yang panjang dan kadangkala ringkas. Oleh yang demikian, penulis membuat satu kesimpulan kepada pengolahan jawapan fatwa yang dibuat oleh beliau.

---

<sup>33</sup> *Ibid.*

c) Metode Komparatif

Metode ini pula merupakan satu kaedah dimana penyelidik akan membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan data-data yang diperolehi semasa menjalankan penyelidikan. Daripada metode perbandingan ini, penulis membandingkan metode yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab beliau dengan metode yang telah digariskan ulama. Setiap perbandingan akan didatangkan dengan hujah bagi menentukan persamaan atau perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua metode tersebut. Contoh penggunaan metode ini adalah dalam bab keempat, tentang metode yang digunakan oleh beliau dalam berfatwa misalnya fatwa tanpa dilampirkan dalil. Perkara tersebut kemudiannya dibandingkan dengan metode yang ditetapkan oleh ulama dalam keadaan tersebut. Hasilnya, terdapat pendapat yang membenarkan fatwa tanpa dalil.

d) Jadual, Carta dan Graf

Kaedah ini adalah kaedah yang akan memberikan analisis yang lebih jelas berdasarkan jadual, carta dan graf yang digunakan. Dengan kaedah ini, penulis dalam membuat analisis dengan mudah dan memberi kefahaman yang lebih kepada pembaca. Menerusi kaedah ini, penulis membuat beberapa jadual dan graf bagi melihat secara lebih jelas penyusunan fatwa dalam kitab ini. Sebagai contoh jadual pembahagian bab beserta jumlah fatwa yang dimuatkan dalam setiap bab tersebut. Jadual ini terdapat dalam bab keempat kajian. Jadual dan graf yang terdapat dalam kajian ini

membolehkan kesimpulan dibuat dengan lebih jelas dan memberi kefahaman kepada pembaca.

## **1.9 PENYUSUNAN BAB**

Dalam kajian ini, penulis akan memulakan bab pertama dengan bab pendahuluan yang mengandungi beberapa pecahan dengan latar belakang kajian diikuti seterusnya masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metode kajian dan diakhiri dengan penjelasan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini.

Bab kedua memaparkan biodata tokoh ilmuan Islam masa kini yang menjadi antara fokus utama kajian ini iaitu Sheikh ‘Alī Juma’ah. Dalam bab kedua ini, penulis memulakan penjelasan mengenai biodata Mufti Mesir ini dengan pengenalan mengenai bab ini, kemudiannya penjelasan nama dan tempat kelahiran, persekitaran hidup, pendidikan, karier dan jawatan yang pernah disandang, sumbangsan dan karya-karya beliau yang telah dihasilkan. Bab ini turut menyenaraikan nama dan biografi ringkas guru-guru yang pernah beliau sehingga menjadi seorang cendekiawan yang tersohor.

Di dalam penerangan bab seterusnya iaitu bab ketiga yang bertajuk Fatwa dan Metode Berfatwa, penulis memulakan bab ini dengan pendahuluan. Pengisian bab ini adalah berkaitan dengan konsep fatwa yang dibahagikan kepada tiga pecahan iaitu penggunaan lafaz fatwa dalam al-Quran, pensyariatan fatwa dan hukum berfatwa diikuti dengan penjelasan tentang mufti dan kelayakan serta

metode berfatwa yang pernah wujud dalam perundangan Islam semenjak zaman Rasulullah sehingga kini.

Bab keempat merupakan penjelasan mengenai metode berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*. Dalam bab ini, penulis memulakan penjelasan berkaitan dengan pengenalan kitab selain penjelasan jumlah fatwa dan bab yang dimuatkan dalam kitab ini. Format penyusunan dan pengkategorian bab juga dibincangkan dalam pengenalan kitab ini. Seterusnya perbincangan diteruskan dengan kajian terhadap metode berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*. Dalam penjelasan ini, penekanan diberikan kepada proses pengeluaran fatwa, bentuk susunan jawapan dan penjelasan fawa, sumber rujukan, pendekatan mazhab serta pengaruh suasana dan cara hidup. Di akhir bab keempat ini, penulis membuat kesimpulan terhadap analisis kepada metode berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah.

Bab kelima pula merupakan bab penutup dalam kajian ini. Dalam bab ini, dimuatkan rumusan kepada kajian yang telah dilaksanakan. Cadangan dan saranan juga dijelaskan dalam bab ini. Bab ini diakhiri dengan penutup dan bibliografi yang menjelaskan senarai rujukan asas bagi kajian ini.

# BAB 2

## **BAB 2 : BIODATA SHEIKH ‘ALĪ JUMA’AH**

### **2.1 Pengenalan**

Sheikh ‘Alī Juma’ah merupakan seorang tokoh Islam yang sangat terkenal dalam dunia Islam pada hari ini. Selain menjadi mufti di Mesir, beliau merupakan tokoh Islam yang banyak menyumbang dalam pembangunan dan pengukuhan Islam di kalangan masyarakat Islam dunia pada masa kini dan tidak ketinggalan negara kita, Malaysia. Beliau juga telah diiktiraf sebagai antara tokoh muslim yang paling berpengaruh di dalam dunia Islam pada masa kini dengan menduduki tangga ke sebelas<sup>34</sup>.

Dalam bab ini, penulis akan membicarakan sedikit sebanyak biodata Sheikh ‘Alī Juma’ah secara umumnya. Ini dimulakan dengan penceritaan tentang nama dan tempat kelahiran beliau. Disamping itu, latar belakang keluarga beliau turut dimuatkan juga. Dalam bab ini juga, penulis cuba merungkai persekitaran hidup beliau sejak dari kecil lagi untuk mengenal pasti sebab dan keadaan yang membawa kepada kejayaan dalam hidup beliau. Penulis juga memaparkan latar belakang pendidikan beliau sejak kecil sehingga menggenggam Ijazah Kedoktoran di Universiti al-Azhar, Mesir. Turut dimuatkan didalam bab ini adalah karier dan jawatan yang pernah disandang oleh beliau sehingga kini. Seterusnya, penulis juga membawakan sedikit sebanyak sumbangan yang beliau berikan kepada umat Islam di Republik Arab Mesir khususnya dan di dunia Islam secara amnya. Dalam sub-

---

<sup>34</sup> *The most Influential Muslim-2009* (2009), Jordan : The Royal Islamic Strategic Studies Centre, cet. 1, hal. 39.

topik penulisan pula, penulis menyenaraikan beberapa karya beliau daripada buku-buku, usaha-usaha *pentahqiqan*, kajian-kajian ilmiah serta tugas beliau menjadi editor di beberapa majalah. Di akhir bab ini, penulis turut menyenaraikan beberapa tokoh-tokoh yang menjadi guru kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah yang banyak membantu beliau sehingga menjadi seorang mufti dan orang yang disegani pada hari ini.

## 2.2 Nama dan Tempat Kelahiran

Nama sebenar Sheikh ‘Alī Juma’ah ialah Abū ‘Ubādah Nūr al-Dīn ‘Alī bin Juma’ah bin Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb bin Sālim bin Abd Allah bin Salām r.a<sup>35</sup>. Beliau lebih dikenali sebagai Sheikh ‘Alī Juma’ah atau Dr. ‘Alī Juma’ah dikalangan umat Islam seluruh dunia pada hari ini.<sup>36</sup> Beliau dilahirkan di Bandar *Banī Suwāyf*<sup>37</sup>, satu perkampungan di pinggir sungai Nil, Mesir pada waktu fajar, 3 Mac 1952 Masihi bersamaan 7 Jamadilakhir 1371 Hijrah<sup>38</sup>.

Beliau merupakan anak tunggal lelaki hasil daripada perkahwinan Juma’ah bin Muhamad bin Abd al-Wahhab<sup>39</sup> bersama Fathiah Hanīm binti ‘Alī bin ‘Aīd bin Sālim bin Sālim al-Jundī al-Hamawī<sup>40</sup>.<sup>41</sup>

<sup>35</sup> Usāmah al-Sayyid Maḥmūd al-Azhārī (2008), *Mu’jam al-Suyūkh*, Negeri Sembilan : Sofa Production, cet.1, hal.60

<sup>36</sup> ‘Ali Juma’ah (2005), *al-Bayān*, Kaherah : al-Muqtahah li al-Nasyr wa al-Tawzī’, hal. 8

<sup>37</sup> Bani Suwayf, sebuah bandar di utara Mesir. Terletak di pinggir Sungai Nil. Merupakan nama kepada sebuah Ibu Negeri. Lihat *al-Munjid fī al-Lughah wa al-A’lām* (1973), Beirut : Dār al-Masyriq, cet.18, hal.139

<sup>38</sup> ‘Ali Juma’ah (2007), *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*, Kaherah : Dār al-Salam, cet.1, jld. 2 hal. 417

<sup>39</sup> Juma’ah bin Muhamad dilahirkan di perkampungan Ṭansā, 7 kilometer di selatan Bandar Bani Suwāyf pada hari Jumaat 25 Ramadan 1333 H (7 Ogos 1915) namun didaftarkan pada tanggal 11 Ogos 1915, yang menjadi tarikh lahir rasmi bagi beliau. Beliau merupakan anak sulung daripada 7 orang adik beradik. Beliau mempunyai 3 orang adik lelaki dan 3 orang adik perempuan bermula dari

Sheikh ‘Alī Juma’ah telah mendirikan rumah tangga. Hasil daripada perkahwinan tersebut, beliau telah dikurniakan 3 orang anak perempuan.<sup>42</sup>

## 2.3 Persekutaran Hidup



Republik Arab Mesir<sup>43</sup>

adalah sebuah negara yang terletak di utara benua Afrika. Walaupun nama negara ini adalah Republik Arab Mesir, namun ia lebih dikenali sebagai Mesir. Mesir merupakan negara ke-16 terbesar di dunia dengan keluasan

1,001,450 kilometer persegi<sup>44</sup>. Menurut statistik terkini, negara ini mempunyai jumlah penduduk sebanyak 80,335,036 orang<sup>45</sup>. Jumlah ini adalah nisbah 1.017 lelaki per wanita, iaitu 40,850,366 penduduk lelaki manakala 39,484,670 penduduk wanita<sup>46</sup>. Mesir merupakan negara yang majoriti penduduknya adalah beragama Islam dan merupakan antara negara yang mempunyai jumlah penganut Islam yang

Ir. Abd al-Ḥamīd lahir pada 1918, Fahimah (1920), Dr. Abd al-Salām (1922), Mahasin (1929), Nikmat (1932), dan Ustaz Ahmad Mahīr (1936). Beliau merupakan peguam dalam bidang ahwal al-Shaksiah. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 16 Rabiulakhir 1408 (7 Disember 1987) dan dikebumikan di Kaherah, Mesir. Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=19>, 2 Januari 2010

<sup>40</sup> Fatḥiyyah Hanīm , ibu kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah dilahirkan di Bandar Bani Suwāyf pada 3 Jamadilakhir 1335 H (24 April 1917 M) dan meninggal dunia pada 3 Syawal 1423 H (7 Disember 2002), Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=19>, 14 April 2010

<sup>41</sup> <http://alimamalallama.com/article.php?id=19>, 2 Januari 2010

<sup>42</sup> ‘Alī Juma’ah (2007), *Op.Cit*, hal. 417

<sup>43</sup> Mesir Dinamakan sebagai Republik Mesir bermula pada tahun 1981 sehingga sekarang, lihat Syākir Muṣṭafā (1995), *Mausū’ah Daul al-A‘lām al-Islāmī wa Rijālihā*, Beirut ; Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, cet.1, jld.4, hal.2149

<sup>44</sup> <https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/eg.html> , 1 Mac 2010

<sup>45</sup> [http://www.msrintranet.capmas.gov.eg/pls/fdl/tst12e?action=&lname="](http://www.msrintranet.capmas.gov.eg/pls/fdl/tst12e?action=&lname=) , 1 Mac 2010

<sup>46</sup> <http://www.mapsofworld.com/egypt/population.html>

teramai di dunia. Terdapat hampir 94% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Mesir menganut agama Islam<sup>47</sup>.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa agama lain yang turut bertapak di Mesir kesan kemasukan pelbagai budaya dan agama semenjak zaman sebelum masih lagi<sup>48</sup>. Ini boleh dilihat daripada tinggalan kesan sejarah yang masih berdiri megah dan tersegah indah di bumi Mesir sehinggakan negara ini dikatakan mempunyai 2/3 daripada tinggalan sejarah dunia masa kini.

Selain daripada kemasyhuran sebagai satu tempat tinggalan sejarah yang penting, Mesir juga dikenali sebagai kiblat ilmu Islam. Ini kerana ia merupakan tempat berkumpulnya para ilmuan dan cendekiawan muslim dari seluruh dunia terutamanya ilmuan dalam bidang pengajian Islam. Universiti al-Azhar yang merupakan antara Universiti terawal dibina di dunia merupakan hub utama penyebaran ilmu di Mesir. Ia bermula daripada pembinaan Masjid al-Azhar di Kaherah, Mesir yang dijadikan sebagai tempat ibadah dan dalam masa yang sama menjadi tempat penyebaran agama Islam secara tidak langsung. Kewujudan Masjid al-Azhar ini pada mulanya bukanlah sebagai tempat mendalami ilmu seperti sekarang, namun dengan berkembangnya penyebaran ilmu di masjid ini secara tidak langsung, menjadi satu mercu tanda penyebaran ilmu Islam yang diberi nama Universiti al-Azhar oleh pemerintah seterusnya.<sup>49</sup>

<sup>47</sup> Shauqī Abū Khalīl (1999), *Aṭlas Daūl al-Ālām al-Islāmī*, Beirut : Dār al-Fikr al-Mu'āsir, cet.1, hal.107

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Muḥammad Abd Allah ‘Inān (1957), *Tārīkh al-Jāmi’ al-Azhār*, Kaherah : Maṭba’ah Lujnah al-Ta’līf wa al-Tarjumah wa al-Nasyr, cet.2, hal.13-14

Faktor persekitaran di Mesir amnya dan di Universiti al-Azhar banyak memberi kesan kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah. Mesir sebagai sebuah negara yang majoritinya penganut agama Islam, kelas pengajaran berteraskan agama dilaksanakan secara bebas tanpa sebarang sekatan. Peluang untuk menimba ilmu di Universiti al-Azhar setelah selesai mendapatkan Ijazah Pertama beliau tidak disiakan untuk mendalami pelbagai ilmu Islam daripada para ilmuan dan cendekiawan Islam. Dua faktor ini banyak membantu beliau dalam usaha memperkuatkan lagi ilmu yang dimiliki oleh beliau.

Faktor didikan keluarga juga banyak mempengaruhi keperibadian Sheikh ‘Ali Juma’ah. Beliau merupakan seorang anak yang disemai dengan nilai cinta kepada ilmu oleh ayahnya sejak kecil lagi. Ayahnya Juma’ah, merupakan seorang peguam profesional<sup>50</sup> sentiasa mendorong Sheikh ‘Alī Juma’ah untuk sentiasa bersama-sama dengan buku dan mentelaahnya. Usaha ini dilakukan dengan memindahkan buku-buku kesayangannya kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah sejak kecil lagi untuk mendidik beliau agar minat dalam mentelaah ilmu. Dengan pentarbiahan seperti itu, beliau banyak terkesan dengan didikan ayahnya yang sentiasa mengingatkan beliau untuk hidup dengan penuh ketaqwaan dan keilmuan. Beliau juga dididik dengan akhlak yang terpuji serta sentiasa disemai oleh kedua ibu bapa dengan prinsip-prinsip yang mulia.<sup>51</sup>

---

<sup>50</sup> Ayahnya seorang lulusan Undang-Undang dari Universiti Kaherah, Kaherah Mesir dan bekerja sebagai seorang Peguam Syariah dan menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berkaitan dengan *Aḥwāl al-Syakṣiyah*. Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=19>, 2 Januari 2010

<sup>51</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html>, 3 Januari 2010

Minat beliau dalam mendalami ilmu boleh dilihat dengan wujudnya perpustakaan persendirian beliau. Terdapat lebih daripada 30,000 tajuk buku yang telah disimpan rapi dalam simpanan perpustakaan persendirian Sheikh ‘Alī Juma’ah pada hari ini. Ia bukan sahaja menjadi tempat untuk beliau membuat rujukan, bahkan dibuka kepada segenap masyarakat Islam dalam menimba ilmu.<sup>52</sup> Ini merupakan satu bukti yang mana beliau terkesan dengan didikan keluarga sejak dari kecil lagi untuk mencintai ilmu.

## 2.4 Pendidikan

Pendidikan adalah satu perkara yang sangat penting dalam hidup manusia. Suasana pendidikan telah menjadi perkara asas dalam hidup Sheikh ‘Alī Juma’ah. Beliau dibesarkan dalam suasana keilmuan atas landasan yang betul sehingga menjadi seorang cendekiawan Islam yang dihormati pada hari ini.

Sebagai tokoh yang sangat disanjung oleh masyarakat Islam atas keilmuan beliau, beliau telah mengalami proses pembelajaran semenjak usia kecil lagi. Beliau memulakan pengajian secara rasmi sejak berumur 5 tahun. Ketika berusia 11 tahun, Sheikh ‘Alī Juma’ah memperolehi *syahādah al-ibtidāiyah* pada tahun 1963 dan menamatkan pengajian untuk *syahādah al-I‘dādiyyah* pada tahun 1966 di *Madrasah Banī Suwayf*. Pada usia menjangkau 10 tahun, beliau memulakan penghafalan al-Quran dan telah menyempurnakan pembacaan di hadapan guru beliau pada tahun 1969<sup>53</sup>. Walaupun tidak bersekolah di sekolah beraliran agama

<sup>52</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html> , 3 Januari 2010

<sup>53</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=30> ,5 Januari 2010

dan tidak mendapat pendidikan agama secara khusus, beliau masih mampu menamatkan pengajian dalam bidang hadith dengan mempelajari kesemua hadith dalam kutub *sittah*<sup>54</sup> serta mendalami syariah Islamiyah berteraskan Mazhab Maliki<sup>55</sup>.

Pada peringkat menengah, beliau telah berpindah ke sebuah sekolah di Kaherah kerana mengikut kakaknya yang memulakan pengajian di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Kaherah, Mesir. Pada tahun 1969, Sheikh ‘Alī Juma’ah telah menamatkan pengajian di peringkat menengah dan memperolehi *Syahādah al-Thānawiah*.<sup>56</sup>

Setelah menamatkan pengajian di peringkat menengah, beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan Kejuruteraan atau Perdagangan<sup>57</sup>. Beliau akhirnya telah memilih untuk memasuki Fakulti Perdagangan di Universiti ‘Ain Shams, Kaherah Mesir memandangkan ia membolehkan beliau pada waktu terluang untuk mendalami pengajian agama<sup>58</sup>. Ini adalah kerana jadual beliau dalam jurusan perdagangan tidak terlalu padat berbanding jurusan kejuruteraan. Sheikh ‘Alī Juma’ah telah menamatkan pengajian dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perdagangan pada Mei 1973 ketika berusia 21 tahun<sup>59</sup>.

---

<sup>54</sup> Kitab-kitab hadith *Sunan Sittah* : *Sahīh Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Abū Daud*, *Nasā’i*, *Tirmidhi* dan *Ibn Mājah*.

<sup>55</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html> , 3 Januari 2010

<sup>56</sup> <http://alimamalallama.com/article.php?id=19> , 2 Januari 2010

<sup>57</sup> <http://alimamalallama.com/article.php?id=19> , 2 Januari 2010

<sup>58</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html> , 3 Januari 2010

<sup>59</sup> ‘Ali Juma’ah (2007), *Op.Cit*, hal. 417

Oleh kerana cinta dan minat beliau dalam pengajian keagamaan, beliau kemudiannya memohon untuk melanjutkan pengajian dalam bidang syariah dengan memasuki Universiti al-Azhar, Kaherah. Apabila selesai menamatkan pengajian, beliau telah dikurniakan Ijazah Sarjana Muda kedua dalam bidang *Uṣūl al-Fiqh* di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Universiti al-Azhar dengan pencapaian *Mumtāz*.<sup>60</sup>

Ketika pengajian sarjana muda kedua ini, beliau mula bertalaqqi dengan beberapa cendekiawan tersohor di Mesir dan menghafal matan-matan penting dalam pelbagai sub-bidang utama pengajian syariah. Hasil usaha yang gigih daripada Sheikh ‘Alī Juma’ah ini menyebabkan beliau menguasi bidang syariah dengan mendalam. Antara matan yang pernah dihafaz oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah ketika mengikuti pengajian beliau di Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir adalah seperti *Tuhfah al-Atfāl* dalam bidang Tajwid, *Alfiyah Ibn Mālik* (Nahū), *al-Raḥbiyah* (Mīrāth), *Matan Abī Syujā'* (Fiqh al-Syāfi'ī), *al-Manzūmah al-Bayquniyyah* ('Ulūm al-Hadīth) dan sebagainya yang memberikan kesan dan faedah yang besar kepada beliau dalam menguasi bidang ini.<sup>61</sup> Penumpuan beliau kepada karya-karya turath seperti ini membuktikan beliau sememangnya sentiasa mendampingi dan mementingkan karya-karya turath dalam hidup beliau. Selain itu, ia juga membuktikan beliau merupakan seorang cendekiawan Islam yang beraliran tradisional.

---

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> <http://alimamalallama.com/article.php?id=20> (2 Januari 2010)

Setelah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda kedua dalam bidang *Uṣūl al-Fiqh* pada tahun 1979, beliau kemudiannya menyambung pengajian dalam bidang yang sama sehingga dikurniakan Ijazah Sarjana pada tahun 1985 juga dengan pencapaian *mumtāz*.<sup>62</sup>

Usaha beliau untuk mendalami pengajian Syariah tidak berakhir di situ sahaja. Beliau terus melanjutkan pelajaran lagi dengan memperoleh Ijazah Kedoktoran (PhD) di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti al-Azhar Kaherah, Mesir pada tahun 1988.<sup>63</sup>

Ketika mendapatkan Ijazah kedoktoran (PhD) pada 1988, beliau dikurniakan pangkat *Mumtāz al-Syaraf al-Uūlā*<sup>64</sup>. Pangkat ini adalah pangkat tertinggi yang dikurniakan kepada seorang pelajar PhD di Mesir. Penghargaan ini sekaligus melihatkan keistimewaan dan kelebihan yang dimiliki oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam menguasai bidang ini.

Ini dibuktikan lagi oleh kata-kata yang telah diambil oleh Prof. Dr. Abd al-Ḥamīd Mayhub, Profesor dalam bidang Syariah, Fakulti Undang-Undang Universiti al-Azhar Kaherah Mesir yang juga salah seorang panel yang mengadili pembentangan tesis Sheikh ‘Alī Juma’ah untuk mendapatkan Ijazah Kedoktoran :

---

<sup>62</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=30> , 5 Januari 2010

<sup>63</sup> ‘Alī Juma’ah (2007), *Op.Cit*, hal. 417

<sup>64</sup> *Ibid.*

إنه قد خلص في حياته بثلاث رسائل استوفت المنهج العلمي، منها رسالة الأستاذ الدكتور علي جمعة. والثانية للدكتور أسامة كحيل، والثالثة للدكتور علي بن سعد بن صالح الضويحي.

“Sesungguhnya telah sempurna sepanjang hayat beliau tiga tesis (Ijazah Kedoktoran) yang mencapai yang mencapai penemuan berharga dalam ilmu (Syariah), antaranya tesis Prof. Dr. ‘Alī Juma’ah, Dr. Usāmah Kahīl, Dr. ‘Alī bin Sa’ad bin Sālih al-Ḍuwaiḥī”<sup>65</sup>

Ini merupakan satu penghargaan keatas usaha yang dilakukan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam mencapai peringkat tertinggi dalam ilmu beliau. Oleh yang demikian, tidak syak lagi tahap keilmuan yang terdapat dalam diri Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam bidang yang dikuasainya iaitu dalam bidang Syariah Islamiyah.

Selain itu, beliau juga memiliki Ijazah Sanad yang tertinggi dalam ilmu Syariah. Ia telah dikurniakan oleh ulama-ulama yang terkemuka dan tersohor dalam dunia Islam kepada beliau yang mana mereka ini adalah guru-guru beliau ketika beliau mendalami ilmu Syariah.<sup>66</sup>

Kesimpulan yang boleh dibuat berkenaan dengan latar belakang pendidikan Sheikh ‘Ali Juma’ah, walaupun beliau seorang yang tidak mendalami pengajian agama secara khusus dan bukan merupakan seorang graduan dalam bidang syariah pada asalnya, namun oleh kerana minat yang mendalam, beliau berjaya menamatkan pengajian beliau di peringkat yang tertinggi dalam bidang *Uṣūl al-Fiqh*. Dengan penghargaan dan ilmu yang dimiliki oleh beliau menampakkan lagi kredibiliti beliau sebagai seorang cendekiawan Islam yang disegani.

<sup>65</sup> <http://alimamalallama.com/article.php?id=20>, 3 Januari 2010

<sup>66</sup> ‘Ali Juma’ah (2007), *Op. Cit.*, hal. 417

## **2.5 Karier dan Jawatan Yang Disandang**

Dengan ilmu yang dimiliki oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah, tidak berguna jika ianya disimpan tanpa disebarluaskan kepada masyarakat. Dengan kesedaran yang terdapat dalam diri Sheikh ‘Ali Ju’mah, beliau gigih menyebarluaskan ilmu tersebut dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Sebelum dilantik sebagai Mufti Mesir, Sheikh ‘Alī Juma’ah merupakan Professor dalam bidang Uṣūl al-Fiqh di Universiti al-Azhar cawangan mahasiswa<sup>67</sup>. Ini bersesuaian dengan bidang yang beliau kuasai dan dalami sejak daripada Ijazah kedua beliau iaitu *Uṣūl al-Fiqh*. Ia disokong lagi dengan kejayaan yang dikenai oleh beliau semasa mengikuti pengajiannya seterusnya melayakkan beliau untuk menyebarluaskan ilmu yang dimiliki di Universiti al-Azhar sebagai pusat pengajian tertua di dunia dan tersohor. Jawatan ini disandang selepas sahaja beliau menamatkan Ijazah Sarjana beliau pada tahun 1985<sup>68</sup>.

Pada tahun 1988, beliau mula berkhutbah dan mengajar di Masjid Sultan Hasan, Kaherah, satu daripada tempat-tempat terhebat dan tercantik di Mesir yang memaparkan senibina Kesultanan Mamluk. Khutbah Jumaat serta Kuliah Fiqh al-Syāfi’ī beliau ini dihadiri oleh ribuan umat Islam dari segala pelusuk Mesir. Beliau telah berkhutbah di masjid tersebut hampir 10 tahun.<sup>69</sup>

---

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html> , 3 Januari 2010

<sup>69</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html> , 3 Januari 2010

Selain daripada pengajaran beliau di Kampus Fakulti Syariah Universiti al-Azhar, beliau juga meneruskan tradisi para ilmuan di Mesir dalam menyampaikan kuliah dan pengajaran di Masjid al-Azhar<sup>70</sup>. Hampir sedekad bermula pada pertengahan tahun 1990-an, Sheikh ‘Alī Juma’ah berkongsi ilmu beliau dengan penuntut-penuntut di sana bermula dari pagi sehingga waktu malam hampir 6 hari seminggu. Kelas pengajaran beliau boleh diikuti di salah satu sudut di dalam Masjid al-Azhar. Dalam pengajaran di Masjid al-Azhar ini, beliau mengajar pelbagai ilmu yang berkaitan dengan syariah Islam antaranya *Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh*, *Hadīth*, ‘Ulūm al-Hadīth, *Tauḥīd* dan ‘Aqīdah.<sup>71</sup>

Selain itu juga, pada tahun 1995 sehingga 1997, Sheikh ‘Alī Juma’ah telah dilantik sebagai salah seorang daripada anggota Jawatankuasa Fatwa Universiti al-Azhar. Perlantikan ini menunjukkan kemampuan beliau sebagai seorang yang mampu mengeluarkan fatwa terhadap sesuatu permasalahan dengan baik.

Pada tahun 2003, Sheikh ‘Alī Juma’ah telah dilantik untuk menggantikan Mufti Besar Republik Mesir pada ketika itu iaitu Dr. Aḥmad Muḥammad Aḥmad al-Tayyīb<sup>72</sup> yang menjawat jawatan Mufti Mesir selama setahun enam bulan

<sup>70</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html>, 3 Januari 2010

<sup>71</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html>, 3 Januari 2010

<sup>72</sup> Dr. Aḥmad Muḥammad Aḥmad al-Tayyīb, dilahirkan pada 6 Januari 1946 di Mesir. Beliau menamatkan pengajian dalam Ijazah Kedoktoran (PhD) pada tahun 1969 dalam jurusan ‘Aqīdah dan Falsafah di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar Kaherah, Mesir. Beliau telah dilantik sebagai Mufti Mesir ketika berusia 56 tahun pada tanggal 26 Zulhijah 1422 Hijrah bersamaan 10 Mac 2002. Beliau menyandang jawatan ini sehingga 27 September 2003 apabila dilantik sebagai Rektor di Universiti al-Azhar Kaherah, Mesir. Lihat <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=29> (5 Januari 2010)

sahaja<sup>73</sup>. Jawatan Mufti Mesir yang disandang oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah berterusan sehingga hari ini<sup>74</sup>.

Antara tugas lain beliau adalah menjadi salah seorang anggota jawatankuasa dalam Majma’ al-Buhūth al-Islāmiyah. Perlantikan ini telah dilakukan semenjak tahun 2004 sehingga sekarang.

Sheikh ‘Alī Juma’ah juga merupakan seorang ahli jawatankuasa bagi Majma’ al-Fiqh al-Islāmī yang dilangsungkan secara tahunan di Jeddah<sup>75</sup>. Selain itu, beliau juga telah dilantik menjadi salah seorang daripada anggota jawatankuasa bagi Mu’tamār al-Fiqh al-Islāmī di India<sup>76</sup>. Penyertaan Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam perhimpuan para cendekiawan Islam ini dilihat sebagai satu bukti ketokohan beliau dalam bidang ini setanding dengan para ilmuan lain.

Antara tugas-tugas lain yang pernah disandang dan terus dilaksanakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah sebagai seorang ulama kontemporer adalah seperti<sup>77</sup> :

1. Penyelia Syariah untuk projek memasukkan al-Sunnah dalam perisian Komputer dibawah Jam’iyah al-Maknaz al-Islāmī di Liechtenstein sejak tahun 1987.
2. Ahli Pengawasan dan Penasihat Syariah di Bank Islam Antarabangsa Untuk Pelaburan dan Pembangunan di Kaherah sejak tahun 1990.

<sup>73</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=29> (5 Januari 2010)

<sup>74</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=30> (5 Januari 2010)

<sup>75</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=30> (5 Januari 2010)

<sup>76</sup> ‘Ali Juma’ah (2007), *Op. Cit.*, hal. 418

<sup>77</sup> *Ibid.*

3. Penasihat Akademik untuk Ma'had al-'Alāmī li al-Fikr al-Islāmī dan Pengetua di cawangan Kaherah sejak 1992 hingga 2003.
4. Timbalan Pengarah Markaz Sāliḥ ‘Abd Allah Kamīl, untuk urusan ekonomi Universiti al-Azhar sejak tahun 1993 hingga 1996.
5. Ketua Jawatankuasa Fiqh di Majlis al-A'lā li Syuūn al-Islāmiyyah sejak tahun 1996 sehingga sekarang.
6. Ketua Penasihat Syariah di Persatuan Bank Mesir sejak tahun 1997 hingga 2003.
7. Anggota Penasihat Syariah untuk Bank Pembangunan Pertanian sejak tahun 1997 sehingga 2003.
8. Anggota Penasihat Syariah Bank Timur Tengah dalam Muamalat Islam sejak tahun 1997 hingga tahun 2003.
9. Ketua Majlis Idārah al-Jam'iyyah al-Khairiyyah li al-Khidmah al-Thaqāfah wa al-Ijtimā'iyyah sejak tahun 1997.
10. Penasihat Tertinggi Kementerian Wakaf Mesir sejak 1998 hingga 2003.
11. Penyelia Umum untuk Universiti al-Azhar sejak tahun 2000.
12. Anggota Jawatankuasa Fatwa untuk Amerika Utara.

## **2.6 Sumbangan**

Ketokohan Sheikh 'Alī Juma'ah sebagai seorang tokoh yang disegani ditambah lagi dengan sumbangan besar beliau dalam memartabatkan nama Islam dengan pelbagai usaha yang telah dilakukan. Usaha-usaha ini tidak tertumpu di Mesir sahaja, bahkan melibatkan kepentingan masyarakat Islam seluruh dunia tanpa mengira tempat.

Antara sumbangan Sheikh ‘Alī Juma’ah adalah ketika beliau dilantik menjadi Mufti Besar Mesir pada tahun 2003, beliau telah mengubah dasar Dār al-Iftā’ daripada satu institusi yang khusus kepada seorang mufti sahaja kepada satu institusi moden yang mempunyai ahli jawatankuasa fatwa yang tersendiri<sup>78</sup>. Dengan usaha beliau mewujudkan ahli jawatankuasa fatwa ini ternyata melicinkan lagi urusan menjawab pertanyaan daripada masyarakat tentang sesuatu permasalahan.

Selain itu, beliau juga merupakan perintis dalam memperkenalkan penggunaan teknologi dalam menyelesaikan permasalahan agama. Ini dibuktikan dengan idea beliau untuk menggunakan internet dengan menyediakan sebuah laman web khas untuk Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah dan kemudahan penggunaan telefon bagi mengutarakan apa-apa permasalahan. Ia banyak membantu dan memudahkan masyarakat di Mesir khususnya, dan masyarakat Islam dunia amnya untuk mengetahui serta menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dengan mendapatkan fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Dār al-Iftā’ ini.<sup>79</sup>

Penggunaan teknologi yang diperkenalkan beliau di Dār al-Ifta diteruskan lagi apabila beliau dilantik sebagai salah seorang penyelia untuk projek memasukkan kitab-kitab hadith ke dalam perisian komputer dibawah usaha Jam’iyyah al-Maknaz al-Islāmī di Liechtenstein sejak tahun 1987. Perisian yang

<sup>78</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html>, 3 Januari 2010

<sup>79</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html>, 3 Januari 2010

direka tersebut juga mampu untuk digunakan untuk merujuk dan pencarian terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW<sup>80</sup>

Hasil usaha Jam'iyyah al-Maknaz al-Islāmī ini dengan bantuan penyeliaan oleh Sheikh 'Alī Juma'ah juga telah menghasilkan cetakan semula kitab *Kutub al-Sab'ah* hasil penulisan oleh Sheikh Muḥammad Khalaf al-Ḥusnī dan penulisan khat oleh Malik Fuad.<sup>81</sup>

Beliau juga telah mengambil bahagian dalam meletakkan metodologi pengajian di Fakulti Syariah di Negara Oman sehingga tertubuhnya Fakulti Syariah di sana. Sumbangan besar beliau menjadikan beliau dianggap sebagai antara pengasas kepada tertubuhnya fakulti Syariah di College of Islamic Law di Negara Oman dan dijemput untuk menghadiri majlis perasmian Fakulti tersebut.<sup>82</sup>

Selain di Oman, beliau juga diberi kepercayaan sebagai salah seorang panel dalam meletakkan metodologi pengajian Syariah di Universiti Sains Islam dan Sosial (SISS) di Washington, Amerika Syarikat selain di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga menjadi penasihat dalam pembentukan dan tugasannya Fakulti.<sup>83</sup>

---

<sup>80</sup> 'Ali Juma'ah (2007), *Op. Cit.*, hal. 421

<sup>81</sup> 'Ali Juma'ah (2007), *Op. Cit.* , hal. 421

<sup>82</sup> *Ibid*, hal. 418

<sup>83</sup> *Ibid*, hal. 418

Sheikh ‘Alī Juma’ah juga menjadi penilai kepada Majma’ al-Lughah al-Arabiyyah dalam menyediakan himpunan istilah-istilah dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Beliau menjadi penasihat sehingga sekarang.<sup>84</sup>

Beliau juga pernah dipilih sebagai penyelia dan tempat rujukan dalam penterjemahan al-Quran al-Karim daripada bahasa asalnya iaitu Bahasa Arab kepada Bahasa Perancis<sup>85</sup>. Sumbangan beliau ini banyak membantu kepada pemahaman ayat-ayat suci al-Quran kepada orang yang penutur Bahasa Perancis yang merupakan antara bahasa yang utama dan mempunyai penutur antara teramai di dunia.

Sumbangan lain yang pernah dilakukan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah kepada masyarakat dalam memartabatkan Islam adalah seperti :<sup>86</sup>

1. Dipilih sebagai Penyelia bersama di Universiti Oxford, England bagi kawasan Timur Tengah dalam jurusan Pengajian Islam dan Bahasa Arab.
2. Dipilih sebagai Penyelia Universiti Harvard cawangan di Mesir dalam Jabatan Pengajian Ketimuran.
3. Menyampaikan pengajaran agama di Maghribi yang dihadiri oleh Raja Maghribi. Sehingga sekarang, beliau sering dijemput untuk mengajar di sana setiap tahun.

---

<sup>84</sup> *Ibid*, hal. 421

<sup>85</sup> *Ibid*

<sup>86</sup> *Ibid*, hal. 418-22

4. Mengajar secara harian untuk halaqah di Universiti al-Azhar selepas solat Subuh dengan pengajian daripada ilmu-ilmu Syariah dan Bahasa Arab.

## 2.7 Karya-Karya Ilmiah dan Penulisan

Karya penulisan adalah sesuatu yang sangat penting menjadi rujukan utama umat Islam di seluruh dunia. Ia merupakan pandangan ilmiah yang diwarisi terus menerus untuk seluruh generasi umat Islam.

Selain menjadi Mufti Mesir, beliau juga tidak ketinggalan untuk mengadaptasi ilmu yang dipelajari untuk dikongsi seisi dunia terutama bagi masyarakat Islam. Sepanjang hayat beliau sehingga sekarang, beliau banyak menghasilkan karya ilmiah untuk rujukan dan bacaan umat Islam seluruh dunia. Karya-karya ini kesemuanya ditulis dalam dalam Bahasa Arab.

Antara buku-buku yang telah dikenal pasti oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah adalah seperti<sup>87</sup> :

1. *Al-Hukm al-Syar’ī ‘Inda al-Uṣūliyyīn*
2. *Al-Madkhāl ilā Dirāsāt al-Madhāhib al-Fiqhiyyah.*
3. *Al-Mar’ah fī Ḥadārah al-Islāmiyyah.*
4. *Al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*
5. *Al-Muṣṭalāh al-Uṣūlī wa al-Taṭbīq ‘Alā Ta’rīf al-Qiyās*
6. *Qadiyah Tajdīd Uṣul al-Fiqh*

---

<sup>87</sup> *Ibid*, hal. 419-420

7. *Athār Dīhab al-Maḥal fī al-Hukum.*
8. *‘Alāqah Uṣul al-Fiqh Bī al-Falsafah.*
9. *Taqyīd al-Mubāḥ.*
10. *Mabāḥith al-‘Amr ‘Inda al-Uṣūliyyūn.*
11. *Al-Ru’yah wa Ḥujjiyatuhā al-Uṣūliyyah.*
12. *Al-Naskh ‘Ind al-Uṣūliyyīn.*
13. *Al-Ijmā’ ‘Ind al-Uṣūliyyūn.*
14. *Āliyāt al-Ijtihād.*
15. *Al-Imam al-Syāfi’ī wa Madrasatuh al-Fiqhīyyah.*
16. *Al-Naẓariyyāt al-Uṣūliyyah wa Madkhal li Dirasāt ‘Ilm al-Uṣūl.*
17. *Mudhākarah Ḥaūl al-Manhaj al-Uṣūli li Tanāwab al-Mu’āmalāt al-Māliyyah al-Hadīthah wa al-Qawā’id al-Dābiṭah lahā.*
18. *Iqtirāḥ ‘Aqd Tamwīl min Khilāl Takyīf al-‘Umlah al-Waraqīyyah : Ka al-Fulūs fī al-Fiqh al-Islāmī.*
19. *Al-Imām al-Bukhārī*

Selain sibuk menghasilkan penulisan daripada pelbagai bidang utama Islam, Sheikh ‘Alī Juma’ah juga terlibat dalam mentahqīq beberapa kitab *turāth* yang mempunyai kepentingan tersendiri sebagai rujukan pada hari ini. Usaha yang dilakukan beliau banyak membantu penulisan semula kitab-kitab *turāth* agar ianya tidak luput ditelan zaman. Usaha ini dilakukan keatas beberapa buah kitab turath antaranya<sup>88</sup> :

---

<sup>88</sup> *Ibid.*

1. *Jauharah al-Tauḥīd li al-Bajurī*
2. *Al-Furūq li al-Qarāfi*
3. *Al-Tajrīd fī Muqāranah al-Fiqh al-Hanafī wa al-Syāfi'ī li al-Qadūrī*
4. *Al-Aḥkām al-Syar'iyyah fī al-Aḥwāl al-Syakhsiyah*
5. *Riyāḍ al-Sāliḥīn li al-Imām al-Nawāwī*
6. *Syarḥ Alfiah al-Sirah li al-Ajhuri.*

Sebagai seorang tokoh ilmuwan Islam yang terkemuka pada hari ini, beliau juga turut menyertai pelbagai seminar setempat dan antarabangsa dalam membincangkan pelbagai isu Islam semasa. Dengan penyertaan itu, banyak kertas-kertas kerja telah dihasilkan beliau antaranya<sup>89</sup> :

1. *Al-Raqābah al-Syar'iyyah ; Musykilatuha wa Ṭurq Taṭwiruha – Kertas kerja utama untuk Mu'tamar keempat di India.*
2. *Al-Zakāh- Mu'tamar kelima di India*
3. *Huqūq al-Insāniyah min Khilāl Huqūq al-Akwān fī al-Islām – untuk Muassasah Naif.*
4. *Al-Namūdhaj al-Ma'rīfī al-Islāmī – Nadwah al-Manhājiyyah fī al-Urdun wa Maqālāt wa Barāmij.*

---

<sup>89</sup> 'Ali Juma'ah (2007), *al-Kalim al-Tayyib - Fatawa 'Asriyyah*, Kaherah : Dar al-Salam, cet.1, Op. Cit., hal. 419-420

Selain menghasilkan karya-karya dalam bentuk kitab dan kertas kerja, beliau juga menjadi editor dalam mengawal selia karya-karya yang dihasilkan dalam majalah-majalah, antaranya<sup>90</sup> :

1. *Majalah Ekonomi Islam*
2. *Majalah Gabungan Universiti-Universiti Arab*
3. *Majalah Muslim*
4. *Majalah Tajdīd*
5. *Majalah Islāmiyah al-Ma'rifah*
6. *Majalah Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Universiti al-Azhar*
7. *Majalah al-Muslim al-Mu'āsir.*

## 2.8 Guru-Guru

Guru merupakan satu elemen penting dalam mendalami sesuatu ilmu. Tanpa guru dan pembimbing, seseorang tidak mampu menguasai sepenuhnya ilmu yang dipelajari. Bagi Sheikh ‘Alī Juma’ah juga, guru adalah satu faktor kejayaan beliau dalam mendalami ilmu agama. Pengalaman beliau berguru dengan para ilmuan dan cendekiawan Islam terutama di Universiti al-Azhar membentuk keperibadian beliau yang layak diletakkan sebaris dengan para cendekiawan Islam hari ini.

Antara guru-guru beliau yang termashyur terutama ketika meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar adalah seperti al-Sheikh Muḥammad Abū Nūr

---

<sup>90</sup> *Ibid.*

Zuhayr<sup>91</sup>, Sheikh Jād al-Rāb Ramaḍān Juma’ah<sup>92</sup>, Sheikh al-Ḥusaynī Yūsuf al-Shaykh<sup>93</sup>, ‘Abd al-Jalīl al-Qaransyāwī al-Mālikī<sup>94</sup> dan Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaq<sup>95</sup>.<sup>96</sup>

Sebagai tambahan daripada pengajian yang diambil daripada ilmuan di Universiti al-Azhar Kaherah, Sheikh ‘Alī Juma’ah banyak menghabiskan masa menuntut ilmu di luar daripada dewan kuliah. Antara tokoh yang banyak memberi kesan kepada perkembangan ilmu beliau di luar universiti adalah Sheikh ‘Abd Allah bin Ṣiddīq al-Ghumārī<sup>97</sup> yang mengakui Sheikh ‘Alī Juma’ah sebagai murid yang paling mahir dan berjaya.<sup>98</sup>

Selain daripada itu, terdapat ramai lagi tokoh yang pernah mencerahkan ilmu kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah secara langsung atau tidak langsung. Antara

<sup>91</sup> Sheikh Muḥammad Abū Nūr Zuhaīr merupakan seorang pensyarah Uṣūl al-Fiqh di Kuliah Syariah, Universiti al-Azhar dan merupakan anggota Jawatankuasa Lujnah Fatwā al-Azhār. Sheikh ‘Alī Juma’ah memulakan pengajian dengan Sheikh Muḥammad Abū Nūr ini ketika sedang meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar dan berterusan sehingga menamatkan pengajian kitab karangan Sheikh Muḥammad ini yang bertajuk *Uṣūl al-Fiqh*. Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=22>, 15 April 2010.

<sup>92</sup> Sheikh Jād al-Rab merupakan Dekan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti al-Azhar ketika Sheikh ‘Ali Juma’ah dalam pengajian Ijazah Tinggi. Sheikh Jād al-Rab digelar dengan nama “al-Syāfi’ī al-Ṣaqhīr” kerana pegangan kuat beliau terhadap pendapat daripada Imam al-Syāfi’ī. Sheikh ‘Ali Juma’ah telah bertalaqqi pelbagai kitab utama khususnya dalam Fiqh al-Syāfi’ī daripada beliau. Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=22>, 15 April 2010.

<sup>93</sup> Sheikh al-Ḥusainī Yūsuf al-Shaykh juga merupakan seorang Pensyarah di Universiti al-Azhar dan menurunkan ilmu berkaitan dengan Fiqh al-Syāfi’ī dan Uṣūl al-Fiqh kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah. Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=22>, 15 April 2010.

<sup>94</sup> Sheikh ‘Abd al-Jalīl al-Qaransyāwī seorang pensyarah Universiti al-Azhar. Sheikh ‘Alī Juma’ah menpelajari ilmu Uṣūl al-Fiqh daripada beliau. Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=22>, 15 April 2010.

<sup>95</sup> Sheikh Jād al-Ḥaq ‘Alī Jād al-Ḥaq merupakan Bekas Sheikh al-Azhar, dilahirkan pada 5 April 1917 dan pernah memegang jawatan sebagai Mufti Mesir pada tahun 1978 sebelum dilantik sebagai Sheikh al-Azhār pada tahun 1982. Beliau telah meninggal dunia pada 15 Mac 1996. Lihat <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=71>

<sup>96</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=30>, 5 Januari 2010

<sup>97</sup> Sheikh Abd Allah bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī merupakan tokoh kelahiran Maghribi dan merupakan tokoh dalam bidang hadith yang terkemuka pada zaman ini. Sheikh ‘Alī Juma’ah banyak menimba ilmu dalam pelbagai bidang Islam daripada beliau terutama dalam bidang hadith. Lihat <http://alimamalallama.com/article.php?id=22>, 15 April 2010.

<sup>98</sup> <http://www.aligomaa.net/bio.html>, 3 Januari 2010

tokoh-tokoh ilmuan Islam ini adalah seperti ‘Abd al-Ḥāfiẓ al-Tijānī, ‘Abd al-Ḥakīm ‘Abd al-Laṭīf, ‘Abd al-Ḥamīd Mayḥub, Aḥmad Jābir al-Yamanī, Aḥmad Ḥammādah al-Syāfi’ī, Aḥmad Mursī, ‘Alī Aḥmad Mar’ī, Ḥasan Aḥmad Mar’ī, Ibrāhim Abū al-Khasyb, ‘Iwāḍ Allah al-Ḥijāzī, ‘Iwāḍ al-Zabīdī, Ismā’īl Ṣādiq al-’Adwī, Ismā’īl al-Zayn al-Yamanī, Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī, Muḥammad Isma’īl al-Ḥamādānī, Muḥammad Maḥmūd Farghalī, Muḥammad Shams al-Dīn al-Manṭiqī, Muḥammad Dhakī Ibrāhim, Sha’bān Muḥammad Ismā’īl, Sa’īd ‘Abd Allah al-Lajhī, al-Sayyid Ṣāliḥ ‘Iwāḍ, Ṣāliḥ al-Ja’farī dan Yasin al-Fidānī.<sup>99</sup>

---

<sup>99</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewScientist.aspx?ID=30> , 5 Januari 2010

# BAB 3

## **BAB 3 : FATWA DAN METODE BERFATWA**

### **3.1 Pendahuluan**

Fatwa merupakan satu perkara penting dalam kehidupan masyarakat Islam. Kita seringkali dihujani dengan pelbagai permasalahan yang tidak dapat diselesaikan dengan menggunakan akal dan ilmu yang cetek kerana tidak memahami dalil-dalil syarak mahupun permasalahan tersebut belum diperkatakan oleh mana-mana ilmuan Islam terdahulu. Oleh yang demikian, pertanyaan yang lanjut perlu diajukan kepada seseorang yang lebih mendalam dan mempunyai kepakaran dalam menyelesaikan semua permasalahan ini dengan ilmu yang dimiliki.

Dalam bab ini, penulis cuba membawa sedikit gambaran tentang fatwa dan perkara yang berkaitan dengannya. Pembahagian tiga perbincangan utama didalam bab ini berkisar tentang konsep fatwa, fatwa dan mufti serta diakhiri dengan perbincangan tentang metode berfatwa mengikut zaman bermula dari Rasulullah SAW sehingga sekarang. Dalam bahagian pertama, antara perbincangan yang diketengahkan adalah seperti penggunaan lafaz fatwa dalam al-Quran, pensyariatan fatwa serta hukum dan kepentingan berfatwa. Bahagian kedua pula membincangkan kelayakan seseorang sebelum dilantik menjadi seorang mufti. Dalam bahagian terakhir mengenai metode berfatwa, penulis membahagikan kepada enam zaman utama. Ia bermula dari zaman Rasulullah dan diikuti sehingga zaman sekarang.

### **3.2 Konsep Fatwa**

Fatwa penting dalam syariat Islam. Fatwa yang dikeluarkan adalah berdasarkan hujah dan dalil syarak, iaitu dengan menggunakan kekuatan *Istinbāt*. Sekiranya sesuatu fatwa dikeluarkan menurut hawa nafsu atau akal fikiran semata-mata atau bertentangan dengan dalil syarak, ia bukanlah fatwa dalam erti kata yang sebenar.

Fatwa merupakan satu tindak balas maklumat atau respon kepada persoalan yang dikemukakan. Dengan kata lain, apabila ada soalan dan kemosyikan, akan ada fatwa sebagai jawapan<sup>100</sup>.

Perkara ini bersesuaian dengan keadaan masyarakat Islam sekarang yang terdedah dengan pelbagai perkara baru yang memerlukan kepada penyelesaian hukum syarak. Selain daripada itu, tahap penguasaan dalam hukum agama yang agak lemah dalam kalangan penganut agama Islam berkaitan dengan hukum ini menyebabkan penfatwaan menjadi satu perkara yang sangat penting untuk membimbing mereka dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim yang sebenar.

Terdapat pelbagai definisi lain yang menerangkan maksud fatwa ini, bukan sahaja dari sudut bahasa, malah definisi dari sudut istilah. Fatwa secara umumnya terbahagi kepada dua pengertian utama iaitu ; dari sudut bahasa dan istilah syarak.

---

<sup>100</sup> Noor Naemah Abdul Rahman (2003), *Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis*, (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 45

Ibn Munzir dalam kitab *Lisān al-‘Arab*<sup>101</sup> menjelaskan bahawa fatwa dari segi bahasa didefinisikan sebagai :

### أفتا في الأمر : أبان له وأفتى الرجل في المسألة

“Memberi fatwa pada sesuatu perkara : Menerangkan kepadanya dan seseorang berfatwa pada sesuatu permasalahan.

Fatwa berasal daripada perkataan *الفتاوى* yang diambil daripada yang membawa maksud menerangkan. Ia juga berasal dari perkataan *الفتى* bermaksud pemuda yang kuat sebagaimana digambarkan kepada mufti – seorang yang menerangkan jawapan tentang perkara yang samar-samar sehingga hukumnya menjadi jelas dan kuat<sup>102</sup>.

Dalam satu hadith Rasulullah SAW telah bersabda :

وعن وَابِصَّةَ بْنِ مَعْبُدٍ - رضي الله عنه - ، قَالَ: أَتَيْتُ رَسُولَ اللهِ - صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - ، فَقَالَ: (( جَئْتَ تَسْأَلُ عَنِ الْبِرِّ ؟ )) قُلْتُ : نَعَمْ ، فَقَالَ : (( اسْتَفْتَ قَلْبَكَ ، الْبِرُّ : مَا اطْمَأْنَتِ إِلَيْهِ النَّفْسُ ، وَاطْمَأْنَ إِلَيْهِ الْقَلْبُ ، وَالإِثْمُ : مَا حَاكَ فِي النَّفْسِ ، وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ ، وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ وَأَفْتُوكَ ))

<sup>101</sup> Ibn al-Munzir (t.t), *Lisān al-Arab*, Kaherah : Dār al- Ma’ārif, Jld.37, hal. 3348

<sup>102</sup> ‘Āmir Sa’id al-Zaibāri (1995), *Mabāhith fī Aḥkām al-Fatwā*, Beirut : Dār Ibn Hazm, cet. 1, hal. 4

“Daripada Wabiṣah bin Ma’bad r.a berkata : Aku telah datang menemui Rasulullah s.aw maka beliau bersabda : Kamu datang bertanyakan tentang kebaikan? Aku menjawab ; Ya. Baginda bersabda : Mintalah fatwa daripada hatimu. Kebajikan itu ialah suatu perkara yang diri dan hati merasa tenang tenteram terhadapnya, dan dosa itu itu ialah suatu perkara yang tergetar dalam dirimu dan teragak-agak di hati, sekalipun ada orang yang memberikan fatwa kepadamu dan mereka memberikan fatwa kepadamu”<sup>103</sup>

Definisi fatwa ini turut dijelaskan dalam Kamus Dewan. Fatwa merupakan satu perkataan yang berasal daripada bahasa arab yang bermaksud keputusan tentang sesuatu hukum agama yang belum diputuskan lagi berdasarkan nas-al-Quran, hadith diberikan oleh alim ulama atau mufti tentang sesuatu perkara<sup>104</sup>.

Daripada definisi-definisi yang dijelaskan diatas, fatwa dari sudut bahasa boleh digambarkan sebagai satu penerangan oleh seorang mufti yang berkelayakan terhadap sesuatu permasalahan yang timbul apabila terdapat kesamaran pada hukumnya.

Penjelasan tentang maksud fatwa ini dari sudut istilah mempunyai berbagai-bagi penerangan oleh para ulama. al-Ḥarrānī dalam kitabnya mengulas fatwa dari sudut istilah sebagai :

**أَنْهَا نَصُّ جَوَابِ الْمُفْتَيِّ أَوْ مِنْ حَكْمِ الشَّرْعِ الَّذِي يَخْبِرُ عَنْهُ الْمُفْتَيِّ  
بِإِفْتَائِهِ**

“Ia merupakan satu nas jawapan daripada mufti atau sesuatu hukum syarak yang diberitahu oleh mufti menerusi fatwa-fatwanya”.

<sup>103</sup> al-Dārimī, Abdullah bin Abd al-Rahmān Abu Muḥammad (1407 H), *Sunan al-Dārimī*, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, cet.1, jld.2, hal.320, no. hadith 2533.

<sup>104</sup> *Kamus Dewan-Edisi Ketiga* (1996), Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 350

Sesetengah ulama memberikan penjelasan bahawa fatwa merupakan satu jawapan yang disandarkan kepada seseorang mufti apabila diajukan soalan kepadanya berdasarkan kepada kaedah-kaedah berfatwa yang telah ditetapkan oleh Islam.<sup>105</sup>

Fatwa juga didefinisikan oleh sesetengah ulama lain sebagai satu perkataan yang membawa maksud suatu penerangan mengenai hukum syarak kepada masalah-masalah yang tidak mempunyai nas atau perbincangan di dalam kitab-kitab fekah secara tidak mengikat.<sup>106</sup>

Ibn al-Qayyim mendefinisikan fatwa mengikut cara yang berbeza dengan ulama lain. Beliau menjelaskan bahawa fatwa merupakan satu penjelasan daripada Rasulullah SAW merangkumi seluruh hukum meliputi penerangan yang jelas kewajipan mentaatinya dan berhukum dengannya selepas al-Quran.<sup>107</sup>

Quṭb Muṣṭafa Sanū turut menerangkan dengan panjang lebar berkaitan dengan maksud fatwa. Ini dapat dijelaskan dengan kata-kata beliau :

---

<sup>105</sup> Lihat Ahmad Ibn Ḥamdañ al-Harranī (1984), *Ṣifāt al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Muṣtaftī*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, Cet.4, Hal.4. Lihat juga Khalid Ramaḍhan Hasan, *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah : Dar al-Ṭarabisyī, Hal. 205. Lihat juga Quṭb Muṣṭafā Sano(2000), *Mu'jam Muṣṭalaḥat Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.312

<sup>106</sup> Ahmad Hidayat Buang (2001), *Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah Di Malaysia*, Jurnal Syariah, jld. 10, hal. 39.

<sup>107</sup> Ibn Qayyim Al-Jauziyyah(1968) *Ilām al-Muwaqqi'īn* , Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariah Misr, jld,1, hal. 9

الحكم الشرعي الذي بينه الفقيه المتصدّي للأفتاء، لمن سأله عنه، لا على وجه الإلزام : أي لا يلزم المكلّف بالإلزام بما أفتاه المفتى، وله الحق في استفتاء مفت آخر. وله الحق في العمل بفتوى مفت آخر، مخالفة لفتوى المفتى الأول، ما دام المفتى الثاني هو الآخر عالمًا مجتهدًا، تتحقق فيه شروط الإفتاء وأدواته<sup>108</sup>.

“Suatu hukum syarak yang diterangkan oleh Faqih yang layak untuk berfatwa kepada orang yang bertanyakan tentang permasalahan tersebut. Ia bukanlah satu yang mengikat : iaitu bukanlah satu yang mengikat kepada orang yang bertanya untuk mengikuti apa yang telah difatwakan oleh mufti serta mempunyai hak untuk mendapatkan penjelasan daripada mufti lain dan mumpunyai hak untuk beramal dengan fatwa daripada mufti lain sekiranya bercanggah fatwa tersebut selagi mufti kedua merupakan seorang yang alim dan mujtahid dan memenuhi syarat-syarat berfatwa dan cara-caranya”

Kesimpulannya, fatwa merupakan satu penerangan berkaitan dengan hukum Islam yang dikeluarkan oleh seorang mufti yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk berfatwa terhadap sesuatu permasalahan yang diajukan oleh *mustafī* kepada mereka. Walaubagaimanapun, sekiranya fatwa tersebut merupakan satu ijtihad daripada mufti, ia tidak menjadi satu kewajipan keatas *mustafī* untuk beramal dengannya sekiranya terdapat fatwa yang berbeza tentang satu permasalahan yang timbul.

---

<sup>108</sup> Quṭb Muṣṭafā Sanū (2000), *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣul al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.312

### 3.2.1 Penggunaan Perkataan Fatwa Dalam al-Quran

Lafaz fatwa telah disebut sebanyak sebelas kali dalam sembilan ayat yang berbeza dalam al-Quran. Penggunaan lafaz ini berbeza-beza mengikut keadaan dan tujuan ayat digunakan. Secara kesimpulannya, penggunaan lafaz fatwa ini boleh dikategorikan kepada tiga bentuk di dalam al-Quran<sup>109</sup>.

Bentuk pertama penggunaan lafaz fatwa ini adalah untuk meminta penjelasan hukum kepada sesuatu permasalahan. Bentuk ini adalah bentuk fatwa yang dibincangkan dalam kajian ini. Terdapat dua ayat al-Quran yang menjadi contoh kepada bentuk pertama ini iaitu ayat 127 dan 176 surah al-Nisā'. Salah satu contoh adalah :

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلْ أَللَّهُمَّ يُفْتَنِي كُلُّ مَنْ فِيهِنَّ  
١٢٧

“Dan mereka meminta fatwa kepadamu, mengenai kaum perempuan.

Katakanlah olehmu Allah akan memberi keterangan kepada kamu mengenai mereka ”<sup>110</sup>

Ayat ini merupakan satu penjelasan tentang seorang sahabat yang merupakan wali kepada anak yatim perempuan dimana beliau ingin mengetahui tentang hak

<sup>109</sup> Noor Naemah binti Abd Rahman (2001), *Fatwa dan Realitinya di Zaman Rasulullah*, Jurnal Syariah (APIUM), bil. 1, jld. 9, hal. 14

<sup>110</sup> Surah al-Nisā', ayat 127

perempuan serta perihal pewarisan anak yatim tersebut<sup>111</sup>. Maka Rasulullah telah menjelaskan hukumnya berdasarkan ayat al-Quran seterusnya.

Bentuk kedua penggunaan lafaz fatwa dalam al-Quran ini adalah meminta penjelasan tanpa melibatkan implikasi hukum. Ia lebih menjurus kepada meminta penjelasan kepada soal kehidupan manusia. Ini boleh dilihat dalam empat ayat yang berbeza iaitu ayat 41, 43 dan 46 *Surah Yūsūf* dan ayat 32 *Surah al-Naml*. Contoh bentuk kedua ini adalah seperti :

يَصْرِجِي السِّجْنَ أَمَا آخَذْ كُمَا فِي سَقِيرٍ رَبَّهُ خَمْرًا وَمَا آخَرَ فَيُصْلِبُ  
فَتَأْكُلُ الظَّيْرُ مِنْ رَأْسِهِ قُضِيَ الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ تَسْنَقْتِيَانِ  
٤١

Wahai sahabatku sepenjara! Adapun salah seorang dari kamu, maka ia akan memberi minum tuannya. Adapun yang seorang lagi, maka ia akan dipalang, serta burung pula akan makan dari kepalanya. Telah selesailah perkara yang kamu tanyakan itu.<sup>112</sup>

Jelas daripada ayat di atas yang telah mengisahkan tentang pentafsiran mimpi oleh Nabi Yusuf a.s setelah diminta oleh dua orang rakannya ketika beliau dipenjarakan<sup>113</sup>. Penggunaan lafaz fatwa dalam ayat ini hanya menunjukkan penjelasan tentang tafsir mimpi dan ianya tidak melibatkan implikasi hukum.

Bentuk ketiga dan terakhir tentang penggunaan lafaz fatwa dalam al-Quran adalah dalam uslub memberi arahan kepada Rasulullah SAW. Dalam hal ini,

<sup>111</sup> Ibn Kathīr, Abū Al-Fidā' Imād Ad-Dīn Ismā' īl bin 'Umar (2004), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Riyāḍ : Dār al-Salām li al-Nasyr wa-al-Tawzī', cel. 6, jil. 1, hal 562.

<sup>112</sup> Surah Yūsūf, ayat 41.

<sup>113</sup> Ibn Kathīr (2004), *Op. Cit*, jld. 2, hal. 1454

terdapat dua bentuk arahan, pertama : melarang Rasulullah SAW untuk memohon fatwa daripada golongan yang tidak beriman seperti dalam *Sūrah al-Kahfī* ayat 18, dan kedua : arahan untuk Rasulullah SAW meminta fatwa daripada golongan tidak beriman hanya untuk memperlekeh dan mencabar mereka dalam ayat 11 dan 149 *Sūrah al-Şāffāt*. Contoh penggunaan lafaz fatwa dalam bentuk ketiga ini adalah :

فَاسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُّ خَلْقًا مَّنْ خَلَقَنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِّنْ طِينٍ لَّا زِيمٌ  
114 ۱۱

(Setelah nyata kekuasaan Kami) maka bertanyalah (wahai Muhammad) kepada mereka (yang ingkarkan hidupnya semula orang-orang mati): Adakah diri mereka lebih sukar hendak diciptakan, atau makhluk lain yang Kami telah ciptakan? Sesungguhnya Kami telah ciptakan mereka dari tanah liat (yang senang diubah dan diciptakan semula).<sup>114</sup>

Ayat di atas merupakan contoh dimana Rasulullah SAW bertanya kepada golongan Musyrikin Mekah yang ingkar tentang penciptaan hari kebangkitan tentang penciptaan yang lebih susah, adakah penciptaan manusia atau selain daripada manusia sedangkan penciptaan manusia hanyalah daripada tanah sahaja.<sup>115</sup>

Kesimpulannya, penggunaan lafaz fatwa dalam al-Quran ini kesemuanya berkisar tentang mendapatkan penjelasan terhadap sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, dengan pembahagian yang telah dibuat, perbincangan dalam kajian ini hanya menumpukan kepada penggunaan lafaz fatwa dalam meminta penjelasan tentang sesuatu hukum.

### 3.2.2 Pensyariatan Fatwa

---

<sup>114</sup> Surah al-Şāffāt, ayat 11

<sup>115</sup> Abū Al-Fidā 'Imād Ad-Dīn Ismā' īl bin 'Umar bin Kathīr (2004), *Op. Cit*, Jld, 4, hal 2384.

Fatwa merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan pada masa kini dan ianya tidak perlu dipertikaikan lagi. Ditambah pula dengan peredaran zaman dan teknologi, permasalahan baru semakin banyak yang timbul. Ini juga diikuti dengan kelemahan masyarakat Islam dalam memahami konsep dan hukum Islam sepenuhnya.

Oleh yang demikian, terdapat dua golongan yang boleh dibahagikan dalam masyarakat Islam pada hari ini, iaitu Mufti dan Mustafti. Mufti adalah seorang yang berkelayakan untuk mengeluarkan fatwa manakala Mustafti merupakan seorang yang bertanya dan ingin mendapatkan kepastian terhadap sesuatu permasalahan.<sup>116</sup>

Firman Allah dalam al-Quran :

٤٣ ﴿٤٣﴾ فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِن كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

“Oleh itu Bertanyalah kamu (Wahai golongan musyrik) kepada orang-orang Yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.

Ayat al-Quran ini menerangkan tentang perintah Allah kepada makhluknya yang tidak mengetahui dan yang tidak mendalamai ilmu agama dari sudut hukum-hakamnya untuk bertanya kepada oleh yang lebih mengetahui dan berilmu<sup>118</sup>.

<sup>116</sup> Khālid Ramaḍān Hasan (1998), *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah : Dar al-Tarabishi, cet.1,hal. 261

<sup>117</sup> Surah al-Nahl, ayat 43

<sup>118</sup> ‘Amir Sa’īd al-Zaibarī (1995), *Op. cit.*, cet. 1,hal. 8

Disini dapat dijelaskan bahawa peranan mufti sebagai seorang yang mendalami dan mengetahui selok belok agama untuk dikongsikan bersama-sama dengan masyarakat Islam sekitar mereka.

Selain itu, fatwa merupakan satu tinggalan zaman berzaman sejak ia ditugaskan oleh Allah kepada Rasulullah s.a.w menerusi firmanNya :



يَسْتَفْتُونَكَ قُلْ أَللّٰهُ يُفْتِي كُمْ فِي الْكَلَالَةِ

Mereka meminta fatwa kepadamu (mengenai masalah Kalalah). Katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara al-Kalalah

Menerusi ayat ini, kita dapat mengetahui bahawa berfatwa ini adalah satu tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul sejak kemunculan Islam<sup>120</sup>.

Tanggungjawab ini seterusnya dipikul oleh para sahabat setelah kewafatan Rasulullah bagi meneruskan perjuangan dalam menegakkan agama Islam dan memberi kefahaman secara jelas kepada masyarakat Islam terutama kepada yang tidak memahami Islam secara jelas. Ianya diteruskan lagi oleh para tabi'in dan para ulama sehingga zaman sekarang bagi menjamin Islam yang dianuti adalah Islam yang sebenar dan bersih dari segala tokok tambah.

<sup>119</sup> Surah al-Nisā', ayat 176

<sup>120</sup> al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn (1986), *al-Fatwā fī al-Islām*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cet.1, hal. 4

Dalam satu hadith , Rasulullah pernah bersabda :

وَعَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ وَمِنْهُ : أَنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَتْهُ الْأَنْبِيَاءُ لَمْ  
يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ

Daripada Abu Darda' dalam hadis yang panjang dan antaranya :"Sesungguhnya ulama itu pewaris kenabian, mereka tidak mewarisi dinar tidak juga dirham (harta), namun mereka mewarisi ilmu"<sup>121</sup>

Daripada hadith diatas, dapat digambarkan tugas seorang ulama dalam menjelaskan tentang hukum Islam adalah satu tugas yang sangat mulia kerana disamakan dengan pewaris kenabian dalam menyampaikan risalah dan amanah Allah di muka bumi ini. Amalan berfatwa juga termasuk dalam golongan para ulama kerana mereka ditugaskan untuk menerangkan kemosyikilan yang terdapat dalam jiwa masyarakat Islam.

### **3.2.3 Hukum dan Kepentingan Berfatwa**

Para ulama banyak memperkatakan tentang kepentingan berfatwa dalam Islam apabila melihat kepada perkara ini yang telah dianjurkan oleh Rasulullah sendiri dan diikuti oleh umat-umat yang terkemudian. Namun begitu, berfatwa ini memerlukan kepada ketelitian seseorang mujtahid untuk menjelaskan setiap permasalahan yang diajukan bagi menjaga kemuliaan berfatwa tersebut. Imam al-Nawawi pernah menjelaskan tentang fatwa dengan menyebut :

---

<sup>121</sup> Al-Baihaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusain (1410 H), *Sya'b al-Imān*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, Faṣl fī Faḍl al-‘Ilm, No. Hadith 1696, jld. 2, hal. 262

## اعلم أن الإفتاء عظيم الخطر كبير الموقع كثیر الفضل...

“Ketahuilah bahawa fatwa itu adalah sesuatu yang besar bahayanya, luas bidangnya dan banyak kelebihannya...”<sup>122</sup>

Kata-kata Imam al-Nawawī ini banyak menggambarkan tentang kepentingan berfatwa tentang permasalahan agama. Ia juga merupakan satu peringatan kepada seorang mufti untuk berhati-hati dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan ini dikhuatiri tersilap ketika berfatwa. Rasulullah SAW juga telah mengingatkan kita dengan memberi amaran kepada sesiapa yang mengambil lewa dan berbohong dalam urusan agama. Ini dijelaskan dalam satu hadith :

حَدِيثُ مُسْلِمِ بْنِ يَسَارٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَالَ عَلَيَّ مَا لَمْ أَقُلْ، فَلَيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ وَمَنْ أُفْتَاهُ بِغَيْرِ عِلْمٍ كَانَ إِثْمُهُ عَلَى مَنْ أَفْتَاهُ...".<sup>123</sup>

Hadith Muslim bin Yasār berkata, aku mendengar Abu Huraīrah berkata, Rasulullah SAW telah bersabda :“Siapa yang berkata tentangku pada apa yang tidak aku katakan maka dia menyediakan tempatnya di neraka jahannam, dan sesiapa yang berfatwa tanpa ilmu, dosanya seperti mana orang yang difatwakan kepadanya...”

Secara asasnya, mufti dan fatwa juga mempunyai hukum-hukum yang tersendiri. Hukum-hukum fatwa ini terbahagi kepada enam bahagian. Hukum berfatwa menjadi fardhu keatas sesorang mufti pada sesuatu permasalahan sekiranya tidak terdapat mufti lain yang layak untuk mengeluarkan fatwa. Selain

<sup>122</sup> al-Nawawī, Muḥyī al-Dīn Yahyā bin Syaraf (1408 H), *Adab al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.13

<sup>123</sup> Ahmad bin Ḥanbal (1999), *Musnad Ahmad*, Beirut : Muassasah al-Risālah, Musnad Abū Hurārah, No. Hadith 7918, Jld. 16, hal. 460

itu, hukum berfatwa juga menjadi fardu keatas seorang mufti apabila diarahkan oleh pemerintah serta dikhuatiri permasalahan tadi membawa kepada darurat. Sekiranya terdapat 2 orang mufti atau lebih yang layak untuk mengeluarkan fatwa di sesuatu tempat, maka hukum berfatwa adalah fardu kifayah. Hukum berfatwa oleh sesorang mufti akan menjadi sunat apabila soalan yang ditanya adalah satu perkara yang belum berlaku, namun tetap akan berlaku. Sekiranya mufti tadi merupakan seorang yang jahil, maka diharamkan keatasnya untuk mengeluarkan fatwa. Pengeluaran fatwa juga diharamkan pada perkara yang bercanggah dengan syariat Islam. Dalam perkara ini, fatwa yang dikeluarkan kepada perkara atau permasalahan yang mustahil untuk terjadi adalah makruh. Ini adalah kerana ia hanyalah suatu proses yang membuang masa dan tidak berfaedah. Selain daripada itu, fatwa yang dikeluarkan akan menjadi harus sekiranya dikeluarkan atas sebab-sebab selain yang dinyatakan diatas.<sup>124</sup>

Rasulullah SAW telah bersabda dalam satu hadith lain yang berbunyi :

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ أَخْبَرَنَا عَلَيُّ بْنُ الْحَكَمِ عَنْ عَطَاءٍ  
عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((مَنْ سُئِلَ عَنْ  
عِلْمٍ فَكَتَمَهُ الْجَمَهُ اللَّهُ يُلْجَأُ مِنْ نَارٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ))

“Diceritakan Mūsā bin Ismā’īl, diceritakan Hammād, dikhabarkan ‘Alī bin al-Hakam daripada ‘Atā’ daripada Abu Huraīrah berkata : Aku telah mendengar Rasūlullah s.a.w bersabda : “Barang siapa yang ditanya padanya tentang sesuatu ilmu, lalu dia menyembunyikan ilmu itu, Allah akan menyeksanya pada hari kiamat dengan kekangan daripada api neraka”<sup>125</sup>

<sup>124</sup> ‘Āmir Sa’īd al-Zaibārī (1995), *Op. Cit.*, cet. 1, hal. 39-40, lihat juga al-Nawawī (1407H), *Op.Cit.*, hal. 35

<sup>125</sup> Abū Dāud Sulaimān bin al-A’syath al-Sajastānī (t.t), *Sunan Abū Dāud*, Bab Karāhiah Mana’ā al-‘Ilm, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, no. hadith 3660, jld.3, hal.360.,

Hadith diatas menunjukkan satu janji Allah dengan seksaan keatas pemilik ilmu yang menyembunyikan pengetahuan tentang sesuatu perkara namun disembunyikan pengetahuan tersebut dari masyarakat apabila ditanya.

Perkara ini sangat berkait rapat dengan fatwa kerana fatwa merupakan satu penerangan yang berkait dengan pengetahuan seorang mufti tentang sesuatu perkara apabila ditanyakan oleh mustafti.

Islam juga menganjurkan para cendekiawan Islam untuk sentiasa menjaga kemurnian dan kemuliaan agama Islam dalam berfatwa. Ini adalah dengan memberi penjelasan tentang fatwa ini apabila ditanya berdasarkan ilmu yang dimiliki bukannya mengikut hawa nafsu yang boleh menyesatkan orang lain. Ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadith yang melarang berfatwa tanpa ilmu :

عبد الله بن عمرو بن العاص - رضي الله عنهما قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ اِنْتَزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ النَّاسِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ ، حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يُبْقِيْ عَالَمًا : اتَّخَذَ النَّاسُ رُؤُوسًا جُهَّالًا ، فَسَئَلُوا ، فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ ، فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا

“Daripada ‘Abdullah bin ‘Amr bin al-‘Aṣ r.a berkata : Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda : Sesungguhnya Allah tidak mengangkat ilmu dengan cara mencabutnya dari manusia, akan tetapi Dia (Allah) mengangkat ilmu dengan cara mematikan para ulama, sehingga apabila tidak terdapat orang alim, nescaya manusia akan mengangkat orang jahil sebagai pemimpin mereka. Apabila mereka

ditanya, dan mereka pun menjawab dengan tanpa ilmu, maka mereka sesat dan menyesatkan.<sup>126</sup>

Secara kesimpulannya, pembahagian hukum dalam berfatwa ini berbeza mengikut kepada keadaan dan suasana. Walaupun ianya merupakan sesuatu yang penting dalam konteks masyarakat sekarang yang memerlukan kepada penjelasan hukum, namun seorang mufti harus berhati-hati dan sentiasa memohon petunjuk daripada Allah agar urusan berfatwa tersebut tidak terpesong daripada apa yang dianjurkan oleh Islam.

### 3.2.4 Fatwa dan Ijtihad

Perkataan fatwa dan ijтиhad biasa didengari dalam konteks menentukan hukum semasa, namun begitu tidak ramai yang mengetahui perbezaan diantara dua terma tersebut secara jelas. Al-Āmidī menjelaskan bahawa fatwa merupakan satu komponen atau persoalan yang kecil dibawah tajuk ijтиhad<sup>127</sup>. Penjelasan ini sememangnya menunjukkan terdapat perbezaan diantara fatwa dan juga ijтиhad.

Jika kita melihat kembali kepada pengertian fatwa, fatwa didefinisikan oleh Ibnu Munzir sebagai satu penerangan dalam menerangkan sesuatu perkara<sup>128</sup> manakala Imam al-Ḥarrānī pula menjelaskan fatwa merupakan satu jawapan

<sup>126</sup> Lihat Muḥammad bin Ismā’īl Abū Abd allah al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dār Ibn Kathir, Bāb Kaīfa Yaqbiḍ al-‘Ilm, jld. 1, hal. 50, no. hadith 100, Lihat juga Aḥmad bin Syu’āib Abū Abd al-Rahmān al-Nasā’ī (1991), *Sunan al-Nasā’ī*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, Bāb Kaīfa Yarfa’u al-‘Ilm, jld. 3, hal. 455, no. hadith 5907

<sup>127</sup> Al-Āmidī (1374H), *al-Iḥkam fī Uṣūl al-Aḥkām*, Kaherah : Matba’ah Subayh, jld. 3, hal. 167

<sup>128</sup> Ibnu al-Munzir (t.t), *Lisān al-Arab*, Kaherah : Dār al- Ma’ārif, Jld.37, hal. 3348

daripada mufti atau sesuatu hukum syarak yang diberitahu oleh mufti menerusi fatwa-fatwanya<sup>129</sup>.

Mengikut format fatwa secara umumnya, ia terbahagi kepada dua. Pertama ialah fatwa yang membuat penerangan kepada masalahnya yang terdapat dalam wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah, manakala format kedua pun ialah fatwa yang berasaskan kepada ijтиhad dimana permasalahan tersebut tidak dijumpai dalam mana-mana nas wahyu.<sup>130</sup>

Walaupun mufti pada zaman sekarang merupakan satu jawatan khas yang disandang oleh cendekiawan Islam, namun sebenarnya setiap ulama adalah dengan sendirinya layak berperanan sebagai mufti, malah memang tanggungjawab mereka untuk memberi fatwa kepada masyarakat.<sup>131</sup>

Ijтиhad pula diberi pelbagai pengertian oleh para ulama. Antara pengertian yang menggambarkan ijтиhad secara jelas adalah satu usaha dengan menggunakan sepenuh kemampuan dalam memperolehi dan mengetahui hukum syarak dengan cara mengistinbat hukum daripada dalilnya<sup>132</sup>

Oleh yang demikian, berdasarkan takrif-takrif diatas, dapat dijelaskan beberapa perbezaan diantara fatwa dan ijтиhad. Pertama, fatwa bersifat

<sup>129</sup> Ahmad Ibn Ḥamdān al-Ḥarrānī (1984), *Sifāt al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, cet. 4, hal. 4

<sup>130</sup> al-Jauziyyah, Muhammad bin Abī Bakr Ibn Qayyim(1968), *I'lām al-Mauqi 'in 'An Rabb al-Ālamīn*, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah, hal. 175.

<sup>131</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid, (2004) *Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia*. Jurnal Syariah, 12 (2), hal. 80.

<sup>132</sup> [http://www.e-infad.my/i-fms/index.php?Itemid=46&arg\[area\]=id.ijtihad&option=com\\_glossword&view=default](http://www.e-infad.my/i-fms/index.php?Itemid=46&arg[area]=id.ijtihad&option=com_glossword&view=default)

mengkhabarkan isi ijihad, bukannya ijihad itu sendiri. Kedua, jawapan yang diberikan oleh mufti kadang-kadang bersifat peribadi tanpa dirujuk kepada hukum syarak.<sup>133</sup>

Menurut Wahbah al-Zuḥailī, secara asalnya, fatwa membawa maksud ijihad kerana pada zaman Imam-imam mazhab pada kurun keempat, mufti ialah seorang mujtahid sehingga diakhir kurun tersebut, ditutup pintu ijihad dan hanya mengikut kepada pendapat-pendapat yang ditinggalkan oleh imam-imam mazhab. Kemudian diwujudkan jawatan mufti yang khas dimana perlantikan itu dibuat oleh pembesar negara. Dalam membezakan fatwa dan ijihad, beliau menyatakan fatwa adalah lebih khas daripada ijihad kerana ijihad ialah mengistinbatkan hukum-hukum syarak samaada ditanya atau tidak, manakala fatwa merupakan satu pernyataan tentang sesuatu permasalahan sekiranya ditanya kepada mufti atau faqīh.<sup>134</sup>

### 3.3 Mufti dan Kelayakannya

Mufti merupakan seorang yang akan menjelaskan sesuatu hukum syarak apabila diajukan kepadanya<sup>135</sup>. Ini ditujukan kepada semua yang berkelayakan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi menjadi seorang mufti.

---

<sup>133</sup> <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=11076>

<sup>134</sup> [http://www.islam.gov.kw/site/meet\\_consult/details.php?data\\_id=123](http://www.islam.gov.kw/site/meet_consult/details.php?data_id=123)

<sup>135</sup> Khālid Ramaḍān Ḥasan (1998), *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah : Dār al-Tarabishi, cet.1, hal. 267

Terdapat satu pendapat daripada ahli sejarah yang menyatakan bahawa Khalifah ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Azīz merupakan pemerintah Islam pertama yang menjadikan jawatan mufti sebagai jawatan rasmi. Sejak itu jawatan mufti kekal sehingga hari ini. Walau bagaimanapun dalam pemerintahan Khalifah Hārūn al-Rasyīd, fatwa pertama secara rasmi telah dikeluarkan oleh Abū Yūsuf yang merupakan hakim pada ketika itu<sup>136</sup>.

Terdapat pelbagai penjelasan telah dibuat oleh para ulama tentang kelayakan untuk menjadi mufti. Antaranya adalah seperti yang telah diterangkan oleh Imam al-Harrānī dalam kitabnya *Şifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī* :

وَمِنْ صَفَتِهِ وَشُرُوطِهِ أَنْ يَكُونَ مُسْلِمًا عَدْلًا مَكْلُوفًا فَقِيهًا مُجْتَهِدًا يَقْظَا  
صَحِيحَ الْذَّهْنِ وَالْفَكْرِ وَالتَّصْرِيفِ فِي الْفَقِهِ وَمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ. أَمَّا اشتَرَاطُ  
إِسْلَامِهِ وَتَكْلِيفِهِ وَعِدَالَتِهِ فَبِالإِجْمَاعِ، لِأَنَّهُ يَخْبُرُ عَنِ اللَّهِ تَعَالَى بِحُكْمِهِ  
فَاعْتَبِرْ إِسْلَامِهِ وَتَكْلِيفِهِ وَعِدَالَتِهِ لِتَحْصِيلِ الشَّرْقَةِ بِقَوْلِهِ

“Daripada sifat dan syarat-syarat (seorang mufti) mestilah seorang muslim, adil, mukallaf, faqih, mujtahid, elok otak dan pemikirannya serta elok perlakuannya dalam fekah dan apa yang berkaitan dengannya. Adapun disyaratkan Islam, taklīf dan adil itu adalah secara ijmā’. Kerana mereka (mufti) adalah orang yang menjelaskan tentang Allah dari segi hukumnya, maka dikira Islam, taklif dan adil itu adalah untuk mendapatkan kepercayaan dalam setiap kata-kata mereka<sup>137”</sup>

<sup>136</sup> Ya’kub bin Ibrahim bin Habib, lahir pada 113 H di Kufah dan wafat pada 182 H. Murid dan rakan kepada Abu Hanifah dan menjawat jawatan Qadhi pada zaman Khalifah Abbasiyyah. Lihat al-Ziriklī, Khāir al-Dīn (1986), *al-A’lām*, Beirut : Dār al-‘Ilm al-Malāyīn, cet. 7, jld 8, hal 193. Lihat juga Zulkifli Bin Mohamad (2004), *Institusi Mufti Dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen Dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan*, Universiti Sains Malaysia, (Tesis PhD), Hal.16

<sup>137</sup> Ahmad bin Ḥamdan al-Harrānī al-Ḥanbalī (1380 H), *Şifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, Damsyik : Mansyurah al-Maktab al-Islāmī, cet.1, hal.13

Berdasarkan penyataan diatas, terdapat pelbagai syarat yang perlu dipenuhi oleh seorang mufti sebelum mengeluarkan fatwa yang berkaitan dengan sesuatu permasalahan. Selain daripada muslim, taklif dan adil, berakal dan baik muamalatnya, seorang mufti juga harus merupakan seorang yang mampu untuk berijtihad.

Terdapat beberapa syarat lain yang perlu dipenuhi bagi mencapai status seorang mujtahid. Antara syarat-syarat tersebut adalah dengan mengetahui makna ayat-ayat hukum yang terkandung di dalam al-Quran dari sudut bahasa dan syarak. Namun begitu, seseorang mufti tidak disyaratkan menghafal kesemua nas-nas ini, tetapi cukup sekadar mengetahuinya dan boleh dirujuk apabila berhajat kepadanya,

Selain daripada itu, seorang mufti juga perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang hadith hukum selain daripada mengetahuinya dari sudut bahasa dan istilah sahaja. Turut disyaratkan kepada mufti ini adalah untuk mendalami hukum *nasakh* dan *mansukh* daripada al-Quran dan al-Sunnah serta mengetahui permasalahan yang telah disepakati oleh *ijma' al-'ulamā'* sebelum ini. Kepentingan untuk mengetahui *ijma' al-'ulamā'*. Ini adalah untuk mengelakkan daripada mereka berfatwa hukum yang bercanggah bagi permasalahan yang telah disepakati oleh kesemua mujtahid sebelum itu. *Al-Qiyās* adalah antara komponen penting yang perlu diketahui oleh seorang mufti. Pemahaman ini adalah termasuk segala apa yang berkaitan dengannya kerana *Al-Qiyās* merupakan satu cabang utama daripada ijtihad. Penekanan untuk mengetahui dan mendalami bahasa Arab secara keseluruhannya adalah sangat penting. Ini kerana semua nas diturunkan dalam bahasa Arab. Seorang mufti juga perlu menguasai ilmu *Uṣūl al-Fiqh* kerana

ilmu ini merupakan tiang dan asas kepada pembinaan hukum Islam selain mengetahui *Maqāṣid al-Syar'iyyah* dalam Islam.<sup>138</sup>

Oleh yang demikian, syarat-syarat untuk menjadi mujtahid ini juga adalah sangat penting untuk melengkapkan kelayakan seorang mufti dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Tanpa ilmu yang diperlukan seperti ini, seorang mufti tidak mampu menyelesaikan sesuatu permasalahan yang memerlukan penelitian yang mendalam serta berkemungkinan terjebak dalam melakukan perkara yang mengikut hawa nafsu dan akal fikiran semata-mata.

Walaupun syarat yang dibincangkan di atas merupakan syarat bagi seorang mujtahid, tetapi sebenarnya tiada perbezaan yang ketara antara mujtahid dan mufti. Seorang mufti diwajibkan berkemampuan untuk berijtihad kerana mereka sentiasa dihujani dengan pelbagai persoalan yang memerlukan kepada ijtihad. Dari segi perbezaan antara tugas pula, mujtahid adalah seseorang yang mengeluarkan hukum tanpa disoal manakala mufti mengeluarkan hukum apabila disoal.<sup>139</sup>

### **3.4 Metode Berfatwa**

Berdasarkan catatan sejarah Islam, perkembangan fatwa berlaku dalam beberapa zaman yang berbeza selain daripada zaman kini. Ia bermula pada zaman Rasulullah SAW sendiri, sebelum diikuti oleh zaman para Sahabat selepas

---

<sup>138</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyik : Dār al-Fikr, cet.1, hal.1044-1051

<sup>139</sup> Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlān (2005), “Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis : Kajian Berdasarkan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000”, ( Disertasi, Fakulti Syariah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 35

kewafatan Rasulullah SAW dan pada zaman tabi'in dan seterusnya. ia melalui proses melebihi 1400 tahun sehingga kini.

Metode yang digunakan pada setiap zaman berbeza-beza. Ini kerana, permasalahan yang timbul adalah berlainan mengikut tempat dan zaman. Dalam perbincangan seterusnya, penulis akan membawakan sedikit sebanyak penjelasan tentang metode berfatwa mengikut zaman yang berbeza bermula dari zaman Rasulullah iaitu zaman awal perundangan Islam, zaman para Tabi'in, dan seterusnya sehinggalah penjelasan tentang metode yang diguna pada zaman kebangkitan sehingga sekarang.

### **3.4.1 Metode Berfatwa Pada Zaman Rasulullah SAW**

Secara umumnya, penfatwaan ini telah berlaku sejak kedatangan Islam lagi. Ia bukanlah satu perkara yang baru digunapakai oleh ulama-ulama masa kini. Sekiranya kita kembali pada zaman Rasulullah, iaitu zaman penurunan al-Quran sebagai sumber hukum, kita dapat melihat banyak perkara yang dijelaskan oleh Rasulullah apabila terdapatnya satu permasalahan yang menjadi persoalan dikalangan para sahabat.

Ini secara tidak langsung menjadikan Rasulullah sebagai seorang mufti yang pertama dalam dunia Islam dalam menjawab segala permasalahan yang ditujukan kepada baginda serta menyampai ajaran Islam yang sebenar.<sup>140</sup>

---

<sup>140</sup> Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1986), *Op. Cit.*, cet. 1, hal. 32

Firman Allah telah mengiyakan perkara ini :

قُلْ مَا أَسْأَلُكُمْ عَنِّي وَمَا أَنَا بِمُتَكَبِّرٍ<sup>٨٦</sup> . <sup>141</sup>

Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sebarang bayaran atas dakwahku itu, dan bukanlah aku dari orang yang mengada-ada.

Nabi Muhammad SAW merupakan rasul untuk sekalian umat di akhir zaman, dan merupakan utusan Allah atas segala syariat yang telah diwahyukan oleh Allah kepadanya melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. Tugas yang dipertanggungjawabkan adalah untuk menyebarluaskan ajaran Islam kepada umat Islam adalah terletak ditangan Rasulullah sebagai utusan yang mulia sepertimana dalam firman Allah :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ<sup>٨٧</sup> <sup>142</sup>

Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Sebagai seorang utusan Allah, Rasulullah SAW merupakan tempat rujukan utama kepada masyarakat Islam ketika itu. Allah telah mengutusakan baginda untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul agar ianya tidak bercanggah dengan agama suci Islam. Firman Allah yang menjelaskan tentang perkara ini berbunyi :

---

<sup>141</sup> Šūrah Šaād, ayat 86.

<sup>142</sup>

فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

09

Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul dan kepada Ulil-Amri dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul-Nya jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.<sup>143</sup>

Sumber utama untuk syariah Islamiyah pada zaman Rasulullah adalah al-Quran, oleh yang demikian, Rasulullah merujuk kembali kepada wahyu pada setiap hukum yang memerlukan kepadanya. Sekiranya terdapat kemusykilan atau ditanya oleh sahabat tentang sesuatu permasalahan, baginda akan menjawab hukumnya dengan menggunakan dalil-dalil daripada Al-Quran<sup>144</sup>.

Walaubagai manapun, wahyu ini kadang kala diturunkan secara segera selepas berlakunya sesuatu peristiwa yang memerlukan kepada hukum, seperti kisah al-Mujādilah :

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَدِّلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ

تَحَاوَرُكُمَا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

145

<sup>143</sup> Ṣūrah al-Nisā', ayat 59

<sup>144</sup> Al-Jamād bin Abd Allah bin Muḥammad al-Ḏuwaiḥī (2006), 'Ilm Uṣūl al-Fiqh min al-Tadwīn ilā Nihāyah al-Qarn al-Rābi' al-Hijrī, Riyadh : Jamiah al-Imām Muḥammad bin al-Sa'ūd al-Islāmiyyah, jld.1, hal. 79

<sup>145</sup> Surah al-Mujādilah, ayat 1

Sesungguhnya Allah telah mendengar aduan perempuan yang berosal jawab denganmu mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah, sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Kisah ini merupakan satu kisah aduan seorang perempuan yang telah diziharkan oleh suaminya. Perempuan tersebut datang menemui Rasulullah untuk mendapatkan penjelasan atas apa yang telah berlaku dan mengadu kepada Allah tentang peristiwa ini<sup>146</sup>. Lalu Allah telah menurunkan ayat al-Quran yang berkaitan dengan perkara ini dari ayat 1-4 surah al-Mujādilah sebagai menjawab permasalahan ini.

Wahyu juga diturunkan tertangguh daripada sesuatu peristiwa yang berlaku seperti dalam kisah penfitnahan ‘Aisyah Umm al-Mu’mīnūn. Firman Allah

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِلْفَكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسِبُوهُ شَرًّا لَّكُمْ  
إِلَّا كُلُّ أَمْرٍ يٰ مِنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّ كُبُرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ

147 ﴿١١﴾ عَظِيمٌ

Sesungguhnya orang yang membawa berita dusta itu ialah golongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di Akhirat).

<sup>146</sup> Ibn Kathīr (1999), *Op.Cit.*, jld. 8, hal. 34

<sup>147</sup> Sūrah al-Nūr, ayat 11

Kisah penfitnah ‘Aisyah ini dicetuskan oleh sekumpulan munafiq diketuai oleh ‘Abdullah bin Ubai bin Salul sehingga menjadi buah mulut masyarakat Islam ketika itu. Namun, selepas hampir sebulan, barulah Allah menurunkan ayat al-Quran yang membersihkan nama ‘Aisyah daripada fitnah yang tidak berasas tersebut seperti mana ayat di atas.<sup>148</sup>

Dapat kita lihat kepentingan al-Quran dalam zaman penurunan Syariat Islam ini, namun begitu, al-Sunnah juga adalah satu sumber penting juga dalam setiap hukum yang dikeluarkan. Selain daripada digunakan dalam pentafsiran ayat al-Quran, al-Sunnah juga merupakan sumber hukum yang tersendiri dimana kadang kala tidak disebutkan dalam al-Quran. Ini adalah seperti dalam hukum zakat fitrah, solat witir, pemakaian *khuf* dan sebagainya.

Baginda Rasulullah merupakan utusan Allah yang diturunkan wahyu kepadanya. Maka para sahabat pada ketika itu menjadikan Rasulullah SAW sebagai tempat rujukan akan segala permasalahan dalam hukum syarak yang timbul. Penggunaan wahyu dalam setiap perkara hukum ini menjadikan ia dikenali sebagai “*Fiqh al-Wahyu*”.<sup>149</sup>

Nabi Muhammad sebagai seorang utusan Allah dihujani dengan pelbagai permasalahan dan persoalan dikalangan masyarakat Arab ketika itu dimana mereka baru dalam proses mengenali Islam dengan lebih dekat. Dan terdapat pelbagai

---

<sup>148</sup> Ibn Kathīr (1999), *Op. Cit.*, jld. 6, hal. 19

<sup>149</sup> ‘Abd Karīm Zaidān (1420 H/1999 M), *al-Madkhal li al-Dirāsāh al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*, Beirut : Muassasah al-Risālah, hal. 91

permasalahan yang timbul tanpa wujudnya dalil-dalil dan hukum-hukum yang berkaitan.

Oleh yang demikian, Rasulullah berijtihad berlandaskan dengan apa yang diketahui olehnya. Namun begitu, Allah akan mengiyakan perlakuan Rasulullah atau menegur akan kesalahan yang dibuat dalam ijtihad tersebut dengan wahyu-wahyuNya<sup>150</sup>.

Berkaitan dengan ijtihad baginda yang bertepatan dengan hukum tanpa ditegur oleh Allah, telah terjadi pada suatu hari, Rasulullah telah ditanya oleh sahabat beliau, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb tentang suatu permasalahan berdasarkan hadith:

حَدَّثَنَا حَجَاجٌ حَدَّثَنَا لَيْثٌ حَدَّثَنِي بُكَيْرٌ عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ سَعِيدٍ الْأَنْصَارِيِّ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ هَشَشْتُ يَوْمًا فَقَبَّلْتُ وَأَنَا صَائِمٌ فَاتَّيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ صَنَعْتُ الْيَوْمَ أَمْرًا عَظِيمًا فَقَبَّلْتُ وَأَنَا صَائِمٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرَأَيْتَ لَوْ تَمَضِمضَتْ بِمَاءِ وَأَنْتَ صَائِمٌ قُلْتُ لَا بَأْسَ بِذَلِكَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَفِيمَ .<sup>151</sup>

<sup>150</sup> al-Syathrī, Sa’ad bin Nāsir bin ‘Abd al-‘Azīz (1427 H/2006 M), *Syarh Kitāb Qawā’id al-Uṣūl wa Ma’ākīd al-Fuṣūl*, Riyadh : Dār al-Kunuz Isybilia li al-Nasyr wa al-Tauzī’, hal. 446

<sup>151</sup> Aḥmad bin Ḥanbal Abū ‘Abd Allah al-Syaibānī (t.t), *Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Bab Musnad ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a, Kaherah : Muassasah Qurṭubah, No. Hadith 132, jld. 1, hal. 52

“Diceritakan kepada kami oleh Ḥajjāj, diceritan kepadaku oleh Laith, diceritakan Bukaīr daripada ‘Abd al-Mālik bin Sa’īd al-Anṣārī daripada Jābir bin ‘Abd Allah daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. berkata : Telah bangkit nafsu pada suatu hari, lalu aku mencium isteri, saat itu saya sedang puasa. Maka aku datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: “Hari ini aku telah melakukan perkara yang besar, aku mencium isteri padahal sedang puasa”. Rasulullah SAW bersabda: “Apa pendapatmu jika kamu bekumur-kumur dengan air dan kamu sedang berpuasa?”, Aku menjawab: “Tidak mengapa.” Maka Rasulullah SAW bersabda: “Lalu, kenapa masih ditanya?”

Hadith ini menunjukkan Rasulullah SAW berijtihad dengan mengaitkan hukum ‘Umar bin al-Khaṭṭāb yang telah mencium isterinya ketika berpuasa dengan keharusan dalam berkumur-kumur ketika berpuasa. Perkara ini tidak dinyata oleh Allah sebagai petanda perkara tersebut adalah ijtihad yang betul oleh Rasulullah.

Berlainan dengan ijtihad Rasulullah SAW yang kurang tepat dan ditegur oleh Allah. Ini boleh dilihat dalam beberapa peristiwa yang telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW seperti kisah Nabi bermesyuarat bersama-sama sahabat berkaitan dengan tebusan perang Badar. Rasulullah SAW menerima pendapat Abu Bakar untuk membebaskan mereka dengan membayar wang tebusan bercanggah dengan pendapat Umar yang menyuruh Rasulullah untuk membunuh tebusan tersebut. Ini telah ditegur oleh Allah melalui firmannya :

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكُونَ لَهُ أَسْرَى حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِي الْأَرْضِ تُرِيدُونَ

عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ<sup>٦٧</sup>

---

<sup>152</sup> Sūrah al-Anfāl, ayat 67

Tidaklah patut bagi seseorang Nabi mempunyai orang tawanan sebelum ia dapat membunuh sebanyak-banyaknya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda dunia, sedang Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Walau bagaimanapun, ijтиhad adalah satu keperluan kepada umat Islam apabila datangnya sesuatu permasalahan baru yang tidak disokong oleh mana-mana dalil. Seruan untuk berijтиhad ini telah ditegaskan oleh Rasulullah SAW berdasarkan hadith yang menjanjikan ganjaran kepada orang yang berijтиhad walaupun terbukti selepas itu ijтиhad yang dilakukan adalah tidak tepat . Sabda Rasulullah SAW :

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ الْمُقْرِئُ الْمَكِّيُّ حَدَّثَنَا حَبِيبُ بْنُ شُرَيْحٍ حَدَّثَنِي  
 يَزِيدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْهَادِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ الْحَارِثِ عَنْ بُسْرِ بْنِ  
 سَعِيدٍ عَنْ أَبِي قَيْسٍ مَوْلَى عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ عَنْ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ  
 رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ ((إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ  
 أَصَابَ فَلَهُ أَجْرٌ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ)).<sup>153</sup>

“Telah diceritakan Abdullah bin Yazid al-Muqri’ al-Makki, diceritakan Haiwah bin Syuraih, diceritakan Yazid bin ‘Abdullah bin al-Had daripada Muhammad bin Ibrahim bin al-Harith daripada Busr bin Sa’id daripada Abi Qais hamba ‘Amr bin al-‘As daripada ‘Amr bin al-‘As sesungguhnya beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda : Sekiranya berhukum seorang hakim dengan berijтиhad kemudian betul (ijтиhadnya) maka padanya dua ganjaran, sekiranya berhukum dengan ijтиhad kemudian salah (ijтиhadnya) maka kepadanya satu ganjaran”

---

<sup>153</sup> al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl Abū ‘Abd Allah (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, Bāb Ajr al-Ḥākim Idha Ijtihad, Beirut : Dār Ibn Kathīr, No.Hadith 6919, jld. 6, hal. 2676, Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qusyārī al-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ al-Muslim*, Bāb Bayān Ajr al-Ḥākim Idha Ijtihad fa Aṣāb au Akhṭā’, no. Hadith 1816,jld.12, hal. 13 hadith 12

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan disini bahawa metode berfatwa pada zaman Rasulullah SAW lebih tertumpu kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah melalui perantaraan malaikatNya. Ini adalah kerana, syariah Islam diturunkan secara beransur-ansur sehingga ia sempurna pada akhir hayat Rasulullah. Firman Allah :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ  
٢ دِينًا

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagimu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepadamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agamamu.. <sup>154</sup>

Segala persoalan dan permasalahan yang terjadi pada waktu ini dijawab oleh Rasulullah berlandaskan wahyu Al-Quran dan al-Sunnah sendiri, bahkan Rasulullah juga membuat ijтиhad pada perkara-perkara yang tidak diturunkan wahyu padanya.

Oleh yang demikian, Rasulullah berfatwa dan berhukum atas apa yang diwahyukan kepadanya oleh Allah daripada al-Quran, seterusnya daripada al-Sunnah dan apa yang dilakukan dalam ijтиhadnya <sup>155</sup> tanpa memerlukan kepada kaedah-kaedah dan cara-cara yang tertentu. Perkara ini menjadi lebih mudah kerana Rasulullah adalah tempat rujukan muktamad terhadap sebarang permasalahan, maka tidak timbul sebarang perselisihan pada zaman ini <sup>156</sup>.

<sup>154</sup> Sūrah al-Māidah, ayat 3

<sup>155</sup> ‘Abd Wahhāb Khalaf (1947), *Ilm Uṣūl al-Fiqh wa Khulāṣah Tārikh al-Tasyrī’ al-Islāmī*, Beirut : Jami’ah Fuād al-Awwal, cet. 3, hal. 13

<sup>156</sup> Noor Naemah Abdul Rahman, *Fatwa dan Realitinya di Zaman Rasulullah*, jurnal Syariah, jld. 9, bil. 1 Januari 2001, hal. 25

### 3.4.2 Metode Berfatwa Pada Zaman Sahabat r.a.

Setelah berakhirnya zaman Rasulullah SAW selepas kewafatan baginda, para Sahabat mengambil alih tugas Rasulullah sebagai pemimpin negara Islam. Ia bermula apabila dilantik Khalifah Abū Bakr al-Šiddīq sebagai Khalifah pertama daripada Khalīfah al-Rāsyidīn. Perlantikan ini dilakukan pada tahun ke-11 hijrah (632 Masihi) atas kesepakatan para sahabat untuk memilih Abū Bakr sebagai pemimpin untuk menggantikan Rasulullah dalam mentadbir urusan negara Islam<sup>157</sup>.

Zaman ini dinamakan sebagai zaman “*al-Tafsīr al-Tasyrī’ī*<sup>158</sup> dan zaman dibukakan pintu-pintu *istinbāt* hukum kepada permasalahan yang tidak mempunyai nas padanya. Para sahabat pada waktu ini banyak mengeluarkan fatwa yang kemudiannya menjadi asas kepada ijtihad dan istinbat hukum ini<sup>159</sup>.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW berlaku pelbagai perkara dan permasalahan baru yang memerlukan kepada ijtihad para sahabat. Ini lebih menyukarkan kerana pada zaman Rasulullah SAW, para sahabat sekiranya terdapat kemosykilan terhadap sesuatu permasalahan, mereka akan segara menemui Rasulullah SAW untuk bertanyakan penyelesaiannya.

<sup>157</sup> ‘Alī Ibrāhim Ḥasan (197-), *al-Ṭārikh al-Islām al-`Aām : al-Jahiliyah, al-Dawlāt al-`Arabiyah, al-Dawlāt al-`Abbāsiyah*, Kāherah : Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyah, hal. 210

<sup>158</sup> *Al-Tafsīr al-Tasyrī’ī* bermaksud pentafsiran syariat. Ini adalah kerana, sahabat mula menrangkai dan membuat pentafsiran kepada nas-nas yang berkaitan bagi mendapatkan hukum terhadap permasalahan-permasalahan baru.

<sup>159</sup> ‘Abd Wahhāb Khalaf (1947), *Op. Cit.*, cet.3, hal. 282

Namun apabila Rasulullah telah wafat, perkara ini terpaksa mereka lakukan tanpa bantuan dan merujuk kepada Rasulullah, akan tetapi mereka merujuk kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah<sup>160</sup>.

Oleh yang demikian, sumber hukum pada zaman sahabat ini adalah sama seperti sumber-sumber hukum pada zaman Rasulullah SAW Mereka akan mencari hukum atas sesuatu permasalahan dalam al-Quran dan kemudiannya dalam al-Sunnah. Sekiranya dijumpai, maka mereka mengambil hukum tersebut tanpa mencari dalam sumber lain.

Akan tetapi sekiranya tidak dijumpai, pada sahabat akan berijtihad sepetimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW ketika menghantar Mu'ādh bin Jabal ke Yaman untuk menjadi hakim di sana :

حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ عُمَرَ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ أَبِي عَوْنَى عَنِ الْحَارِثِ بْنِ عَمْرِو بْنِ أَخِي الْمُغَيْرَةِ بْنِ شُعْبَةَ عَنْ أَنَّاسٍ مِنْ أَهْلِ حِمْصَ مِنْ أَصْحَابِ مُعاذِ بْنِ جَبَلٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعاذًا إِلَى الْأَيْمَنِ قَالَ : كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءً ». قَالَ أَفْضَى بِكِتَابِ اللَّهِ . قَالَ : فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ . قَالَ فِي سُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-. قَالَ : فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي سُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-. قَالَ أَجْتَهِدُ رَأِيِّي وَلَا آتُو . فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ . قَالَ أَجْتَهِدُ رَأِيِّي وَلَا آتُو .

---

<sup>160</sup> 'Abd al-Majid Şubh (1989), *Uşul al-Manâhij al-Fiqhiyah*, cet. 1, hal. 9

-صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَمَ - صَدَرَهُ وَقَالَ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَقَّعَ رَسُولَ  
رَسُولُ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ<sup>161</sup>.

“Diceritakan Hafṣ bin ‘Umar bin Syu’bah daripada Abī ‘Aūn daripada al-Hārith bin ‘Amrū bin Akhī al-Mughīrah bin Syu’bah daripada Ūnās seorang penduduk Himṣ dan dari keluarga Mu’ādh, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda ketika ingin menghantar Mu’ādh ke Yaman : Bagaimana kamu berhukum sekiranya datang kepada kamu satu permasalahan?, Mu’ādh menjawab : Aku berhukum dengan Kitab Allah. Rasulullah bertanya lagi : sekiranya tiada dalam Kitab Allah?. Mu’ādh menjawab : (Aku berhukum) dengan Sunnah Rasulullah SAW Rasulullah bertanya lagi : Sekiranya tiada dalam Sunnah Rasulullah SAW dan tiada juga dalam Kitab Allah? Mu’ādh menjawab : Aku berijtihad dengan pandanganku dan tidak mengabaikannya. Maka Rasulullah SAW menepuk dadanya dan berkata : Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufiq kepada utusan Rasulullah SAW ke arah sesuatu yang diredhainya”

Hadith diatas jelas menunjukkan bahawa ijtihad itu merupakan suatu dalil yang diterima oleh Islam dalam permasalahannya sekiranya tidak terdapat nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Perakuan Rasulullah SAW kepada jawapan yang diberikan oleh Mu’ādh bin Jabal telah menunjukkan kepentingan serta galakan terhadap para sahabat untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang timbul dengan menggunakan ijtihad mereka apabila memerlukan.

Rasulullah juga berpesan kepada para sahabatnya untuk sentiasa membantu dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan serta menyebarkan ilmu yang ada pada mereka.

---

<sup>161</sup> Abū Daūd Sulaimān bin al-A’asyath al-Sajastānī (t.t), *Sunan Abū Daūd*, Bāb Ijtihād al-Ra’y fī al-Qaḍā’, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, no. Hadith 3594, jld.3, hal. 330

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا حَمَادٌ أَخْبَرَنَا عَلَيُّ بْنُ الْحَكَمِ عَنْ عَطَاءٍ  
عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((مَنْ سُئِلَ عَنْ  
عِلْمٍ فَكَتَمَهُ الْجَمَهُ اللَّهُ بِلِجَامِ مِنْ نَارٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ))<sup>162</sup>

“Diceritakan Mūsā bin Ismā’īl, diceritakan Ḥammad, dikhabarkan Alī bin al-Ḥakam daripada ‘Atā’ daripada Abu Huraīrah berkata : Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda : “Barang siapa yang ditanya padanya tentang sesuatu ilmu, lalu dia menyembunyikan ilmu itu, Allah akan menyeksanya pada hari kiamat dengan kekangan daripada api neraka”

Hadith ini menerangkan tentang kepentingan dalam mengeluarkan sesuatu fatwa kepada orang yang mengetahui tentangnya, dan pengharaman kepada orang yang merahsiakan pengetahuan tentang sesuatu perkara yang dia ketahui. Tegasan yang dijanjikan oleh Allah berupa seksaan api neraka adalah bukti kepada kepentingan untuk menyebarkan ilmu yang dimiliki terutama apabila disoal.

Oleh yang demikian, para sahabat mula mengeluarkan ijtihad mereka seperti mana yang disarankan oleh Rasulullah sekiranya tiada dalil yang boleh digunakan untuk merungkaikan permasalahan baru yang belum timbul pada zaman Rasulullah.

Jika diteliti kembali pada zaman pemerintahan Khalīfah al-Rāsyidīn yang pertama iaitu Khalīfah Abū Bakr al-Šiddīq, penggunaan ijtihad bukan suatu perkara asing bagi beliau. Khalīfah Abū Bakr al-Šiddīq sendiri apabila didatangkan kepadanya satu permasalahan beliau akan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, kemudian sekiranya tidak dijumpai, beliau akan mencari para sahabat yang berkemungkinan mereka mengataui perkara tersebut. Sekiranya perkara tersebut

---

<sup>162</sup> Ibid, Bāb Karāhiah Manā’al-‘Ilm, No Hadith . 3660 , jld. 3, hal. 360,

tidak juga diketahui oleh para sahabat, beliau akan mengumpulkan para sahabat daripada ahli *al-Ra'y* dan *al-'Ilm* untuk bermesyuarat dan kemudiannya mengeluarkan sesuatu hukum terhadap permasalahan yang timbul<sup>163</sup>.

Ibn Qayyim pernah menjelaskan perkara ini dalam kitab beliau<sup>164</sup> :

"كان أبو بكر الصديق إذا ورد عليه حكم نظر في كتاب الله تعالى فإن وجد فيه ما يقضي به وإن لم يجد في كتاب الله نظر في سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم فإن وجد فيها ما يقضي به قضى به فإن أعياه ذلك سأله الناس هل علمتم أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قضى فيه بقضاء فربما قام إليه القوم فيقولون قضى فيه بكلذا وكذا فإن لم يجد سنة سنها النبي صلى الله عليه وسلم جمع رؤساء الناس فاستشارهم فإذا اجتمع رأيهم على شيء قضى به".

"Abū Bakr al-Šiddīq apabila datang kepadanya sesuatu hukum, beliau merujuk kepada Kitab Allah, sekiranya dijumpai di dalamnya apa yang dikehendaki daripada hukum, beliau berhukum padanya. Sekiranya tiada dalam Kitab Allah, beliau merujuk pula kepada Sunnah Rasulullah, sekiranya dijumpai di dalamnya apa yang dikehendaki daripada hukum, beliau berhukum padanya, Sekiranya tiada, beliau bertanyakan kepada manusia (para sahabat) adakah mereka mengetahui Rasulullah pernah berhukum tentangnya. Kadang-kadang terdapat sahabat yang menjelaskan tentang telah berhukum (Rasulullah SAW) padanya dengan ini dan itu. Sekiranya tiada sebarang Sunnah yang pernah dilakukan oleh Nabis s.a.w, beliau akan mengumpulkan ketua-ketua dan bermesyuarat. Apabila bersepakat pendapat pada sesuatu hukum, maka barulah beliau berhukum dengannya"

Perbuatan ini diteruskan oleh khalifah seterusnya iaitu Khalīfah 'Umar al-Khaṭṭāb. Beliau akan mengikut *manhāj* Abū Bakr, namun sekiranya tidak dijumpai

<sup>163</sup> Shamsul Bahri Andi Galigo (2002), *al-Ijtihād fī al-Fikr al-Islāmī*, Kuala Lumpur : Fajar Ulung Sdn. Bhd, cet.1,hal. 98

<sup>164</sup> Muḥammad bin Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1968), *I'lām al-Muwaqqi'īn 'An Rabb al-'Ālamīn*, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah, hal. 67

sebarang hukum atas permasalahan tersebut, beliau akan merujuk kepada fatwa yang pernah dikeluarkan oleh Abū Bakr sebelum bermesyuarat untuk mendapatkan jawapan kepada permasalahan itu<sup>165</sup>.

وَكَانَ عُمَرٌ يَفْعُلُ ذَلِكَ إِذَا أَعْيَاهُ أَنْ يَجِدُ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ سَأْلًا:  
"هَلْ كَانَ أَبُو بَكْرَ قَضَى فِيهِ بِقَضَاءٍ" إِنْ كَانَ لَأْبِي بَكْرٍ قَضَاءً قَضَى بِهِ  
وَلَا جَمْعُ عُلَمَاءِ النَّاسِ وَاسْتِشَارَهُمْ إِذَا اجْتَمَعُوا رَأِيهِمْ عَلَى شَيْءٍ قَضَى  
بِهِ.

“ Sekiranya tidak dijumpainya (sesuatu hukum) dalam al-Quran dan al-Sunnah, ‘Umar akan bertanya (kepada sahabat) : Adakah Abū Bakr pernah berhukum tentangnya. Sekiranya Abū Bakr telah berhukum padanya, beliau akan turut berhukum, sekiranya tidak maka dikumpulkan ulama dan bermesyuarat. Apabila mereka bersepakat pada suatu pendapat, maka dihukumkan padanya”.

Ia juga diikuti oleh para sahabat lain yang memerintah kerajaan Islam ketika itu, bahkan para sahabat lain juga berfatwa berkenaan permasalahan baru yang timbul. Perlakuan ini bukanlah menunjukkan bahawa para sahabat bukan dikalangan para mujtahid, namun mereka teliti dengan setiap hukum yang dikeluarkan agar tidak bercanggah dengan hukum yang telah ditetapkan oleh *syarak* sedang mereka tidak mengetahuinya.

Perkara ini boleh dilihat secara jelas berdasarkan contoh ijithad para sahabat pada zaman mereka apabila terdapat sesuatu permasalahan yang tidak mempunyai dalil. Contoh yang jelas ketika zaman Abū Bakr al-Šiddīq dimana beliau memerangi orang yang enggan mengeluarkan zakat serta beliau mengambil pendapat ‘Umar al-

---

<sup>165</sup> Shamsul Bahri Andi Galigo (2002), *Op.Cit.*, cet.1, hal. 98

Khaṭṭāb dalam pengumpulan al-Quran sedangkan kedua-dua hal ini tidak mempunyai dalil daripada al-Quran maupun sunnah Rasulullah SAW

Para sahabat juga turut mengikut apa yang telah dilakukan oleh kedua-dua Khalifah al-Rasyidin ini dengan menggunakan al-Quran sebagai sumber pertama manakala al-Sunnah sebagai sumber kedua dalam meletakkan sesuatu hukum. Sekiranya mereka tidak menemui apa-apa dalil yang berkaitan dengan permasalahan tersebut, mereka akan mencari fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan dikalangan sahabat mengikut keutamaan sebelum membuat fatwa mereka sendiri berlandaskan ijtihad yang dibenarkan Islam.

Secara hakikatnya, tidak ramai para sahabat yang keluar meninggalkan Madinah terutama pada zaman pemerintahan Saidinā ‘Umar al-Khaṭṭāb. Perkara ini dilarang untuk memudahkan urusan berfatwa pada waktu tersebut. Oleh yang demikian, tidak menjadi satu permasalahan untuk melakukan Syura dikalangan sahabat. Keadaan ini terus berlaku sehingga pada awal pemerintahan Khalīfah Umawī.<sup>166</sup>

---

<sup>166</sup> Muḥammad Abū Zahrah (T.T), *Tārikh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah : Dār al-Fikr al-‘Arabī, jld.1 hal. 257

Antara sahabat-sahabat yang banyak mengeluarkan fatwa adalah seperti ‘Aisyah Umm al-Mu’minīn<sup>167</sup>, ‘Umar al-Khaṭṭāb<sup>168</sup>, Alī bin Abī Tālib<sup>169</sup>, Ibn Abbās<sup>170</sup>, Abd Allah ibn Mas’ūd<sup>171</sup>, Abd Allah ibn ‘Umar al-Khaṭṭāb<sup>172</sup> dan Zaid bin Thābit<sup>173</sup>. Mereka ini adalah 7 orang sahabat yang telah mengeluarkan sebahagian besar fatwa-fatwa pada zaman sahabat ini<sup>174</sup>.

Selain daripada itu, terdapat juga sahabat-sahabat yang turut mengeluarkan fatwa tapi tidak sebanyak 7 orang sahabat di atas. Mereka dinamakan sebagai *al-Mutawassitūn* iaitu golongan pertengahan dalam mengeluarkan fatwa. Mereka terdiri daripada Abū Bakr al-Šiddīq, Umm Salamah, Anas bin Mālik, Abū Sa’id al-Khudrī, Abū Ḥurāirah, ‘Uthmān ibn ‘Affān, Abd Allah ibn ‘Amr bin al-‘Aāṣ, Abd Allah bin Zubaīr, Abū Musā al-Asy’arī, Sa’ad ibn Abī Waqqās, Sulaimān al-Fārisī, Jābir ibn Abd Allah dan Mu’ādh bin Jabal.<sup>175</sup>

---

<sup>167</sup> Antara fatwa yang pernah dikeluarkan oleh ‘Aisyah adalah seperti tempoh mengandung paling lama adalah 2 tahun. Lihat Al-Asyqār, Umar Sulaiman (2005). *al-Madkhāl Ilā al-Syarī’ah Wa al-Fiqh al-Islāmī*, Jordan : Dār al-Nafāis, cet. 1, hal. 139.

<sup>168</sup> Saidina ‘Umar pernah mengeluarkan fatwa tentang pengumpulan orang-orang Islam di bawah seorang Imam sahaja pada bulan ramadan selepas mereka solat secara berasingan dalam satu masjid. *Ibid*

<sup>169</sup> Beliau pernah membuat penentuan kadar mahar tidak kurang daripada 10 dirham. *Ibid*

<sup>170</sup> Fatwa yang pernah beliau keluarkan antaranya dalam pewarisan harta pusaka, Ibu kepada si mati tetap akan menerima 1/3 daripada tinggalan pusaka walaupun terdapat suami atau isteri si mati. Lihat Mana’ Qaṭṭān (2001), *Tārikh al-Tasyrī’ al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah, cet. 5, hal. 236

<sup>171</sup> Ibnu Mas’ud pula menetapkan tempoh paling lama seorang wanita hamil adalah satu tahun cukup.

<sup>172</sup> Membuat fatwa bahawa perlu dijelaskan nilai modal ketika dalam urusan Ba’I al-Salam. Al-Asyqār, Umar Sulaiman (2005). *Op. Cit*, hal. 139.

<sup>173</sup> Antara fatwa beliau adalah tentang saudara lelaki boleh mewarisi harta walaupun dengan wujudnya datuk kepada si mati. Lihat Mana’ Qaṭṭān (2001), *Tārikh al-Tasyrī’ al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah, cet. 5, hal. 236

<sup>174</sup> al-Dhāhirī, Ibn Ḥazm al-Andalūsī (1926), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Kaherah : Maktabat al-Khanajī, jld. 5, hal. 666.

<sup>175</sup> *Ibid*

Manakala selebihnya turut mengeluarkan fatwa atas pengetahuan mereka dalam Islam tetapi dalam jumlah yang sangat sedikit. Diriwayatkan juga bilangan para sahabat yang berfatwa adalah berjumlah 130 orang<sup>176</sup>.

Penfatwaan para sahabat ini tidak berlaku di Madinah sahaja, bahkan ia terbahagi kepada beberapa tempat lain juga. Di Madinah misalnya, sahabat seperti Khulafā' al-Rāsyidīn, Zaīd bin Thābit, Ubāy bin Ka'ab dan 'Aisyah Umm Mu'minīn merupakan tempat rujukan dalam segala permasalahan agama.

Selain itu, di Kufah para sahabat terdiri daripada 'Alī bin Abi Talib dan 'Abd Allah bin Mas'ūd, di Basrah sahabat seperti Anas bin Mālik dan Abū Musā al-'Asy'arī, di Syām seperti Mu'ādh bin Jabal dan 'Ubādah bin al-Şāmit manakala di Mesir terdiri daripada 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'Aāṣ<sup>177</sup>.

Walaupun para sahabat mula berfatwa sejak zaman Rasulullah SAW lagi, namun ia nyata berbeza selepas kewafatan Rasulullah. Ini kerana, pada zaman Rasulullah, sahabat berfatwa menurut ijtihad mereka sendiri dan kemudiannya kembali merujuk kepada Rasulullah untuk mendapatkan kepastian atas apa yang telah mereka hukumkan.

---

<sup>176</sup> Abd Wahhāb Khalaf (1947), *Op. Cit.*, cet.3, hal. 283

<sup>177</sup> *Ibid*

Ini adalah untuk mendapatkan persetujuan dan perakuan baginda. Keadaan sedemikian menyebabkan fatwa dan ijтиhad para sahabat sangat terbatas, terkawal dan sekaligus pemantauan dilakukan oleh Rasulullah SAW dari semasa ke semasa<sup>178</sup>.

Secara kesimpulannya, metode fatwa pada zaman ini ada tiga iaitu; Al-Quran, Al-Sunnah dan Ijtihad Sahabat<sup>179</sup> samada ijтиhad tersebut diperolehi dengan mengadakan *syura* atau membuat ijтиhad secara persendirian.

Zaman sahabat ini berakhir pada tahun 40 Hijrah (660 Masihi) dengan berakhirlah pemerintahan Khulafā' al-Rāsyidīn yang dipimpin oleh Saidina 'Alī bin Abī Ṭālib<sup>180</sup>.

### 3.4.3 Metode Berfatwa Pada Zaman Tābi'iñ dan Itbā' al-Tābi'iñ

Dengan kejatuhan pemerintahan Saidina 'Alī bin Abī Ṭālib, maka berakhirlah pemerintahan yang dikenali dengan pemerintahan para sahabat. Namun begitu, empayar Islam bukan berakhir disitu, peralihan kuasa ini diambil oleh penulis wahyu Rasulullah, Mu'āwiyah bin Abī Šufyān<sup>181</sup>.

---

<sup>178</sup> Alias bin Azhar (2000/2001), *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa Kajian Dari tahun 1985-1995*, Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 17.

<sup>179</sup> Abd Wahhab Khalaf (1947), *Op. Cit.*, cet.3, hal. 283.

<sup>180</sup> 'Alī Ibrāhim Ḥasan (197-), *al-Tārikh al-Islām al-'Aām : al-Jāhiliyah, al-Dawlāt al-'Arabiyah, al-Dawlāt al-'Abbāsiyah*, Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, hal. 215

<sup>181</sup> Mu'āwiyah bin Abī Šufyān bin Ḥarb, dilahirkan di Makkah al-Mukarramah 5 tahun sebelum Nabi Muhammad dilantik sebagai Rasul dan telah memeluk Islam di usia 23 pada hari pembukaan Makkah oleh Umat Islam pimpinan Rasulullah SAW sendiri.

Pemerintahan ini dinamakan sebagai zaman Umawī sebagai penghormatan kepada Umayyah bin ‘Abd al-Shams bin ‘Abd al-Manāf Ibn Quṣai iaitu pengasas kepada Bani Umayyah dan dia juga merupakan pemimpin dalam salah satu suku kabilah Quraīsh<sup>182</sup>.

Golongan ini dinamakan sebagai *tābi’īn* berdasarkan ayat al-Quran :

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ أَتَبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۝ ۱۰۰

Dan orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah) dari orang Muhajirin dan Ansar, dan orang yang menurut mereka dengan kebaikan, Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia(Allah).

Tabi'in yang membawa makna pengikut telah dinamakan oleh Allah adalah untuk memuliakan mereka. Ini adalah kerana Tabi'in merupakan golongan yang hadir selepas daripada zaman penurunan wahyu dan Syariah Islamiyyah serta mereka meneruskan perjuangan menegakkan Islam seperti yang dilakukan oleh Rasulullah dan para Sahabat.

Dalam konteks berfatwa, terdapat 2 bentuk ijтиhad yang dilakukan oleh para tabi'in secara umum<sup>184</sup>:

<sup>182</sup> Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1964), *Tārikh al-Islām al-Siyāsī wa al-Dīnī wa al-Thaqāfi wa al-Ijtīmā’ī*, Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, jld.1, hal. 276-277.

<sup>183</sup> Surah al-Taubah, ayat 100.

<sup>184</sup> Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Op. Cit.*, jld. 1 hal. 256.

Pertama : Pengumpulan 2 sumber utama. Para Tabiin mengumpulkan apa yang telah diriwayatkan daripada hadith-hadith Rasulullah SAW serta mengumpulkan *Aqwal al-Sahābah* berdasarkan fatwa-fatwa yang ditinggalkan oleh para sahabat sebelum mereka.

Kedua : Berfatwa kepada permasalahan yang tidak pernah difatwakan oleh para sahabat, dan tiada dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Para tabi'in berfatwa atas manhaj yang telah ditinggalkan oleh para sahabat kepada mereka.

Zaman tabi'in menampakkan perkembangan pesat berkaitan dengan institusi fatwa ini. Ia dimulai pada pemerintahan Khulafā' Umawiyyah pada tahun 41 Hijrah (661 Masihi) dengan perlantikan Mu'āwiyah bin Abī Sufyān sebagai Khalifah, seterusnya diikuti oleh pemerintahan Khulafā' 'Abāsiyyah dan Uthmāniyyah. Ini adalah kerana, Islam telah berkembang keserata pelusuk dunia zaman ini.<sup>185</sup>

Rasulullah SAW pernah menjelaskan bahawa kewujudan *mujaddid* agama yang sentiasa mengangkat Islam kemartabat yang paling tinggi. Hadith Rasulullah SAW berbunyi :

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاؤِدَ الْمَهْرِيُّ أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنِي سَعِيدُ بْنُ أَبِي  
أَئْيُوبَ عَنْ شَرَاحِيلَ بْنِ يَزِيدَ الْمُعَاافِرِيِّ عَنْ أَبِي عَلْقَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ  
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ  
كُلِّ مِائَةٍ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

---

<sup>185</sup> *Ibid.* hal. 240

“Diceritakan Sulaimān bin Dāud al-Mahrīy, dikhabarkan Ibn Wahhāb, dikhabarkan Sa’īd bin Abī Ayyūb daripada Syarāhīl bin Yazīd al-Mu’āfirīy daripada Abī ‘Alqamah daripada Abī Huraīrah daripada Rasulullah s.a.w telah bersabda : Sesungguhnya Allah akan mengutus kpd umat ini pada tiap-tiap seratus tahun orang yg memperbarui agama mereka<sup>186</sup>.

Dengan perkembangan Islam ini, agama Islam dianuti oleh pelbagai bangsa dari pelbagai adat dan budaya. Oleh yang demikian, muncul permasalahan-permasalahan yang hampir tidak boleh dijangka daripada mereka. Ini menyukarkan dalam meletakkan sesuatu permasalahan pada hukum yang sebaiknya kerana kebanyakan permasalahan ini tidak mempunyai dalil yang bersesuaian.

Ini memerlukan kepada institusi fatwa yang khas. Oleh yang demikian, wujudlah institusi yang menguruskan perihal fatwa pada zaman tersebut iaitu Jawatan Mufti dan Jabatan Ifta yang lebih dikenali sebagai Darul Ifta<sup>187</sup>

Apabila tiba zaman tabi’in, semakin banyak persoalan baru yang berbangkit. Meskipun generasi ini mewarisi hadith-hadith Rasulullah SAW serta ijtihad sahabat, namun masih banyak persoalan berbangkit tidak terjawab<sup>188</sup>.

Jika pada zaman sahabat sendiri terdapatnya khilaf terhadap sesuatu permasalahan, zaman tabi’in dan tabi’ al-tabi’in ini juga tidak terkecuali dengan

<sup>186</sup> Abū Dawūd Sulāimān bin al-A’asyath al-Sajastānī (t.t), *Sunan Abū Dawūd*, Bab Ma Yazkuru fī Qarn al-Miah, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, jld.4, hal. 178, no. hadith 4293

<sup>187</sup> Othman Ishak (1998), *Mufti dan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, “Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan dan Kehakiman”, hal. 1

<sup>188</sup> Mohd Marbawi Taha (2006), *Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Disertasi Sarjana Syariah, hal. 50

perkara yang sama. Namun begitu, mereka mengumpulkan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh para sahabat ini serta membuat pentarjihan dalam setiap permasalahan<sup>189</sup>.

Tidak hairanlah pada zaman ini, muncul mazhab-mazhab yang diketuai oleh ‘para alim ulama tabi’in. Ditambah pula dengan khilaf yang semakin banyak natjiah daripada banyak permasalahan yang timbul serta banyak pengecualian hukum dikalangan para tabi’īn. Oleh yang demikian beberapa orang tabi’īn telah menjadi rujukan dalam berfatwa pada zaman mereka.<sup>190</sup>

Dengan perluasan dunia Islam pada zaman ini, muncullah dua madrasah yang utama iaitu madrasah hadith berpusat di Madinah dan Madrasah al-Ra’y atau menggunakan rasional akal berpusat di Iraq<sup>191</sup>.

Kemunculan Madrasah al-Hadith ini adalah bertitik tolak daripada cara pemikiran dan penfatwaan para Sahabat di zaman mereka. Madrasah ini terletak di bumi *Hijaz*, iaitu di Madinah dan terkesan juga dengan pemikiran para Sahabat di Mekah. Ia dinamakan sebagai Madrasah al-Hadith kerana mementingkan penggunaan hadith sebagai sumber utama selepas al-Quran dan tidak mudah mengeluarkan sesuatu fatwa<sup>192</sup>.

---

<sup>189</sup> Abd al-Wahhāb Abd al-Salām Ṭawīlah (1414 H), *Athār al-Lughah fī Ijtihād al-Mujtahidīn*, Beirut : Dār al-Salām, hal. 30

<sup>190</sup> *Ibid.*

<sup>191</sup> Muhammad Abu Zahrah(t.t), *Op.Cit*, Jld. 1, hal. 260

<sup>192</sup> Ibrahim ‘Abd al-Rahman Ibrahim (1999), *al-Madkhāl Li Dirāsat al-Fiqh al-Islāmī*, ‘Amman : Dār al-Thaqāfah, cet.1, hal. 86

Madrasah al-Hadith ini diketuai oleh Ketua Ulama Tabi'in iaitu Sa'id bin al-Musayyib salah seorang daripada *Fuqahā al-Sab'ah* dimana mereka mengumpulkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w, athar-athar para sahabat serta mengumpulkan fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan oleh Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, 'Alī, 'Āisyah, Ibn 'Abbās, Ibn 'Umar, Zaīd bin Thābit dan Abū Huraīrah. Madrasah al-Hadith mempunyai ciri-ciri yang tersendiri berbeza dengan Madrasah al-Ra'y. Para Tabi'in pada zaman ini meletakkan syarat-syarat yang mudah penerimaan hadith-hadith sebagai sumber hukum. Mereka seringkali mendahulukan penggunaan hadith walaupun hadith tersebut adalah *hadīth qā'iḍ* dan mendahulukan *hadīth ahād* berbanding mengeluarkan fatwa dengan rasional akal. Dengan ideologi madrasah ini yang memberi keutamaan kepada hadith berbanding sumber hukum lain, ia telah menjadi kelemahan dengan wujudnya penipuan dan penciptaan hadith-hadith palsu di zaman seterusnya.<sup>193</sup>

Madrasah al-Ra'y pula diketuai oleh 'Abd Allah bin Mas'ūd dan berpusat di Iraq. Madrasah ini telah melahirkan beberapa 'ulama besar Islam seperti Ibrāhīm al-Nakhā'ī, Hamād bin Abī Sulaimān sehingga terasasnya Mazhab Ḥanafī pimpinan Imam Abū Ḥanīfah pada zaman seterusnya. Penggunaan rasional akal ini dalam penfatwaan adalah kerana bilangan para sahabat dan tabi'in tidak seramai di Mekah dan Madinah. Mereka juga sangat sukar untuk menerima hadith-hadith kecuali dalam skop yang kecil. Iraq ketika itu adalah pada zaman fitnah dan muncul hadith-hadith palsu dalam jumlah yang banyak<sup>194</sup>.

---

<sup>193</sup> *Ibid*, hal. 87

<sup>194</sup> *Ibid*, hal. 88

Antara sebab kemunculan dua pemikiran al-Hadith dan al-Ra'y ini bertitik tolak daripada kewujudan hadith-hadith serta fatwa-fatwa para sahabat. Di Hijāz misalnya tidak menghadapi masalah, kerana wujud banyak fatwa-fatwa berkaitan sehingga para Tabi'īn berpegang kepada fatwa-fatwa ini dan tidak beralih kepada pemikiran rasional akal. Namun belainan pula keadaan di Iraq, fatwa-fatwa yang terdapat disana adalah dalam bilangan yang kecil sehingga mereka terpaksa menggunakan rasional akal untuk sampai kepada sesuatu hukum syarak. Perbezaan suasana juga memainkan peranan penting dalam kemunculan dua madrasah ini – di Hijaz, suasana kehidupan tidak banyak berubah berbanding zaman para sahabat dan mereka berpegang kepada jalan penyelesaian yang ditinggalkan oleh para sahabat, manakala di Iraq, suasana di kawasan ini banyak terkesan dengan negara Parsi yang sama sekali berbeza dengan zaman Rasulullah SAW mahupun pada zaman para sahabat. Selain itu, zaman ini merupakan kemuncak kepada zaman fitnah di Iraq, oleh yang demikian, riwayat yang dipercayai sahaja menjadi syarat untuk penerimaan hadith. Ini adalah kerana wujudnya pemalsuan hadith oleh sesetengah golongan yang ingin menguatkan mazhab pegangan mereka. Di Hijāz pula, keadaan pemalsuan hadith seperti ini tidak berlaku dan terdapat ramai periwayat hadith yang dipercayai yang memungkinkan penggunaan hadith dalam berfatwa atau istinbat hukum.<sup>195</sup>

---

<sup>195</sup> 'Abd al-'Azīm Syaraf al-Dīn (1993), *Tārikh al-Tasyrī' al-Islāmī*, Banghazī, Libya : Jamī'ah Qaryūnis, cet. 4, hal. 162-163.

Pembahagian para ulama pada zaman ini tidak hanya tertumpu kepada Madinah sahaja, bahkan hingga keseluruh pelusuk dunia Islam. Antara ulama-ulama terkenal pada zaman ini adalah<sup>196</sup> :

**Mekah** : ‘Abd Allah Ibn ‘Abbās, Mujāhid bin Khābir, ‘Ikrimah Maulā Ibn ‘Abbās, ‘Atā’ bin Abī Rabah dan Abū al-Zubaīr Muḥammad bin Muslim.

**Madinah** : ‘Āisyah Umm al-Mu’mīnīn dan *al-Fuqahā’ al-Sab’ah* ( Ibn al-Musayyib, ‘Urwah bin al-Zubaīr, al-Qāsim bin Muḥammad, Khārijah bin Zaīd, Abū Bakr ‘Abd al-Rahmān bin al-Hārith bin Hāsyim, Sulaimān bin Yasār, ‘Ubaīd Allah bin ‘Abd Allah bin ‘Utbah Ibn Mas’ūd).

**Yaman** : Ṭāwus bin Kīsan al-Yamānī, Wahhāb bin Munabbah dan Yahyā bin Abī Kathīr.

**Kufah dan Basrah** : Alqamah bin ‘Qaīs al-Nakhā’ī, Ibrāhīm al-Nakhā’ī, Syuraīḥ bin al-Hārith al-Kindī, al-Hasan al-Baṣrī, Masrūq bin al-Ajdā’ al-Ḥamdānī, Anas bin Mālik, Abū al-‘Āliyah Rufāy bin Mahrān al-Riyāhī dan Qatādah bin Dā’amah al-Sadusī.

**Syam**: Abū Idrīs al-Khaulanī dan Muḥammad bin Syīhab al-Zuhrī.

**Khurasan** : ‘Atā’ al-Khurasānī.

Kesimpulannya, pada zaman ini, para ulama dan mufti mengeluarkan fatwa tentang hukum-hukum Islam samada perkara padanya dalil-dalil mahupun tanpa dalil berdasarkan sumber utama iaitu Al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya tidak dijumpai maka beralih kepada fatwa sahabat atau tabi’in yang terdahulu. Sekiranya

---

<sup>196</sup> Aādil Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz al-Ghiryānī (2002), *Mabāhith fī Tārikh al-Tasyrī’ al-Islāmī*, Kuala Lumpur : Fajar Ulung Sdn. Bhd., cet. 1, hal. 169-170

tidak dijumpai juga hukum yang berkaitan, maka fatwa baru akan dikeluarkan berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan oleh imam-imam mazhab.

‘Umar Sulaimān al-Asyqār<sup>197</sup> telah menyimpulkan metode para tabi’in dalam berfatwa dengan katanya :

سلك التابعون نهج الصحابة في التعرف على الأحكام، فقد كانوا  
يرجعون إلى الكتاب والسنة فيما يواجههم من النوازل. فإن لم يجد  
وارجعوا إلى اجتهاد الصحابة ، وإن لم يجدوا اجتهدوا رأيهم مراعين في  
ذلك المنهج الذين دلهم على الكتاب والسنة والضوابط التي راعاها  
الصحابة في اجتهادهم.

“Para Tabi’in telah mengikut metode Sahabat dalam mengetahui hukum-hukum, mereka merujuk kepada al-Kitab dan al-Sunnah daripada apa yang menunjukkan kepada sesuatu hukum. Sekiranya tidak dijumpai, mereka akan merujuk pula kepada ijtihad para sahabat, sekiranya tidak dijumpai juga, para tabi’in berijtihad mengikut pandangan mereka sendiri namun tetap berpandukan metode daripada al-Kitab dan al-Sunnah dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh para sahabat ketika berijtihad”.

Oleh itu, metode para tabi’in adalah berlandaskan apa yang telah ditinggalkan oleh para sahabat sebagai kaedah dalam berfatwa. Ini boleh dilihat jelas berdasarkan apa yang dijelaskan di atas.

Pertama : Para Tabi’īn merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah sekiranya terdapat hukum-hukum *nawāzil*.

---

<sup>197</sup> ‘Umar Sulaimān al-Asyqār (1982), *Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*, Kuwait : Maktabah al-Fallah, hal. 81

Kedua : Sekiranya tidak dijumpai, para Tabi'īn merujuk pula kepada ijtihād dan Fatwa yang telah dikeluarkan oleh sahabat selepas kewafatan Rasulullah SAW

Ketiga : Sekiranya tidak ditemui juga, barulah mereka akan berijtihad atas kaedah-kaedah dan cara-cara berfatwa yang telah ditinggalkan kepada mereka oleh pada sahabat.

### **3.4.4 Metode Berfatwa Pada Zaman Imam-Imam Mujtahid dan Kewujudan Mazhab Empat.**

Setelah Islam berkembang pesat dan tersebar diserata tempat pada zaman sahabat dan diikuti pada awal zaman pemerintahan Khulafā' al-Umawiyah, permintaan terhadap penfatwaan menjadi semakin penting. Kemunculan permasalahan baru serta bertambahnya pengikut agama Islam yang bukan daripada kalangan arab menyebabkan perkara ini terjadi.

Zaman ini bermula di saat kejatuhan Khalifah Umawiyah dan munculnya pemerintahaan kerajaan ‘Abāsiyyah oleh khalifah pertama kerajaan ini iaitu Abū al-‘Abbās Abd Allah<sup>198</sup>. Kemunculan empat mazhab utama berlaku pada zaman ini iaitu sekitar tahun ke-2 hingga ke-3 hijrah (623-624 Masihi). Mazhab-mazhab empat ini adalah ; Mazhab Ḥanafī, Mazhab Mālikī, Mazhab Syafī'ī dan Mazhab Hanbalī.

---

<sup>198</sup> Ibrāhīm ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm (1999), *Op.Cit.*, hal. 97

Zaman ini telah dinamakan sebagai (عَهْد التَّدْوِين وَالْأَئْمَةُ الْمُجْتَهِدُون) iaitu zaman pembukuan dan imam-imam mutjahid<sup>199</sup>. Ini adalah kerana perkembangan dalam penulisan dan pembukuan syariah Islam wujud pada waktu ini. Di zaman ini juga, pembukuan hadith, fatwa-fatwa para sahabat, fatwa-fatwa Tabi'īn dan Tabi' al-Tabi'īn dilakukan. Selain itu, penulisan ilmu *Uṣūl al-Fiqh* juga bermula secara tersusun pada zaman ini yang menjadi asas metode kepada penfatwaan serta pengistinbatan hukum pada zaman terkemudian.

Zaman ini dikira sebagai zaman kejayaan Islam dengan kepesatan dan keinginan umat Islam pada waktu ini untuk meninggikan syiar Islam. Sumber Islam yang dahulunya dipandang kaku, sekarang berkembang dengan pesat dengan kelahiran para cendekiawan-cendekiawan Islam.

Meneruskan corak pemikiran dalam pengeluaran fatwa berdasarkan dua madrasah utama pada zaman tabi'in, Madrasah al-Ḥadīth yang berpusat di Madinah dipimpin oleh Imam Mālik bin Anas manakala Madrasah al-Ra'y pula berpusat di Kufah dibawah pimpinan Imam Abū Ḥanīfah<sup>200</sup>.

Daripada Madrasah al-Hadīth, telah bercambah pemikiran yang berpegang teguh dengan hadith Rasulullah SAW sehingga timbul Mazhab Mālikī dibawah Imam Mālik sendiri, Mazhab Syafī'ī, Mazhab Hanbalī dan Mazhab Zāhirī<sup>201</sup>.

<sup>199</sup> Abd al-Wahhāb Khalaf (t.t), *Khulāsah al-Tasyrī' al-Islāmī*, Kaherah : Dār al-Qalam, hal. 57

<sup>200</sup> Hasan Ibrahim Hasan (1964), *Tārikh al-Islām al-Siyasī wa al-Dīnī wa al-Thaqāfi wa al-Ijtīmā'ī*, Kaherah : Maktabah al-Nahḍah al-Misriyah, jld.1, hal. 151.

<sup>201</sup> Ibrāhīm 'Abd al-Rahmān Ibrāhīm (1999), *Op. Cit.*, cet.1, hal. 86

Dari segi metode berfatwa setiap mazhab ini, secara umumnya perbezaan antara mereka tidaklah begitu ketara kerana kesemuanya bersepakat kepada empat sumber hukum yang sama iaitu al-Quran, al-Sunnah, *Ijmā'* dan *al-Qiyās*. Namun, perbezaan pendapat ini akan berlaku akibat daripada perbezaan sumber hukum yang tidak disepakati, penggunaan prinsip bahasa yang digunakan untuk memahami nas serta suasana keadaan setempat.<sup>202</sup>

Imam Abū Ḥanīfah telah menyatakan metode berfatwa beliau secara umum melalui kata beliau :

آخذ بكتاب الله، فإن لم أجد فبسنة رسول الله (ص)، فإن لم أجده في  
كتاب الله تعالى ولا سنة رسول الله (ص)، أخذت بقول أصحابه آخذ  
بقول من شئت منهم، وأدع من شئت منهم، ولا أخرج من قولهم إلى  
قول غيرهم، فأما إذا انتهى الأمر إلى إبراهيم (النخعي) والشعبي وابن  
سيرين وحسن وعطاء وسعيد ابن مسیب... فقوم اجتهد، فاجتهد كما  
اجتهدوا

“Aku merujuk kepada Kitab Allah, sekiranya tiada maka aku (merujuk) kepada Sunnah Rasulullah s.a.w, sekiranya tiada pada Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah, aku merujuk kepada Qaul Sahabat yang aku inginkan dan menolak kata-kata yang tidak inginkan, dan aku tidak akan keluar dari kata mereka kepada kata yang lain, sekiranya perkara ini terhenti pada Ibrāhīm (al-Nakha'i), al-Sya'bī, Ibnu Sīrin, Ḥasan, ‘Aṭā’ dan Sa’īd bin al-Musayyib...maka aku berijtihad sepetimana mereka berijtihad”<sup>203</sup>

<sup>202</sup> Abd al-Wahhāb Khalaf, *Op. Cit.*, hal. 62

<sup>203</sup> Muḥammad al-Khuḍarī Bek (T.T), *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, hal. 368

Daripada pernyataan di atas, dapat digambarkan secara kesimpulannya tentang metode yang digunakan pakai oleh Imam Abū Ḥanīfah dalam berfatwa. Secara umumnya, *Uṣūl* dalam berfatwa dalam Mazhab Hanafī dimulai dengan rujukan kepada al-Quran sebagai sumber utama. Sekiranya tiada, barulah beliau beralih kepada al-Sunnah. Beliau yang terkesan dengan pendekatan *al-Ra'y* lebih mengutamakan penggunaan rasional akal dalam berfatwa. Oleh yang demikian, beliau tidak banyak menggunakan hadith bimbang dengan status hadith yang ada pada waktu tersebut. Selain itu, penggunaan sumber rujukan lain mengikut turutan menurun adalah seperti *Al-Qiyās*, *Al-Istihsān*, *Al-Ijmā'* dan *Al-Urf*.<sup>204</sup>

Imam Abū Ḥanīfah merupakan seorang Imam Mazhab yang menggunakan dalil daripada Qiyyas secara meluas. Ini berbeza dengan usul mazhab-mazhab lain. Oleh kerana itu, Imam Abū Ḥanīfah dinamakan sebagai *Faqīh al-Ra'y*. Penggunaan *al-Ra'y* pada zaman Abu Hanifah boleh dilihat secara jelas dalam hukum-hukum dalam mazhab ini. Ini adalah kerana hadith tidak tersebar di Iraq pada zaman ini. Oleh yang demikian, Imam Abū Ḥanīfah teliti dalam menerima hadith sebagai sumber hukum bagi mazhab ini. Walau yang demikian, hadith tetap menjadi sumber hukum kedua selepas al-Quran dengan penapisan yang sangat teliti oleh beliau. Selain itu, Imam Abu Hanifah juga menggunakan *al-Hīl al-Syar'iyyah* sebagai salah satu sumber hukum.<sup>205</sup>

---

<sup>204</sup> Abd al-‘Azīm Ibrahīm al-Mut’īnī (t,t), *al-Fiqh al-Ijtihādī al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah, hal. 376-377

<sup>205</sup> *Ibid.*, hal. 35

Tidak seperti metode Imam-Imam lain, metode fatwa dan hukum Imam Malik tidak tercatat pada mana-mana karya. Akan tetapi, para ulama telah menyimpulkan metode Imam Malik seperti berikut :

إِنْ مَنْهَاجُ إِمَامٍ دَارَ الْهِجْرَةَ، أَنَّهُ يَأْخُذُ بِكِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى أَوْلًا، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ  
فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى نَصًا اتَّجَهَ إِلَى السُّنَّةِ، وَيُدْخِلَ فِي السُّنَّةِ عِنْدَهُ  
أَحَادِيثُ رَسُولِ اللَّهِ (ص) وَفَتاوَى الصَّحَابَةِ وَاقْضَيْتُمْ، وَعَمِلَ أَهْلُ الْمَدِينَةِ،  
وَمِنْ بَعْدِ السُّنَّةِ بَشْتَى فَرَوْعَاهَا يَجِيءُ الْقِيَاسُ وَهُوَ الْحَاقُ أَمْرٌ غَيْرُ مَنْصُوصٍ  
عَلَى حَكْمِهِ بِأَمْرٍ آخَرٍ مَنْصُوصٍ عَلَى حَكْمِهِ، لَوْصَفَ مُشْتَرِكٌ بَيْنَهُمَا يَكُونُ  
هُوَ عَلَةُ الْحَكْمِ الَّتِي بَنَى عَلَيْهَا، وَمَعَ الْقِيَاسِ الْمُصْلَحَةُ وَسَدُ الدَّرَائِعُ  
وَالْعُرْفُ وَالْعَادَاتُ<sup>206</sup>

Sesungguhnya manhaj Imam Dār al-Hijrah, pertama-tamanya, beliau mengambil (hukum) daripada kitab Allah. Sekiranya tidak dijumpai nas daripada kitab Allah, beliau merujuk pula kepada al-Sunnah. Al-Sunnah baginya termasuklah hadith-hadith Rasulullah s.a.w, fatwa-fatwa sahabat dan pengqadian mereka serta amalan penduduk Madinah. Seterusnya selepas al-Sunnah yang berbagai-bagai cabangnya (jika tidak dijumpai), beliau pergi kepada al-Qias iaitu mengaitkan sesuatu perkara yang tidak mempunyai nas-nas pada hukumnya kepada perkara lain yang mempunyai nas padanya kerana kedua-duanya berkongsi pada ‘illah hukum yang terbina padanya. Bersama-sama al-Qias, beliau merujuk juga kepada al-Maṣlaḥah, Sad al-Zarā’i, al-Urf dan al-‘Ādāt

Bagi Imam Malik, beliau menggunakan manhaj yang berbeza berbanding dengan cara Imam al-Syāfi’ī. Beliau tetap menggunakan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama kepada sumber hukum dan fatwa, namun Imam Mālik mendahulukan ‘Amal Ahl al-al-Madīnah berbanding Aqwāl al-Saḥābah. Hujah Imam Malik dalam menggunakan ‘Amal Ahl al-Madīnah ini adalah mereka, penduduk Madinah hidup dalam kehidupan berdakwah selama 20 tahun selepas

---

<sup>206</sup> *Ibid.*, hal. 423-424

hijrah dan mereka menyaksikan semua perbuatan amali yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dalam mempraktikkan hukum-hukum Syariah. Oleh yang demikian, mereka adalah orang yang paling mengetahui tentang *sunnah ‘amalī* daripada Rasulullah<sup>207</sup>. Ia diikuti kemudiannya dengan sumber rujukan seperti *al-Maṣāliḥ al-Mursalah*, *al-Qiyās* dan *Sadd al-Dharā’i*.

Bagi Imam al-Syāfi’ī pula dalam mengeluarkan sesuatu fatwa atau hukum keatas permasalahan yang timbul, beliau mempunyai metod tersendiri berdasarkan kitabnya<sup>208</sup> :

العلم طبقات شتى : الأولى الكتاب، والسنّة إذا ثبتت، ثم الثانية  
الإجماع فيما ليس فيه كتاب ولا سنّة. والثالثة أن يقول بعض أصحاب  
النبي (ص) قولًا، ولا نعلم له مخالفًا منهم. والرابعة اختلاف أصحاب  
النبي (ص) في ذلك. والخامسة القياس على بعض الطبقات. ولا يصار  
إلى شيء غير الكتاب والسنّة وهمما موجودان

“Ilmu ini mempunyai berbagai-bagai peringkat : Pertamanya al-Kitab dan al-Sunnah sekiranya telah disabitkan dengan sesuatu hukum. Kemudiannya al-Ijma’ pada perkara yang tidak ditemui dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Ketiga, kata-kata (Fatwa) para sahabat Nabi SAW dimana tidak kami ketahui terdapat percanggahan padanya. Yang keempat, percanggahan para sahabat pada fatwa-fatwa mereka. Yang kelima, al-Qias. Dan tidak merujuk kepada perkara-perkara selain al-Quran dan al-Sunnah sekiranya terdapat hukum dalam keduanya”.

Secara kesimpulannya, Imam al-Syafī’ī menggunakan lima kaedah utama dalam membuat sesuatu hukum atas permasalahan. Beliau akan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama, bahkan beliau tidak beralih kepada

<sup>207</sup> *Ibid.*, hal. 33

<sup>208</sup> Al-Syafī’ī, Muḥammad bin Idrīs (1973), *al-Umm*, Beirut : Dar al-Ma’rifah, jld.7, hal. 265

sumber selain daripada keduanya sekiranya terdapat dalil-dalil atas hukum yang berkaitan. Sekiranya tidak terdapat mana-mana sumber dari al-Quran dan al-Sunnah, beliau akan berpindah kepada *Ijmā'* kemudiannya *Aqwāl al-Saḥābah*. Imam al-Syafī'ī mendahulukan Ijithad para sahabat yang tidak mempunyai percanggahan pendapat dikalangan mereka berbanding ijтиhad yang mempunyai percanggahan. Metode terakhir beliau ialah menggunakan *al-Qiyās*<sup>209</sup>

Bagi mazhab yang dipelopori oleh Imam Ahmad bin Ḥanbal yang lebih dikenali sebagai Mazhab Ḥanbalī pula, beliau mendahulukan *Naṣ Syarak* daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama. Sekiranya dalil yang dikehendaki tidak dijumpai, beliau akan beralih kepada *Fatwā al-Saḥābi*. Sekiranya terdapat percanggahan pendapat dalam sesuatu permasalahan daripada fatwa para sahabat, Imam Ahmad memilih fatwa yang lebih dekat dengan al-Quran dan al-Sunnah. Jika beliau tidak dapat merajihkan mana-mana fatwa sahabat, beliau akan beralih menggunakan *Hadīth al-Mursal* dan mendahulukannya berbanding *al-Qiyās*<sup>210</sup>. Penggunaan *al-Qiyās* oleh Imam Ahmad hanya ketika darurat sekiranya tidak terdapat mana-mana dalil dalam permasalahan daripada empat sumber rujukan utama di atas.<sup>211</sup>

<sup>209</sup> 'Abd al-'Azīm Ibrāhīm al-Muṣ'inī (t,t), *Op.Cit*, hal. 31

<sup>210</sup> *Ibid.*, hal. 36

<sup>211</sup> Ibrāhīm 'Abd al-Raḥmān Ibrāhīm (1999), *Op.Cit* , hal. 114-115

### **3.4.5 Metode Berfatwa Pada Zaman Taqlid**

Setelah kita dapat melihat kemuncak para ulama dalam meninggikan syiar Islam pada zaman Imam-Imam Mujtahid, Islam semakin diikuti dan dianut oleh penganut dari seluruh pelusuk dunia. Penganut-penganut agama Islam ini tidak hanya dari bangsa Arab yang memahami dalil-dalil syarak, bahkan ia juga dianut oleh bangsa-bangsa langsung tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Hal ini mendorong kepada *taqlid* secara buta oleh kebanyakan mereka.

Mazhab-mazhab utama Islam kebanyakannya diasaskan pada kurun ke-4 iaitu zaman Imam-Imam Mazhab. Dengan adanya mazhab ini, pengikut-pengikut mazhab mula menyebarkan ideologi mazhab mereka dan menyeru masyarakat Islam untuk mengikuti mereka. Mereka ini terdiri daripada golongan yang taksub kepada Imam-Imam mazhab mereka sehingga mereka menulis kitab-kitab yang tertentu untuk menunjukkan kelebihan imam-imam mereka. Ketaksuban pengikut-pengikut mazhab ini sampai pada tahap yang melampau sehingga mereka menjadikan sumber hukum utama pada waktu tersebut adalah pendapat imam-imam mereka setelah al-Quran dan al-Sunnah<sup>212</sup>.

Selain daripada itu, masyarakat Islam para zaman ini tidak menjadikan ilmu sebagai panduan utama hidup mereka kerana lebih menyibukkan diri kepada hal-hal keduniaan. Oleh sebab ini, ketaksuban melampau masyarakat kepada mazhab-mazhab tertentu berlaku dan menyebabkan pintu-pintu ijtihad tertutup<sup>213</sup>.

---

<sup>212</sup> ‘Abd al-‘Azīm Syaraf al-Dīn (1993), *Op.Cit.*, hal. 204

<sup>213</sup> Ibrāhīm ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm (1999), *Op.Cit.*, hal. 126

Pada zaman ini pintu ijтиhad dan qanun telah tertutup. Kebebasan berfikir dikalangan mereka tanpa mereka kembali kepada sumber rujukan asal dalam syariah, bahkan mereka redha dengan pentaqlidan mereka kepada imam-imam Mazhab terutama kepada empat mazhab utama ; Mālikiyah, Syāfi’iyah, Ḥanafiyah dan Ḥanābilah<sup>214</sup>.

Antara sebab-sebab terhentinya usaha fuqaha dalam berijтиhad bertitik tolak daripada perpecahan negara Islam kepada pecahan-pecahan yang kecil dan mempunyai pemimpin yang berlainan. Ini menyebabkan pelbagai ideologi terbit dan muncul percanggahan diantara pemimpin sekaligus menyebabkan rakyat serta ulama-ulama ketika ini terkesan daripadanya. Selain itu, zaman ini mewarisi zaman sebelumnya dalam ketinggian ilmu dan kewujudan mazhab-mazhab. Pewarisan ini menyebabkan ulama pada zaman ini cuma menuruti apa yang telah ditinggalkan daripada kekeyaan ilmu fiqh yang sangat besar serta yang telah dibukukan secara sempurna. Pengikut-pengikut serta murid-murid Imam-Imam mazhab terdahulu juga hanya berpandukan serta menyokong apa yang telah ditinggalkan oleh imam-imam mereka daripada *uṣūl* serta *furu’* tanpa melakukan pembaharuan kepada hukum-hukum tersebut. Pada waktu ini juga, pintu berijтиhad untuk fatwa ditutup kerana terlalu ramai yang mendakwa mereka mampu untuk berijтиhad sedangkan mereka bukanlah daripada orang yang layak untuk berijтиhad. Ini menyebabkan para ulama menutup ijтиhad pada zaman ini bagi menghalang daripada berlakunya kecelaruan dalam agama dan fiqh Islam. Faktor terakhir yang menyebabkan

---

<sup>214</sup> Abd al-Wahhāb Khalaf (t.t), *Op.Cit.*, hal. 95-96

terhentinya usaha ijtihad pada zaman ini adalah garis panduan khas untuk berfatwa kepada orang yang betul layak untuk berfatwa belum wujud.<sup>215</sup>

Ulama-ulama pada akhir zaman ini melihat kepada kecenderungan masyarakat Islam untuk bertaqlid kepada pendapat-pendapat yang sedia ada, mereka telah melakukan pelbagai usaha untuk membendung dan memartabatkan ilmu Islam seperti zaman sebelumnya.

Usaha-usaha yang dilakukan adalah seperti memperincikan fiqh mazhab. Para cendekiawan Islam pada waktu ini memperincikan serta memperjelaskan lagi pendapat-pendapat imam mazhab mereka. Perkara ini dilakukan dengan mendatangkan dalil-dalil yang diguna pakai oleh Imam mazhab dalam mengeluarkan sesuatu hukum serta memberikan penjelasan terhadap hukum-hukum tersebut. Para ulama pada waktu ini juga membuat kesimpulan kepada uṣūl al-mazhab. Dalam mengeluarkan sesuatu hukum yang tertentu, metode yang digunakan oleh Imam mazhab adalah berbeza namun mereka berpegang kepada metode tersebut setiap kali mengeluarkan fatwa. Usaha yang dilakukan oleh ulama pada zaman ini adalah membuat satu kesimpulan kepada metode Imam mazhab ini. Usaha mentarjīhkan pendapat-pendapat yang berbeza pada satu permasalahan dengan melihat kepada kekuatan dalil yang digunakan juga telah dijalankan. Usaha terakhir yang dilakukan pada zaman ini adalah memperjelaskan fiqh mazhab. Tidak semua Imam mazhab meninggalkan mazhab mereka bersama-sama dengan penjelasan terhadap apa yang mereka keluarkan daripada hukum-hukum agama.

---

<sup>215</sup> ‘Aādil Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz al-Gharyanī (2002), *Op.Cit.*, hal. 221-222

Dengan hadirnya ulama pada zaman ini, mereka memperjelaskan lagi setiap hukum yang disandarkan kepada imam-imam mereka.<sup>216</sup>

### 3.4.6 Metode Berfatwa Zaman Kebangkitan Sehingga Kini

Selepas daripada zaman Taqlid, bermula lah era Zaman Kebangkitan ilmu Islam. Zaman kebangkitan ini terbahagi kepada 2 zaman utama, iaitu zaman awal sehingga pertengahan dimana Kaherah sebagai pusat utama bagi kerajaan ‘Abasiyyah menggantikan Baghdad setelah kejatuhannya. Pada zaman ini masih terdapat taqlid kepada mazhab dalam jiwa para ulama sehingga terdapat hanya sedikit sahaja bilangan yang mampu menjadi mujtahid. Walaupun mampu menjadi seorang mujtahid, namun kebanyakannya mereka masih lagi berpegang kepada pendapat imam-imam yang tertentu<sup>217</sup>

Apabila bermulanya penggal kedua zaman kebangkitan ini, iaitu sekitar kurun ke-10 sehingga sekarang, keadaan telah berubah apabila para ulama mula menyedari tidak sepatutnya seorang faqih untuk memilih dan mengikut pendapat-pendapat tertentu bahkan mereka sepatutnya sudah mula merajihkan pendapat-pendapat ini. Zaman ini dapat dilihat secara jelas bermula semenjak akhir kurun ke-13 hijrah dan berterusan sehingga ke hari ini<sup>218</sup>.

---

<sup>216</sup> *Ibid*, hal. 223-224

<sup>217</sup> Muḥammad al-Khudrī Bik (1983), *Tārikh al-Tasyrī’ al-Islāmī*, Beirut : Dār al-Qalam, cet. 1, hal. 272-273.

<sup>218</sup> Ibrahim ‘Abd al-Rahman Ibrahim (1999), *Op. Cit.*, hal. 143

Pada zaman ini juga, muncul roh atau semangat baru dikalangan masyarakat Islam untuk memartabatkan *fiqh al-Islāmī* seperti zaman kemuncaknya<sup>219</sup>. Ini dapat dilihat pada kesungguhan pada ulama serta fuqaha dalam menjadikan impian mereka ini satu realiti. Ciri paling penting yang dapat dilihat pada zaman ini adalah era taksub kepada mazhab tertentu sudah berakhir dan bermulanya zaman mendalami fekah secara *fiqh al-muqāranah* dan tidak tertumpu kepada mazhab tertentu sahaja<sup>220</sup>.

Ijtihad juga diberi nafas baru setelah lama masyarakat Islam menutup pintu berijtihad. Para ulama melihat kepentingan untuk kembali berijtihad ini adalah satu perkara yang sangat penting. Dengan kemajuan teknologi serta perubahan suasana berbanding zaman para imam mujtahid, ijtihad menjadi satu elemen penting dalam zaman kebangkitan ini. Yūsuf al-Qaraḍāwī telah menjelaskan perkara ini dalam kitabnya *al-Madkhal Li Dirāsah al-Syari'ah al-Islamīyyah*<sup>221</sup> :

ليس معنى الإجتهاد – إذن – اهتمام الفقه الموروث أو الغض من قيمته  
وفائدته، إنما المقصود من الإجتهاد عدة أمور أساسية : أولاً : إعادة  
النظر في تراثنا الفقه العظيم بمختلف مدارسه ومذاهبه وأقواله المعتبرة  
( وخاصة أقوال الصحابة والتابعين ) في شتى الأعصار لاختيار أرجح  
الآقوال فيه وإليها بتحقيق مقاصد الشريعة وإقامة مصالح الأمة في  
عصرنا وفي ضوء ما جد من ظروف وأوضاع، ثانياً : العودة إلى المتابع  
اعني إلى النصوص الثابتة والفقه فيها على ضوء المقاصد العامة

<sup>219</sup> 'Abd al-'Azīm Syaraf al-Dīn (1993), *Op. Cit*, hal. 244

<sup>220</sup> *Ibid*, hal. 244

<sup>221</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *al-Madkhal Li Dirāsah al-Syari'ah al-Islamīyyah*, Beirut : Muassasah al-Risālah, cet. 1, hal. 242-244

للشريعة، ثالثا : الإجتهاد في المسائل والأوضاع الجديدة التي لم  
يعرفها فقهاؤنا الماضون ولم يصدروا في مثلها حكما، وذلك لاستبطاط  
حكم مناسب لها في ضوء الأدلة الشرعية

“Ijtihad bukan bererti mengabaikan fekah klasik atau tidak memandang kepada nilai dan faedahnya. Apa yang dimaksudkan daripada ijтиhad adalah meliputi beberapa aspek utama : Pertama : melakukan peninjauan kembali kepada tinggalan fekah klasik daripada pelbagai madrasah dan mazhab serta pendapat yang diterima (terutama aqwal para Sahabat dan Tabi'in) sepanjang masa untuk memilih pendapat yang paling kuat dan menepati maqasid syariah serta mendahulukan kepentingan umat di zaman kita sesuai dengan suasana dan keadaan. Kedua : kembali kepada sumber asli, iaitu nas-nas (al-Quran dan al-Sunnah) dan memahami tentangnya berdasarkan kepada kerangka maqasid syariah yang umum. Ketiga : Berijtihad kepada permasalahan baru iaitu dengan meletakkan hukum yang bersesuaian berdasarkan dalil-dalil syar'iyyah kepada permasalahan yang belum dikenalpasti oleh fuqaha terdahulu dan mereka belum meletakkan sebarang hukum terhadap permasalahan yang serupa dengannya.

Kesimpulannya, ijтиhad pada zaman kini menurut Yūsuf al-Qarađāwī terbahagi kepada tiga bentuk. Pertama, *Ijtihād al-Intiqā'ī* ( Ijtihad Komparatif Selektif ) iaitu melakukan penelitian kembali terhadap ijтиhad-ijтиhad fuqahā' terdahulu kemudian membuat perbandingan bagi memilih pendapat yang paling kuat. Kedua, *ijtihād al-Insyā'ī* ( Ijtihad Konstruktif Inovatif ) iaitu menetapkan hukum atas pelbagai permasalahan baru yang belum dikenalpasti oleh para ulama silam atau menetapkan pendapat yang baru pada permasalahan yang sama. Ijtihad ketiga pula yang diamalkan pada zaman sekarang menurut beliau adalah gabungan di antara dua ijтиhad sebelum ini iaitu *ijtihād al-Intiqā'i* dan *Ijtihād al-Insyā'ī*. Gabungan ini menghasilkan satu pendekatan dengan memilih ijтиhad ulama silam yang masih relevan digunakan pada zaman sekarang kemudian ditambah dengan

unsur-unsur ijтиhad baru yang beredar seiring dengan kemajuan ilmu dan teknologi.<sup>222</sup>

Kesan daripada zaman ini menampakkan perubahan ketara kepada Islam. Keadaan ini menghidupkan kembali cahaya Islam yang kian pudar akibat daripada ketaksuhan sesetengah penganut agama Islam. Oleh yang demikian, pengamalan hukum-hukum Islam secara praktikal dan mempelajari hukum Islam secara *muqāranah* banyak membantu kepada kebangkitan Islam<sup>223</sup>.

Usaha untuk membuat perbandingan ini tidak hanya tertumpu kepada perbandingan antara mazhab sahaja, bahkan usaha murni ini juga turut melibatkan perbandingan antara syariah Islamiyyah secara keseluruhannya. Ini adalah dengan membuat perbandingan antara syariah Islamiyyah dengan undang-undang ciptaan manusia keseluruhannya. Ini akan memperlihatkan kehebatan syariah Islamiyyah berbanding undang-undang yang dicipta oleh manusia dari segala hal serta menjelaskan ciri-ciri utama syariah Islamiyyah iaitu untuk mengislahkan kehidupan manusia dengan undang-undang yang cukup sempurna ini<sup>224</sup>.

Selain daripada itu, usaha lain yang dapat dilihat pada zaman ini adalah kemunculan *Majalah al-Aḥkām al-‘Adliyyah*. Majalah ini adalah usaha daripada sekumpulan fuqaha dalam kerajaan Turki al-Uthmānīyah untuk mewujudkan satu undang-undang berasaskan pandangan daripada Mazhab Ḥanafī. Usaha ini telah

<sup>222</sup> Muchlis Bahar (2001), *Metode Ijtihad Yusuf al-Qaradhawi Dalam Masalah-Masalah Kontemporer*, Disertasi Ijazah Kedoktoran, IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, hal. 110-123.

<sup>223</sup> Abd al-Wahhāb Khalaf (t.t) *Op. Cit.*, hal. 105

<sup>224</sup> ‘Abd al-Raḥmān al-Šabūnī, Khalīf Babkīr, Maḥmūd Muḥammad al-Ṭantawī (1982 M/1402 H), *Al-Madkhāl al-Fiqhī wa Tārikh al-Tasyīr’ al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah, cet.1, hal. 357

bermula pada tahun 1286 Hijrah (1689 Masihi)<sup>225</sup> dan berjalan selama 7 tahun sebelum berakhir pada tahun 1293 Hijrah (1876 Masihi) dan menamakan karya mereka sebagai majalah<sup>226</sup>.

Kemunculan Majma' al-Fiqh juga merupakan satu usaha para ulama pada zaman akhir-akhir ini untuk memartabatkan kembali Islam seperti yang pernah dikecapi oleh umat Islam satu ketika dulu. Ia adalah bertujuan sebagai satu jalan dalam istinbat hukum secara berjemaah dalam mentajidikan fekah serta mengembangkannya.<sup>227</sup>

Ia adalah satu usaha untuk mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan baru yang timbul pada akhir-akhir ini dengan mengadakan perbincangan antara ulama-ulama tersohor bagi mengeluarkan fatwa yang bersesuaian dengan permasalahan dan syariah Islam<sup>228</sup>.

Selain daripada itu, era kebangkitan Islam ini juga diisi dengan penghasilan *Mawsu'ah li al-Fiqh al-Islāmī*. Ia merupakan satu usaha murni oleh Fakulti Syariah di Universiti Damsyik pada tahun 1956 (1375 Hijrah)<sup>229</sup>. Usaha ini diketuai oleh Dekan Fakulti Syariah, Dr. Muṣṭafā al-Sibā'ī yang kemudianya memilih beberapa pakar yang terpilih untuk menganggotai panel yang menyempurnakan usaha menghasilkan satu Ensklopedia Fiqh pertama ini. Para panel ini dipilih berdasarkan

<sup>225</sup> Abd al-Wahhāb Khalaf (t.t), *Op. Cit.*, hal. 103

<sup>226</sup> Mana' Qaṭṭān (t.t), *Tārikh al-Tasyrī' al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah, hal. 403

<sup>227</sup> Lihat Nādīah Syarīf al-'Umarī (1986), *al-Ijtihād fī al-Islām*, Beirut : Muassasah al-Risālah, Cet. 3, Hal. 263, Manā' Qaṭṭān (t.t), *Op. Cit.* hal. 405

<sup>228</sup> Husīn Muḥammad al-Mallāh (2001), *al-Fatwā Nasyatuhā Wa Taṭawwuruhā Uṣūluhā Wa Tatbiqatuhā*, Beirut : al-Maktabah al-'Asriyyah, jld.1, hal. 393

<sup>229</sup> Mana' Qattan (t.t), *Op. Cit.*, hal. 412

kepakaran mereka yang terdiri daripada kakitangan Universiti Damsyik sendiri serta beberapa tokoh luar<sup>230</sup>.

Pelbagai usaha dalam mengislahkan Islam pada zaman ini turut menarik minat para fuqaha untuk memperbaiki *Mawsū'ah li al-Fiqh al-Islāmī*. Usaha ini telah dijalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Islam Mesir pada tahun 1961. Sehingga terhasilnya satu lagi Ensiklopedia Fiqh yang lebih tersusun dan baik berbanding sebelumnya yang diberi nama *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islāmī*<sup>231</sup>.

Bagi memantapkan lagi Ensiklopedia ini agar ianya sentiasa mengikut perubahan zaman, Kementerian Hal Ehwal Islam Kuwait pada tahun 1967 telah mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk merangka sebuah lagi Ensiklopedia Fiqh yang baru. Usaha ini dilakukan selama 13 tahun dan pada tahun 1980, juzuk pertama bagi Ensiklopedia ini telah dihasilkan<sup>232</sup>.

Usaha-usaha ini sentiasa diteruskan dalam menjamin kehebatan Islam terserlah dan kebangkitan Islam menjadi satu perkara yang berterusan. Dengan kewujudan pelbagai usaha ini, ia akan memudahkan usaha para ulama dalam mengeluarkan hukum baru dan berfatwa pada permasalahan-permasalahan terkini yang muncul tanpa mengira batasan waktu.

Dalam konteks berfatwa pula, terdapat banyak metode yang ditetapkan oleh para ulama semasa. Dalam hal ini, penulis lebih cenderung untuk mengambil

---

<sup>230</sup> *Ibid*, hal. 412

<sup>231</sup> Husīn Muḥammad al-Mallāh (2001), *Op. Cit*, jld.1, hal. 393

<sup>232</sup> *Ibid*, hal. 393

pendapat Yusuf al-Qarađāwī yang menyarankan beberapa metode berfatwa yang selari dengan syariat Islam pada masa kini. Ini kerana metode yang dianjurkan oleh beliau bersifat sederhana dan sangat sesuai untuk dilaksanakan. Metode yang dimaksudkan ialah<sup>233</sup> :

**Pertama** : Menjauhi daripada terlalu taksub kepada mazhab tertentu serta taqlid secara membuta tuli. Selain itu, pengumpulan pendapat-pendapat yang berbeza dalam satu permasalahan perlu dilakukan sebelum menjalankan pentarjīhan terhadap pendapat yang lebih bersesuaian dengan keadaan.

**Kedua** : Memudahkan serta tidak menyusahkan selagi tidak bercanggah dengan syarak. Mufti perlu berfatwa kepada hukum yang memudahkan sekiranya terdapat rukhsah padanya.

**Ketiga** : Berfatwa dengan bahasa yang mudah difahami. Penjelasan fatwa perlu terang dan jelas. Penggunaan bahasa yang berbeza dengan kawasan setempat dimana fatwa tersebut dikeluarkan adalah terkeluar daripada adab berfatwa sendiri yang memberi kefahaman kepada penanya. Gaya bahasa mudah dan tepat serta menjauhi lafaz-lafaz yang jarang digunakan akan mengelirukan dan menyukarkan pemahaman terhadap fatwa tersebut.

---

<sup>233</sup> Lihat Yusuf al-Qarađawī (2005), *Hudā al-Islām : Fatāwā Mu'āṣirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11, jld. 1, hal. 10-32. Lihat juga Yusuf al-Qarađawī (21994), *al-Ijtihād al-Mu`āṣir Bayna al-Indibāt wa al-Infirāt*, Kaherah : Dār al-Tauzī' wa al-Nasyr al-Islamīyyah, hal. 91-115.

**Keempat** : Seorang mufti perlu berfatwa pada permasalahan yang bermanfaat sahaja. Oleh kerana itu, seorang mufti perlu menghindari pertanyaan yang lebih bersifat rekaan untuk menguji atau menjatuhkan kredibiliti seorang mufti.

**Kelima** : *Tawassuṭ* (pertengahan) adalah satu sifat yang perlu ada dalam diri seorang mufti. Pertengahan disini membawa maksud tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut dalam berfatwa.

**Keenam** : Setiap fatwa yang dikeluarkan perlu dijelaskan agar memberi kefahaman kepada penanya. Pendalilan juga perlu disertakan dan diberi perhatian oleh seorang mufti bagi menguatkan lagi hujah yang disandarkan.

Kesimpulannya, metode berfatwa ini berubah-ubah mengikut zaman dan tempat. Bermula daripada zaman Rasulullah SAW yang lebih tertumpu kepada nas-nas syarak dan ijтиhad yang sentiasa diselia oleh Allah dengan wahyu-wahyuNya, zaman seterusnya mengambil fatwa yang telah ditetapkan sebelumnya sekiranya telah difatwakan. Sekiranya belum, barulah mereka berijtihad. Sejarah juga melihatkan kepada pembukuan kaedah *uṣūl al-fiqh* yang banyak membantu dalam proses berijtihad ini oleh imam-imam mazhab. Usaha lain juga banyak dilakukan oleh para ulama bagi menjaga agama Islam terus mekar dan setiap permasalahan yang timbul dibincangkan seterusnya difatwakan. Metode fatwa ulama semasa pula lebih mementingkan kemaslahatan masyarakat selagi ianya tidak bercanggah dengan ketetapan yang dianjurkan oleh Islam.

# BAB 4

## **BAB 4 : METODE FATWA SHEIKH ‘ALĪ JUMA’AH DALAM KITAB AL-KALIM AL-TĀYYIB –FATĀWĀ ‘AŞRIYYĀH**

### **4.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, penulis membahagikan penerangan kepada dua bahagian iaitu pengenalan kepada kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* dan metode yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam mengeluarkan fatwa. Dalam pengenalan kitab ini, penulis membicarakan tentang pengenalan kitab secara ringkas, jumlah fatwa dan bab, serta format penyusunan dan pengkategorian fatwa.

Perbincangan selanjutnya berkaitan dengan metode berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah. Bahagian ini tertumpu kepada analisis dan penilaian berkaitan metode beliau seperti proses pengeluaran fatwa, bentuk susunan jawapan dan penjelasan fatwa, pemilihan sumber rujukan fatwa, penggunaan pendekatan mazhab dan pengaruh suasana atau cara hidup dalam mengeluarkan fatwa. Perbincangan ini juga dipecahkan kepada beberapa sub-topik yang lebih kecil bagi mendapatkan analisis yang lebih teliti. Setiap perbincangan disertakan dengan jadual dan carta. Penulis juga akan membuat perbandingan metode yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dengan ciri-ciri metode yang disarankan para ulama terdahulu dan ulama kontemporer.

Penjelasan dalam bab ini adalah untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang metode berfatwa yang telah ditentukan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - fatāwā ‘Aṣriyyah*.

## 4.2 Pengenalan Kitab

Dalam bahagian pertama ini, penulis akan memberikan penerangan tentang kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* yang menjadi rujukan utama dalam kajian ini berdasarkan pengenalan kitab dan cetakannya. Seterusnya perbincangan tentang jumlah fatwa dan bab yang dimuatkan dalam kitab ini. Format penyusunan dan pengkategorian bab juga turut dibincangkan dalam perbincangan berkaitan kitab ini.

### 4.2.1 Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*

Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* merupakan salah satu karya Sheikh ‘Alī Juma’ah yang mengumpulkan fatwa beliau menyentuh pelbagai isu. Ia merupakan sebuah kitab yang dihasilkan melalui pengumpulan jawapan fatwa bagi persoalan yang diajukan oleh orang awam kepada beliau.

Atas kapasiti beliau sebagai seorang Mufti Mesir, beliau telah menerima pelbagai pertanyaan daripada masyarakat Islam dari segenap pelusuk Mesir yang inginkan kepastian, keteperincian dan keterangan berkaitan dengan permasalahan agama. Permasalahan dan jawapan kemudian dirangkumkan sebelum dicetak menjadi kitab ini.

Kitab ini telah dihasilkan dan diterbitkan pada tahun 2005 (1425 H) Ia kemudiannya dicetak untuk kali kedua pada tahun 2006 (1426 H). Pada tahun 2007 (1437 H), hasil daripada pengumpulan fatwa-fatwa terkini oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah, kitab ini telah ditambah dengan jilid baru iaitu jilid kedua. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* jilid pertama yang dicetak pada tahun 2005 (1425 H) sahaja. Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab sepenuhnya. Terdapat juga usaha menterjemah kitab ini kedalam bahasa lain. Kitab ini telah dicetak oleh Dār al-Salām li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjumah, yang beribu pejabat di Kaherah, Mesir dan mempunyai cawangan di Iskandariah, utara Mesir.

#### 4.2.2 Jumlah Fatwa dan Bab

Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* merupakan kitab yang menghimpunkan fatwa berdasarkan soal jawab *mustafī* dengan Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam pelbagai aspek agama. Hasil pengumpulan fatwa ini, terdapat sebanyak 385 fatwa telah dibukukan. Fatwa-fatwa tersebut dibahagikan kepada 20 bab mengikut disiplin ilmu syariah. Sebagai satu kitab yang mengumpulkan fatwa-fatwa kontemporari masa kini, kitab ini menjelaskan semua perkara berkaitan dengan permasalahan yang diajukan oleh masyarakat pada masa kini selain membincangkan hukum ibadah sehari-hari dan permasalahan semasa. Ini bertepatan dengan salah satu ciri-ciri fatwa yang ditetapkan oleh Yusuf al-Qaradawi iaitu bermanfaat dan berguna kepada masyarakat<sup>234</sup>

---

<sup>234</sup>Lihat Yūsuf al-Qaraḍawī (2005), *Hudā al-Islām : Fatāwā Mu’āşirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11, jld. 1, hal. 10-32. Lihat juga Yūsuf al-Qaraḍawī (21994), *al-Ijtihād al-Mu`āsir Bayna al-Indībāt wa al-Infīrāt*, Kaherah : Dār al-Tauzī’ wa al-Nasyr al-Islamīyah, hal. 91-115

Jadual 4.1 : Bilangan Fatwa Mengikut Pengkategorian Fatwa.

No.	Bidang	Bilangan Fatwa
1	Fatwa Bersuci (Thahārah)	37
2	Fatwa Solat	33
3	Fatwa Zakat	35
4	Fatwa Haji	6
5	Fatwa Puasa	46
6	Fatwa Jual Beli dan Harta	20
7	Fatwa Sewaan (Ijārah)	22
8	Fatwa Jihad	5
9	Fatwa Akidah	13
10	Fatwa Ilmu	21
11	Fatwa Kekeluargaan (Usrah)	22
12	Fatwa Wakaf	13
13	Fatwa Pusaka (Mīrāth)	19
14	Fatwa Nikah	25
15	Fatwa Talak	31
16	Fatwa Jenayah	2
17	Fatwa Hak-Hak Kemanusiaan dan Kewanitaan	5
18	Fatwa Akhlak dan Adab	14
19	Fatwa Ideologi Semasa	4
20	Fatwa Pakaian dan Perhiasan	12
<b>Jumlah</b>		<b>385</b>

Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*

Daripada jadual 4.1 di atas, dapat diperhatikan bahawa Sheikh ‘Alī Juma’ah telah membahagikan fatwa beliau dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah* ini kepada 20 bidang utama. Bidang-bidang ini tidak hanya tertumpu kepada soal-soal ibadah seperti solat, puasa dan haji sahaja, bahkan kitab fatwa ini turut memuatkan bidang akidah, akhlak dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, bidang selain ibadah merupakan pecahan yang kecil dalam kitab fatwa yang sememangnya lebih tertumpu kepada fatwa ibadah. Ini adalah kerana, Sheikh ‘Alī Juma’ah telah menghasilkan kitab fatwa lain yang lebih khusus kepada akidah. Kitab tersebut bertajuk *al-Bayan*<sup>235</sup>.

Jadual 4.2 : Peratus Bilangan Fatwa Berdasarkan Pengkategorian Fatwa (Mengikut Turutan Menurun)

No.	Bidang	Bilangan Fatwa	Peratus (%)
1	Fatwa Puasa	46	11.95
2	Fatwa Bersuci (Thahārah)	37	9.61
3	Fatwa Zakat	35	9.09
4	Fatwa Solat	33	8.57
5	Fatwa Talak	31	8.05
6	Fatwa Nikah	25	6.50
7	Fatwa Sewaan (Ijārah)	22	5.71
8	Fatwa Kekeluargaan (Usrah)	22	5.71
9	Fatwa Ilmu	21	5.45
10	Fatwa Jual Beli dan Harta	20	5.19
11	Fatwa Pusaka (Mīrāth)	19	4.94
12	Fatwa Akhlak dan Adab	14	3.64
13	Fatwa Akidah	13	3.38
14	Fatwa Wakaf	13	3.38
15	Fatwa Pakaian dan Perhiasan	12	3.12
16	Fatwa Haji	6	1.56
17	Fatwa Hak-Hak Kemanusiaan dan Kewanitaan	5	1.30
18	Fatwa Jihad	5	1.30
19	Fatwa Ideologi Semasa	4	1.04
20	Fatwa Jenayah	2	0.51
<b>Jumlah</b>		<b>385</b>	<b>100 %</b>

Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*

---

<sup>235</sup> ‘Ali Juma’ah (2005), *al-Bayān*, Kaherah : al-Muqtaḥah li al-Nasyr wa al-Tauzī’.

Daripada jumlah 385 fatwa, bilangan fatwa terbanyak yang dimuatkan adalah fatwa berkaitan ibadah puasa. Terdapat 46 fatwa yang menjawab persoalan tentang puasa mewakili 11.95% daripada jumlah keseluruhan fatwa. Diikuti kemudiannya oleh fatwa-fatwa bersuci sebanyak 37 fatwa (9.61%), fatwa zakat berjumlah 35 fatwa (9.09%), fatwa solat sebanyak 33 fatwa (8.57%) serta fatwa talak sebanyak 31 fatwa (8.05%).

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, lima bidang utama diatas merupakan kumpulan fatwa terbesar yang terkandung dalam kitab fatwa ini. Jika dihitung daripada lima bidang berkenaan, ia mewakili hampir separuh daripada jumlah keseluruhan fatwa yang dimuatkan dalam kitab ini iaitu sebanyak 182 fatwa (47.27%).

Fatwa ini diikuti oleh bidang seterusnya iaitu fatwa nikah sebanyak 25 fatwa (6.50%), fatwa sewaan (ijārah) sebanyak 22 fatwa (5.71%), fatwa kekeluargaan (usrah) sebanyak 22 fatwa (5.71%), fatwa ilmu sebanyak 21 fatwa (5.45%), fatwa jual beli dan harta sebanyak 20 fatwa (5.19%), fatwa pusaka (mīrāth) sebanyak 19 fatwa (4.94%), fatwa akhlak dan adab sebanyak 14 fatwa (3.64%), fatwa akidah sebanyak 13 fatwa (3.38%), fatwa wakaf juga sebanyak 13 fatwa (3.38%) serta fatwa pakaian dan perhiasan sebanyak 12 fatwa yang mewakili 3.12% daripada keseluruhan fatwa.

Terdapat lima lagi bidang yang terkandung dalam kitab ini. Ia merupakan kumpulan bidang yang terkecil dan mempunyai bilangan fatwa yang sedikit. Antara bidang-bidang ini adalah seperti fatwa berkaitan haji yang hanya mempunyai 6 fatwa (1.56%), fatwa hak-hak kemanusiaan dan kewanitaan sebanyak 5 fatwa (1.30%), fatwa jihad sebanyak 5 fatwa (1.30%) dan fatwa ideologi semasa berjumlah 4 fatwa (1.04%).

Fatwa jenayah pula merupakan fatwa yang paling sedikit dimuatkan dalam kitab ini mengikut bilangan kerana hanya terdapat 2 fatwa iaitu yang hanya mewakili 0.51% daripada keseluruhan fatwa yang telah diminta penerangan tentang hukumnya.

Boleh disimpulkan disini bahawa bilangan fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab ini adalah berdasarkan keperluan semasa masyarakat Islam. Ini kerana permasalahan dalam ibadah harian adalah perkara yang sentiasa dititik beratkan oleh masyarakat Islam dan merupakan perkara yang sering dihadapi oleh mereka. Ini boleh dilihat daripada jumlah fatwa yang dikeluarkan dalam soal ibadah harian seperti solat dan bersuci selain daripada perkara-perkara yang menjadi permasalahan berterusan dikalangan masyarakat seperti puasa, nikah dan talak. Kajian-kajian berkaitan dengan metode berfatwa juga mengiyakan pembahagian jumlah fatwa ibadah yang lebih banyak berbanding fatwa-fatwa lain.<sup>236</sup>

---

<sup>236</sup> Lihat Noor Naemah Abdul Rahman (2003), *Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis*, (Tesis Ijazah Kedoktoran PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 262. Lihat juga Alias bin Azhar (2001), *Metodologi Jatawakuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa : Kajian Dari Tahun 1985-1995*, (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 62

#### **4.2.3 Format Penyusunan dan Pengkategorian Bab**

Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā 'Asriyyah* ini dimulakan dengan sedikit pendahuluan yang membincangkan secara ringkas tugas seorang mujtahid untuk menggunakan akal bagi menghadapi pelbagai persoalan dari masyarakat. Penggunaan akal yang dimaksudkan adalah penggunaan yang bertepatan dengan syarak dan bukan mengikut hawa nafsu. Turut dibincangkan ialah perbezaan diantara fatwa dan fekah. Tugas dan cabaran seorang mufti juga diselitkan secara ringkas.

Kitab ini merupakan kitab yang membincangkan fatwa berkaitan dengan fekah secara umumnya. Oleh yang demikian, penyusunan bab dalam kitab ini menyamai penyusunan penulisan-penulisan fekah secara umumnya. Penyusunan ini dimulakan dengan perbahasan mengenai ibadah, muamalat, kekeluargaan dan jenayah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa bab luar daripada skop fekah yang turut dimuatkan dalam kitab ini. Struktur penyusunan bab yang terkandung dalam kitab ini boleh dilihat seperti berikut :

Jadual 4.3 :Format Penyusunan Bab Dalam Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*

Bab	Perkara	Bab	Perkara
1	Fatwa Tahārah (Bersuci)	11	Fatwa Usrah ( Kekeluargaan )
2	Fatwa Solat	12	Fatwa Wakaf
3	Fatwa Zakat	13	Fatwa Mirath (Pusaka)
4	Fatwa Haji	14	Fatwa Nikah
5	Fatwa Puasa	15	Fatwa Talak
6	Fatwa Jual Beli dan Muamalat Maliah	16	Fatwa Jenayah
7	Fatwa Ijarah ( Sewaan )	17	Fatwa Hak-Hak Kemanusiaan dan Kewanitaan
8	Fatwa Jihad	18	Fatwa Akhlak dan Adab
9	Fatwa Akidah	19	Fatwa Ideologi Semasa
10	Fatwa Ilmu	20	Fatwa Pakaian dan Perhiasan

Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*

Jika dilihat daripada format penyusunan bab ini, Sheikh ‘Alī Juma’ah memulakan dengan fatwa berkaitan dengan bersuci sama seperti penyusunan kitab-kitab fekah yang lain<sup>237</sup>. Ia diikuti dengan bab ibadah yang lain seperti solat, zakat haji dan puasa. Seterusnya, penyusunan bab beralih kepada fatwa-fatwa berkaitan muamalat seperti jual beli dan sewaan serta fatwa tentang jenayah. Selain fatwa berkaitan dengan fekah, terdapat juga fatwa-fatwa lain seperti akhlak, hak-hak kemanusian, akhlak, ideologi semasa dan pakaian turut dimuatkan. Jadual 4.1 di atas menunjukkan jumlah fatwa diluar bidang fekah adalah kurang berbanding bidang fekah yang menjadikan kitab ini sebagai satu kitab fatwa yang lebih berteraskan hukum-hukum fekah.

---

<sup>237</sup>Pembahagian bab dalam kitab fekah mempunyai persamaan antara satu sama lain. Ia dimulakan dengan perbincangan berkaitan dengan bersuci, kemudian solat dan seterusnya hingga kepada jenayah dan ‘uqubah. Contoh kepada pembahagian bab boleh dilihat kitab *al-Majmu’*. Lihat *al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf* (2007), *al-Majmū’ Syarh al-Muhaddhab*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1

Daripada analisis yang dilakukan kepada kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*, penulis mendapati penyusunan yang teratur telah dilakukan oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah. Namun, terdapat beberapa kesimpulan pada pandangan penulis dalam penyusunan dan pengkategorian bab. Antara kesimpulan tersebut adalah :

1. Penyusunan dan pengkategorian yang tidak konsisten berdasarkan jumlah fatwa setiap bab. Dalam perbincangan lepas, terdapat perjumlahan fatwa mengikut bab dan bidang seperti dalam jadual 4.1. Daripada jumlah tersebut, perbezaan yang ketara daripada jumlah fatwa setiap bidang. Jurang yang terlalu besar dapat diperhatikan daripada jumlah fatwa dalam bab puasa sebanyak 46 fatwa manakala dalam bab jenayah hanya terdapat 2 fatwa sahaja. Walaubagaimanapun, kitab ini merupakan pengumpulan daripada permasalahan yang diajukan oleh mustafti. Oleh yang demikian, bidang yang diajukan kesemuanya berdasarkan keperluan mereka.
2. Penyusunan bab juga kelihatan tidak teratur. Daripada pemerhatian penulis, Sheikh ‘Ali Juma’ah meyelitkan beberapa bab di luar bab ibadah bersama-sama bab ibadah. Pembahagian berdasarkan bidang ibadah dan akidah contohnya perlu diasingkan bagi memudahkan pembaca merujuk kitab ini. Contoh ketidakteraturan ini adalah seperti bab akhlak dan ilmu diselitkan diantara bab jihad dan kekeluargaan.

3. Fatwa yang dimuatkan berturutan dan berdasarkan kepada persoalan yang ditanya. Namun terdapat beberapa pengulangan soalan dan fatwa yang dimuatkan dalam kitab ini. Contoh kepada pengulangan ini adalah seperti fatwa berkaitan *Zawāj ‘Urfī*. Pertanyaan dan fatwanya disebut pada halaman 325 kemudiannya diulang pada halaman 334.<sup>238</sup>
4. Selain itu, daripada pemerhatian penulis, penyusunan fatwa berdasarkan bidang juga tidak konsisten dengan terdapat beberapa fatwa yang diletakkan dalam bab yang tidak berkaitan. Antara contoh fatwa ini adalah tentang hukum penjualan barang tercicir milik orang lain<sup>239</sup>. Fatwa ini telah dimuatkan dalam bab kekeluargaan, tetapi biasanya berada dalam bab kehartaan atau bab tersendiri dalam kitab-kitab fekah yang lain<sup>240</sup>.

Penulis tidak menemui sebarang pendapat ulama yang menyatakan perlunya kepada pembahagian bab yang konsisten. Ini ditambah pula dengan realiti kitab ini yang mengumpulkan pertanyaan daripada orang awam. Jadi, perbezaan bilangan fatwa setiap bab adalah perkara yang biasa. Fatwa selain ibadah juga yang wujud dalam kitab ini juga adalah perkara normal yang berlaku dalam mana-mana penulisan. Ini bertepatan dengan judul kitab ini yang terarah kepada pelbagai permasalahan semasa. Oleh itu, setiap permasalahan yang menjadi persoalan pada masa kini mungkin dimuatkan dalam kitab ini. Walau bagaimanapun, dalam masalah fatwa yang berulang atau fatwa yang diletakkan dalam bidang yang tidak berkaitan, penulis merasakan perlunya penelitian semula terhadap perkara tersebut.

---

<sup>238</sup>Sheikh ‘Ali Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Nikah, hal. 325 dan 334

<sup>239</sup>*Ibid.*, Bab Fatwa Kekeluargaan, hal. 260

<sup>240</sup>Muhyī al-Dīn Yahyā bin Syaraf (2007), *al-Majmū’ Syarh al-Muhadhdhab*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1, jld 15, hal.249

Ini adalah bagi memudahkan pembacaan dan pencarian fatwa kepada para pembaca.

Selain itu juga pengulangan fatwa juga tidak memberi apa-apa faedah.

#### **4.3 Metode Berfatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam Kitab *al-Kalim al-Tayyib* - *Fatāwā ‘Aṣriyyah***

Metode merupakan satu kerangka utama dalam berfatwa. Sejak zaman Rasulullah SAW sehingga para ulama zaman kini, metode penentuan hukum sudah wujud namun ia berbeza mengikut zaman-zaman tersebut. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tidak terdapat mana-mana sumber yang menerangkan secara jelas tentang metode yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam mengeluarkan fatwa. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, penulis cuba merungkai beberapa perkara utama yang boleh disimpulkan pada akhir kajian untuk membuat penjelasan tentang metode yang digunakan oleh beliau.

Perbincangan ini dimulakan dengan perbincangan ringkas tentang proses pengeluaran fatwa beliau. Kemudian penulis membuat analisis terhadap bentuk susunan jawapan fatwa, seterusnya analisis sumber rujukan bagi hukum yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah. Rujukan yang diberi perhatian adalah al-Quran dan al-Sunnah sahaja namun penulis turut membawakan contoh-contoh sumber rujukan lain yang digunakan oleh beliau. Perbincangan seterusnya pula tertumpu kepada pendekatan bermazhab oleh beliau. Analisis yang dibuat akan melihat sejauh mana penggunaan pendapat-pendapat para imam mazhab yang digunakan oleh beliau selain melihat adalah beliau taksub dalam memilih pendapat dari mazhab tertentu sahaja. Metode seterusnya yang dibincangkan adalah pengaruh

suasana dan cara hidup di Mesir terhadap pandangan yang dikeluarkan. Pada akhir bab ini, penulis akan membuat kesimpulan bagi metode Sheikh ‘Alī Juma’ah.

#### 4.3.1 Proses Pengeluaran Fatwa.

Proses pengeluaran fatwa merupakan satu metode yang dikaji bagi melihat perjalanan sesuatu fatwa bermula daripada pertanyaan sehingga diputuskan hukumnya. Di dalam mukaddimah kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*, Sheikh ‘Ali Juma’ah telah menegaskan terdapat empat tahap pemikiran yang perlu dilalui sebelum mengeluarkan fatwa. Perkara ini merupakan kriteria yang perlu ada dalam setiap fatwa yang dikeluarkan oleh beliau. Selain itu, ia juga boleh dijadikan panduan kepada mufti-mufti lain dalam berfatwa. Empat tahap tersebut ialah<sup>241</sup> :

##### 1. – (مرحلة التصوير) Tahap Penggambaran Masalah

Pada tahap ini, setiap soalan yang diajukan perlu digambarkan dengan betul. Gambaran ini bermaksud memahami dengan lebih teliti tentang permasalahan yang dihadapi selain mengambil kira keadaan semasa *mustafī*. Proses ini sangat penting dalam berfatwa kerana ia merupakan asas utama kepada pengeluaran fatwa. Dengan pemahaman yang betul terhadap permasalahan yang diminta fatwa mengenainya, akan menghasilkan fatwa yang bersesuaian dan tepat. Dalam proses mengambarkan permasalahan ini,

---

<sup>241</sup>Sheikh ‘Ali Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Mukaddimah, hal. 4

terdapat empat faktor yang perlu diberikan penelitian iaitu ; masa, tempat, individu dan keadaan.<sup>242</sup>

## 2. (مرحلة التكييف) – Tahap Adaptasi

*Al-Takyīf al-Fiqhī* merupakan satu pendekatan baru yang digunakan oleh ulama semasa<sup>243</sup>. Ia membawa maksud satu pendekatan memadankan permasalahan yang timbul dengan permasalahan yang sudah tersedia dalam kitab-kitab fekah atau sebagainya dari sumber yang boleh digunakan.<sup>244</sup>

## 3. (مرحلة بيان الحكم) – Tahap Penjelasan Hukum

Tahap ini merupakan tahap ketiga dalam pengeluaran fatwa hukum. Pada tahap ini, penelitian kepada dalil-dalil syarak adalah diperlukan. Setiap permasalahan yang diajukan kepada mufti disandarkan kepada dalil-dalil yang berkaitan daripada sumber yang disepakati atau tidak. Proses ini merupakan salah satu proses berijtihad dan perlu dilaksanakan dengan melihat pelbagai aspek dalam ruang lingkup ijtihad seperti ilmu *uṣūl al-fiqh*, *fiqh*, bahasa dan sebagainya.

---

<sup>242</sup><http://www.alimamalallama.com/article.php?id=31>, 5 Mei 2010

<sup>243</sup> Al-Qahṭānī, Musfir bin ‘Alī bin Muḥammad (2003), *Manhaj Istinbāṭ Aḥkām al-Nawāzil al-Fiqhīyyah al-Mu’āṣirah*, Jeddah : Dār al-Andalus al-Khaḍrā’, cet. 1, hal. 344

<sup>244</sup> Quṭb Muṣṭafā Sano(2000), *Mu’jam Muṣṭalaḥat Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.145

#### 4. (مرحلة الإفتاء) – Tahap Berfatwa

Tahap ini merupakan tahap terakhir dalam operasi fatwa beliau. Pada tahap ini, seorang mufti perlu membuat penelitian terakhir kepada fatwa yang bakal dikeluarkan dengan melihat kepada keselarian fatwa tersebut dengan syariah Islam. Apabila segala penelitian dibuat, barulah sesuatu fatwa boleh dikeluarkan dan diterangkan kepada *mustafī*.

Ini merupakan beberapa kaedah yang digunakan oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah dalam proses beliau mengeluarkan fatwa. Kaedah ini mencerminkan lagi ketelitian beliau dalam berfatwa. Ia juga bertepatan dengan adab berfatwa yang ditetapkan oleh para ulama yang mengharamkan perbuatan bersegera dalam berfatwa tanpa melakukan penelitian terlebih dahulu melainkan fatwa tersebut telah diputuskan sebelum itu<sup>245</sup>.

#### 4.3.2 Bentuk Susunan Jawapan dan Penjelasan Fatwa

Dalam perbincangan ini, penulis cuba melihat metode Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam memberikan fatwa terhadap persoalan yang dikemukakan. Walaupun metode sebenar beliau tidak dinyatakan, penelitian terhadap proses pemberian jawapan fatwa dapat menjelaskan sedikit sebanyak metode beliau dalam berfatwa. Perbincangan ini dimulakan dengan format jawapan fatwa yang dimuatkan dalam kitab ini dan diakhiri dengan metode beliau membuat penjelasan terhadap sesuatu fatwa.


---

<sup>245</sup> Ahmad Ibn Ḥamdān al-Ḥarrānī (1984), *Ṣifāt al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, cet.4, hal. 31

#### 4.3.2.1 Format Jawapan Fatwa

Fatwa merupakan penjelasan mengenai permasalahan yang memerlukan kepada hukum oleh seorang mufti yang memenuhi syarat-syaratnya. Selain itu, fatwa juga merupakan satu proses soal jawab yang diajukan oleh *mustaftī* bagi mendapatkan penjelasan. Ia tidak dinamakan sebagai fatwa sekiranya tidak wujud proses daripada dua belah pihak antara mufti dan *mustaftī*. Fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah juga melalui proses tersebut. Hampir kesemua himpunan fatwa ini adalah berbentuk persoalan dan kemudiannya dijawab oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa fatwa yang tidak berbentuk soalan namun hanya berlaku pada jumlah yang sangat kecil.

Graf 4.1 : Jumlah Pembahagian Fatwa Dengan Soalan dan Tanpa Soalan<sup>246</sup>



Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*

<sup>246</sup> Graf 4.1 diatas menunjukkan pembahagian fatwa yang dilampirkan bersama soalan daripada mustafti dan fatwa yang diputuskan tanpa soalan.

Graf 4.1 di atas menunjukkan pembahagian fatwa dalam kitab ini dari sudut fatwa yang bersoal jawab atau semata-mata penerangan tentang sesuatu perkara. Secara keseluruhannya terdapat 381 fatwa (98.9%) yang mempunyai soalan kemudiannya dijawab oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah, manakala selebihnya sebanyak 4 fatwa (1.1%) hanyalah penerangan oleh beliau tentang sesuatu permasalahan.

Hasil dari pemerhatian ini menunjukkan Sheikh ‘Alī Juma’ah mengekalkan format asal dalam berfatwa iaitu soal jawab diantara *mustaftī* dan *muftī*<sup>247</sup>. Contoh fatwa berdasarkan soal jawab ini dapat dilihat daripada fatwa yang dikeluarkan oleh beliau antaranya :

Soalan : “Berapa ramai orang yang diperlukan untuk solat Jumaat agar ianya dianggap sah?”

Jawapan : “Apabila terdapat 40 orang yang wajib melaksanakan solat Jumaat di suatu tempat, maka solat Jumaat yang mereka lakukan adalah sah...”<sup>248</sup>

Soal jawab di atas merupakan salah satu contoh daripada fatwa yang telah dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah. Dalam fatwa ini, *mustaftī* telah mengajukan persoalan tentang bilangan jemaah yang diperlukan untuk melaksanakan solat Jumaat. Maka Sheikh ‘Alī Juma’ah telah menjawab bilangan yang diperlukan untuk menunaikan solat Jumaat ini adalah seramai 40 orang dengan dilakukan di satu kawasan yang tertentu. Dengan bilangan ini, barulah solat Jumaat tersebut adalah boleh dilaksanakan dan sah.

<sup>247</sup> Alīmad Ibn Ḥāmidān al-Harrānī (1984), *Ṣifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustaftī*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, cet.4, hal.4. Lihat juga Khālid Ramaḍān Ḥasan, *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah : Dār al-Ṭarabisyī, Hal. 205. Lihat juga Quṭb Muṣṭafā Sano(2000), *Mu'jam Muṣṭalaḥat Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.312

<sup>248</sup> Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Solat, hal. 34

Walau bagaimanapun, seperti graf 4.1 diatas, terdapat juga beberapa fatwa yang dimuatkan dalam kitab ini yang tidak mengikut kaedah dan adab berfatwa ini. Fatwa-fatwa ini hanya diterangkan hukumnya tanpa ada dilampirkan bersama soalan daripada mustafti. Terdapat empat penjelasan hukum di dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini yang tidak mempunyai soalan. Antara penjelasan tersebut adalah seperti :

- a) Penjelasan Sheikh ‘Alī Juma’ah berkaitan dengan penghargaan ilmu dan ulama. Penjelasan ini adalah berkaitan dengan kepentingan ilmu bagi seseorang muslim untuk mempersiapkan diri bukan hanya mendalam ilmu melalui buku dan sebagainya, namun ianya perlu seiring dengan praktikal. Selain itu, dengan ilmu yang ada juga membolehkan seseorang itu menyebarkannya. Perkara ini terkandung dalam bab Fatwa Ilmu<sup>249</sup>.
- b) Penjelasan tentang maksud penghormatan dan pengagungan. Perbincangan ini lebih tertumpu kepada membezakan cara seorang muslim dalam mengagungkan sesuatu atau seseorang agar ianya tidak termasuk dalam perkara yang mendatang syirik. Ia boleh dilakukan dengan hanya mengagungkan kebesaran dan ciptaan Allah. Penjelasan ini turut dimuatkan dalam bab Fatwa berkaitan dengan Ilmu.<sup>250</sup>
- c) Dalam bab Fatwa Hak-Hak Kemanusiaan dan Kewanitaan, Sheikh ‘Alī Juma’ah menjelaskan tentang *al-Dajjal al-Ilmī* yang membawa maksud pembohongan ilmiah yang dilakukan oleh individu dengan mendustakan dan

---

<sup>249</sup>Ibid, Bab Ilmu, cet.2, hal. 217

<sup>250</sup>Ibid, hal. 218

mencampur adukkan syariat Allah dengan perkara-perkara yang tiada asal usul daripada agama Islam.<sup>251</sup>

- d) Penerangan berkaitan dengan *sunnah* dan *bid'ah* serta penjelasan yang terperinci tentangnya. Perkara ini dibincangkan dengan panjang lebar dan Sheikh ‘Alī Juma’ah mendatangkan contoh-contoh perbuatan yang dikatakan *bid'ah* dan membuat penjelasan terhadapnya. Penjelasan ini terkandung dalam bab Fatwa Ideologi Semasa<sup>252</sup>.

Jika dilihat kepada contoh-contoh fatwa yang tidak mempunyai soal jawab ini, kesemua penjelasan tersebut tidak mempunyai kaitan dengan ibadah. Fatwa tentang kepentingan ilmu, penghormatan kepada manusia serta penipuan ilmu merupakan skop di luar bidang ibadah dan fekah. Manakala perbincangan berkaitan *sunnah* dan *bid'ah* pula hanya memaparkan tentang kefahaman masyarakat tentang perkara *bid'ah* itu sahaja tanpa mengaitkan dengan perbuatan *bid'ah* yang dilakukan. Oleh yang demikian, perkara yang diketengahkan serta beberapa fatwa lain yang turut dimuatkan dalam kitab ini boleh dianggap sebagai perbincangan dan penjelasan umum terhadap permasalahan kontemporari yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam di seluruh pelusuk dunia pada hari ini.

---

<sup>251</sup>Ibid., Bab Hak-Hak Kemanusiaan dan Kewanitaan, hal. 431

<sup>252</sup>Ibid., Bab Fatwa Ideologi Semasa, hal. 463

#### 4.3.2.2 Penelitian Masalah Fatwa

Oleh kerana kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini merupakan kitab himpunan fatwa-fatwa yang pernah diajukan permasalahannya kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah, terdapat beberapa fatwa yang menunjukkan berlakunya sesi dialog atau soal jawab yang berturutan antara beliau dan *mustafī*. Dialog ini adalah untuk memahami permasalahan yang dihadapi oleh *mustafī* dengan baik kerana seorang mufti tidak harus mengeluarkan fatwa tanpa menyelidiki secara teliti apa yang berlaku ataupun mengambil jalan mudah untuk mengeluarkan fatwa<sup>253</sup>.

Bagi memenuhi tuntutan serta adab seorang mufti dalam mengeluarkan fatwa ini, Sheikh ‘Alī Juma’ah juga menyelidiki terlebih dahulu setiap permasalahan dengan bertanyakan soalan-soalan yang berkaitan sebelum membuat rumusan terhadap fatwa yang disandarkan itu. Bagi menjelaskan lagi perkara ini, penulis membawakan satu contoh dialog soal jawab yang terkandung dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini. Fatwa tersebut ialah :

**Soalan :** Assalamualaikum. Saya ini bertanya tentang talak yang dilafazkan ketika isteri sedang haid, ketika itu talak yang ketiga. Adakah talak tersebut jatuh atau tidak?

**Jawapan :**

**Mufti** : Adakah suami tersebut berkata “Kamu telah ditalakkan”?

**Mustafī** : Ya, dia (suami) berkata “Kamu telah ditalakkan! Dan dia tidak mengetahui bahawa itu adalah talak untuk kali ketiga.

**Mufti** : Apa yang dia katakan semasa talak pertama? Adakah “Anggapkah dirimu tertalak”?

**Mustafī** : Tidak, tetapi dia berkata “Kamu telah ditalakkan”

---

<sup>253</sup> Ahmad bin Ḥamdan al-Harranī (1380 H), *Sifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Damsyik : Mansyurāt al-Maktab al-Islāmī, cet.1, hal. 31

**Mufti** : Bagaimana dengan talak kedua?

**Mustafti**: Dia berkata “Anggaplah dirimu telah ditalakkan”.

**Mufti** : Bagaimana dengan talak ketiga?

**Mustafti** : Dia berkata “Kamu telah ditalakkan, bermulalah iddahmu”.

**Mufti** : Talak ketiga dijatuhkan ketika isteri dalam keadaan haid?

**Mustafti** : Benar.

**Fatwa** : Kalimah “ Kamu telah ditalakkan” merupakan satu lafaz talak yang jelas. Lafaz yang jelas ini tidak memerlukan kepada niat. Tidak bermanfaat jika suami berkata “Kamu telah ditalakkan, tetapi aku tidak berniat sebegini”. Ini tidak bermanfaat kerana talak tetap akan jatuh. Akan tetapi lafaz “Anggaplah dirimu telah ditalakkan” merupakan lafaz yang tidak jelas.

...Haid sama sekali tidak mempengaruhi talak. Namun dalam permasalahan ini, isteri hanya telah ditalakkan sebanyak dua kali kerana lafaz “Anggaplah dirimu telah ditalakkan” adalah lafaz yang tidak jelas dan merupakan satu sindiran sahaja namun dikira sebagai talak jika beserta niat.<sup>254</sup>

Fatwa di atas jelas menunjukkan terdapatnya sesi dialog di antara Sheikh ‘Alī Juma’ah sebagai mufti dan *mustafti* yang ingin mendapatkan kepastian terhadap permasalahan yang diajukan kepada beliau. Dalam keadaan seperti di atas, ketelitian dalam memahami sesuatu permasalahan amat dititik beratkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah. Ia juga telah merungkai kesamaran tentang tidak jatuh talak dengan lafaz yang tidak jelas seperti dalam permasalahan di atas iaitu “Anggaplah dirimu telah ditalakkan”, sedangkan kebanyakan masyarakat mungkin beranggapan bahawa lafaz tersebut adalah lafaz yang menjatuhkan talak.

Seperti fatwa di atas, beliau sangat teliti sebelum menjawab permasalahan yang diajukan. Terdapat fatwa yang tidak dijelaskan hukumnya kerana permasalahan yang diajukan kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah tidak jelas dan perlu diselidiki kembali. Permasalahan ini diajukan oleh seorang isteri yang mengadu

<sup>254</sup>Sheikh ‘Ali Juma’ah (2006), *al-Kalim al-Tayyib - Fatawa ‘Asriyyah*, Bab Fatwa Talak, Kaherah : Dār al-Salām li al-Ṭib’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjumah, cet.2, hal. 374-375

suaminya sering melafazkan talak terhadapnya setelah diminta olehnya dan kemudian memohon maaf serta memberi alasan bahawa dia sebenarnya tidak bermaksud untuk melafazkan talak terhadap isterinya. Dalam permasalahan ini, Sheikh ‘Alī Juma’ah menjawab :

“Saya tidak mampu untuk mengeluarkan fatwa berkaitan permasalahan anda pada saat ini melainkan setelah saya selidiki terlebih dahulu apa yang terjadi kepada anda dan suami anda, adakah suami itu dalam keadaan sedar atau tidak.”<sup>255</sup>

Dalam keadaan ini, seorang mufti yang tidak menjawab permasalahan yang diajukan kepadanya bukanlah menjadi kesalahan atau menjatuhkan kredibiliti seorang mufti tersebut, bahkan ia merupakan perkara yang haram dilakukan sekiranya seorang mufti menjawab fatwa tersebut dengan pantas tanpa menyelidik dan meneliti secara sempurna permasalahan tersebut<sup>256</sup>.

Dalam satu kajian daripada Noor Naemah Abd. Rahman bertajuk “Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al-Qur'an” yang telah menyatakan :

“seorang mufti yang bijaksana dan berhikmah tidak akan hanya terus menjawab persoalan yang diajukan secara langsung. Sebaliknya terlebih dahulu mengemukakan beberapa pendahuluan berkaitan yang boleh membantu memudahkan penerimaan hukum yang berbangkit.”<sup>257</sup>

---

<sup>255</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit*, Bab Fatwa Talak, hal. 376-377

<sup>256</sup>Aḥmad bin Ḥamdān al-Harranī (1380 H), *Op.Cit.*, cet.1, hal. 31

<sup>257</sup>Noor Naemah Abd. Rahman (2002)“*Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al-Qur'an*”.Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Bil 2, Jld 10, hal. 31

Hujah beliau mengenai penelitian seperti ini harus dilakukan kerana ini adalah satu pendekatan yang bijaksana oleh seorang mufti dalam mengemukakan sesuatu pandangan fatwa.

#### **4.3.2.3 Proses Penerangan Fatwa**

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan proses penerangan fatwa. Dalam mengeluarkan fatwa dan memberikan penerangan tentang sesuatu hukum, seorang mufti haruslah menyampaikannya agar difahami hukum permasalahan tersebut. Oleh kerana kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini merupakan satu kitab fatwa yang diterbitkan kepada masyarakat umum, maka Sheikh ‘Alī Juma’ah perlu menerangkannya agar ia bukan sahaja difahami oleh *mustaftī*, bahkan difahami oleh para pembaca juga.

Dalam kitab ini, terdapat penjelasan yang dibuat secara terperinci tentang sesuatu permasalahan. Ini adalah bersesuaian dengan fatwa yang sememangnya tujuannya untuk menjelaskan dan memberi kefahaman kepada *mustaftī* terhadap sesuatu permasalahan. Setiap fatwa yang dikeluarkan oleh mufti perlu diterangkan dengan keterangan yang menghilangkan segala kemusykilan.<sup>258</sup>

---

<sup>258</sup> Ḥussain Muḥammad al-Mallah (2001), *al-Fatwā Nasyatuhā Wa Taṭawwuruhā Uṣūluhā Wa Taṭbiqatuhā*, cet. 1, jld. 2, hal. 695

Sheikh ‘Ali Juma’ah dalam kebanyakan fatwanya telah membuat penjelasan yang mencukupi agar ianya difahami oleh pembaca yang berbeza latar belakang akademik mereka. Jadi penjelasan yang jitu perlu dilakukan bagi memberikan kefahaman yang sepenuhnya kepada setiap pembaca.

Antara contoh kepada fatwa yang diberikan keterangan secara panjang lebar adalah seperti :

**Soalan** : Adakah mandi untuk orang haid sama dengan mandi janabah? Dan bagaimana cara-caranya?<sup>259</sup>

Soalan ini menanyakan tentang persamaan diantara mandi wajib bagi orang perempuan yang telah selesai haid dan mandi untuk orang yang berjunub atas sebab-sebab lain. Jawapan yang diberikan untuk persamaan ini adalah ringkas seperti :

**Jawapan** : Ya. Ia adalah sama.

Kemudian, Sheikh ‘Alī Juma’ah menerangkan tentang cara-cara melaksanakan mandi ini. Ia dilakukan dengan meratakan air keseluruh anggota luar badan. Kemudiannya diberikan contoh mandi di tempat-tempat yang berbeza seperti kolam, tab mandi dan selainnya. Di akhir penerangan fatwa ini, dilampirkan juga cara mandi seperti yang disunatkan. Namun begitu, hanya penerangan yang diberikan tanpa disandarkan kepada mana-mana nas al-Quran dan juga Hadith. Cara mandi yang disunatkan seperti yang disertakan didalam fatwa ini adalah :

---

<sup>259</sup>Sheikh ‘Ali Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Bersuci, hal. 13-14

**Sunat** : Membasuh bahagian aurat terlebih dahulu, kemudian berwudhu'. Diikuti dengan membasuh bahagian sebelah kanan dan kemudiannya sebelah kiri. Kemudian basuh kepala dan meratakan seluruh anggota badan dan diakhiri dengan membasuh kaki.

Ini adalah antara penerangan yang berkaitan dengan cara-cara mandi wajib seperti yang diterangkan oleh Sheikh 'Alī Juma'ah dalam kitabnya. Penjelasan yang dibuat bukan sahaja tentang cara mandi wajib, bahkan cara yang disunatkan juga diterangkan oleh beliau.

Fatwa lain yang boleh dijadikan sebagai contoh kepada penerangan secara teliti dan panjang lebar oleh beliau adalah seperti soalan seorang *mustafī* yang ingin mengetahui hukum solat Jumaat sekiranya seseorang tidak mendengar khutbah Jumaat. Sebelum beliau menjawab pertanyaan *mustafī* tersebut, beliau menjelaskan tentang hukum dan syarat solat Jumaat terlebih dahulu. Segala penerangan ini banyak membantu pembaca untuk memahami lebih dekat konsep dan tujuan pensyariatan Solat Jumaat.<sup>260</sup>

Pendekatan beliau dalam menerangkan secara terperinci fatwa memudahkan pembaca untuk memahami setiap permasalahan yang diajukan. Ia juga dapat difahami oleh pembaca lain kerana penjelasan yang teliti dan menghilangkan keraguan. Metode ini bertepatan dengan saranan para ulama terutama ulama kontemporer seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī tentang metode berfatwa pada zaman kini agar penjelasan yang diberikan dapat memberi kefahaman kepada pembaca<sup>261</sup>.

---

<sup>260</sup>Sheikh 'Alī Juma'ah (2006), *Op.Cit*, Bab Fatwa Solat, cet.2, hal. 33

<sup>261</sup>Lihat Yūsuf al-Qaraḍawī (2005), *Hudā al-Islām : Fatāwā Mu'āṣirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11, jld. 1, hal. 10-32. Lihat juga Yūsuf al-Qaraḍawī (21994), *al-Ijtihād al-Mu'aāṣir Bayna al-Indībāt wa al-Infīrāt*, Kaherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasr al-Islamīyyah, hal. 91-115.

Selain daripada itu, kaedah ini juga menepati adab berfatwa dalam meraikan keadaan *mustafī* dan pembaca yang berlainan dari segi kefahaman<sup>262</sup>.

#### 4.3.2.4 Ringkasan Jawapan Fatwa

Disebalik penjelasan tentang fatwa secara teliti, terdapat juga fatwa yang dijawab dengan ringkas. Ringkasan dalam menjawab fatwa ini dilakukan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah adalah kerana soalan yang berulang atau ianya merupakan satu perkara yang sudah menjadi kebiasaan dikalangan masyarakat Islam, dimana perkara tersebut difahami walaupun tanpa penjelasan yang terperinci.

Antara contoh fatwa yang diringkaskan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah tanpa penjelasan panjang adalah seperti :

**Soalan :** Bagaimana bacaan ketika menuaikan solat sunat, secara senyap atau jelas?<sup>263</sup>

**Jawapan :** Semua solat sunat bacaannya secara senyap bukan secara jelas.

Fatwa diatas menunjukkan bahawa Sheikh ‘Alī Juma’ah tidak menerangkan panjang lebar hukum permasalahan tersebut dan juga tidak mendatangkan dalil-dalil yang menyokong hujah tersebut.

---

<sup>262</sup>al-Asyqār, ‘Umar Sulaimān(1976), *al-Futyā wa Manāhij al-Iftā*, Kuwait : Maktabah al-Manār al-Islamiyyah, cet. 1, hal. 64

<sup>263</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op.Cit*, Bab Fatwa Solat, cet.2, hal. 38

Walaupun ringkasan jawapan fatwa ini berbeza dengan perbincangan yang dilakukan dalam tajuk sebelum ini, riingkasan fatwa ini sebenarnya bertepatan dengan salah satu adab berfatwa yang mengharuskan ringkasan jawapan terhadap permasalahan sekiranya ianya mudah difahami. Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dalam menjelaskan tentang ringkasan jawapan fatwa ini melalui kitab beliau bertajuk *al-Fatwā fī al-Islām*<sup>264</sup>:

استحباب الاختصار ليس على إطلاقه، بل هو في أمر جلي لا حاجة إلى الإطناب  
فيه...

“Dianjurkan ringkaskan (fatwa) bukan secara keseluruhannya, namun hanya kepada sesuatu perkara yang jelas (kefahamannya) yang tidak memerlukan kepada keterangan yang panjang lebar”

Ibn Ḥamdān al-Ḥarrānī dalam kitab beliau, *Ṣifāt al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī* juga menjelaskan bahawa seorang mufti boleh meringkaskan fatwa mereka sehingga diharuskan untuk hanya menjawab ya atau tidak. Ia adalah untuk membezakan diantara fatwa dan penulisan biasa.<sup>265</sup>

Dalam kajian oleh Alias bin Azhar tentang metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah, beliau merumuskan bahawa ringkasan yang telah dilakukan oleh jawatankuasa telah membawa kepada ketidakfahaman terhadap fatwa yang diputuskan. Pembaca tidak mempunyai tahap kefahaman yang sama, oleh itu fatwa yang terlalu ringkas akan menyebabkan masyarakat sukar untuk berpegang dengan fatwa atau melaksanakan perbuatan yang bertentangan dengan fatwa yang

<sup>264</sup> Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1986), *al-Fatwā fī al-Islām*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet.1, hal. 92.

<sup>265</sup> al-Ḥarrānī, Aḥmād Ibn Ḥamdān (1984), *Ṣifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, hal.60.

dikeluarkan.<sup>266</sup> Ini juga bertepatan dengan panduan yang ditetapkan oleh Yusuf al-Qaradawi<sup>267</sup> dalam mengeluarkan sesesuatu fatwa iaitu dengan bahasa yang difahami serta jelas kepada pembaca selain daripada penggunaan bahasa arab biasa dalam kitab ini yang sememangnya secara khususnya ditujukan kepada penduduk di Mesir yang bertutur dalam bahasa arab dan dapat memahaminya dengan baik.

Secara konklusinya, metode Sheikh ‘Alī Juma’ah berkaitan dengan bentuk susunan jawapan dan penerangan fatwa ini terbahagi kepada empat perkara, Pertama, soal jawab dan penerangan tanpa soalan. Kedua, membuat penjelasan panjang lebar pada fatwa yang sukar difahami. Ketiga, tidak terburu-buru dalam memberi jawapan dan meninggalkan pertanyaan yang kabur tanpa fatwa bagi mengelakkan kesilapan dalam berfatwa. Keempat, meringkaskan jawapan fatwa sekiranya soalan yang dikemukakan adalah perkara yang berulang ataupun perkara yang mudah difahami. Kesemua metode ini adalah menepati adab berfatwa dalam Islam dan disepakati oleh para ulama seperti yang dijelaskan sebelum ini.

#### **4.3.3 Sumber Rujukan**

Dalam penentuan sesuatu hukum pada setiap permasalahan, sumber rujukan kepada hukum akan menentukan kewibawaan seorang mufti dalam mengeluarkan fatwa. Selain itu juga, penggunaan sumber rujukan akan membezakan *manhaj* yang

---

<sup>266</sup> Alias bin Azhar (2001), “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa : Kajian Dari Tahun 1985-1995” ( Disertasi, FakultiSyariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 126.

<sup>267</sup> Lihat Yūsuf al-Qaraḍawī (2005), *Hudā al-Islām : Fatāwā Mu’āṣirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11, jld. 1, hal. 10-32. Lihat juga Yūsuf al-Qaraḍawī (21994), *al-Ijtihād al-Mu`āṣir Bayna al-Indībāt wa al-Infīrāt*, Kaherah : Dār al-Tauzī, hal. 91-115.

betul dan sebaliknya. Ia juga dianggap sebagai neraca penimbang dalam pembinaan sesuatu hukum.<sup>268</sup>

Berkaitan dengan sumber rujukan ini, para ulama berpendapat penggunaan sumber rujukan adalah penting terutama dalam memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada mustafti selain dapat menqiaskan perkara tersebut sekiranya terdapat permasalahan yang hampir serupa. Akan tetapi, hukum menyebut sumber rujukan dalam berfatwa adalah harus.<sup>269</sup>

Terdapat juga ulama yang menjelaskan bahawa sumber rujukan ini tidak menjadi satu perkara adat dalam berfatwa. Ini merupakan pendapat daripada Abū al-Wahīd al-Simārī yang menyatakan<sup>270</sup> :

"لَمْ تَجِرِ العَادَةُ أَنْ يَذْكُرَ الْمُفْتَيِّ فِي فَتْوَاهُ طَرِيقَ الْإِجْتِهَادِ، وَلَا وَجْهَ الْقِيَاسِ  
وَالْإِسْتِدْلَالِ..."

“Bukanlah suatu perkara yang menjadi adat (kebiasaan) bagi seorang mufti untuk menyebutkan di dalam fatwanya cara dia berijtihad, cara menggunakan qiyas dan Istidlal<sup>271</sup> ...”

Penyataan di atas menunjukkan bahawa yang yang dikeluarkan oleh setiap mufti bukanlah perlu disertakan dengan cara-cara mufti tersebut berijtihad atau penerangan tentang sumber rujukan. Perkara ini juga dipraktikkan oleh Sheikh

<sup>268</sup> Azman Ab Rahman dan Mohd Nasir Abdul Majid, *Kepentingan Usul Fiqh dalam Ijtihad dan Fatwa*, Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, hal 103

<sup>269</sup> Al-Asyqār, Muḥammad Sulaimān ‘Abd Allah (1976), *al-Futyā wa Manāhij al-Iftā*, Kuwait : Maktabah al-Manar al-Islamiah, cet. 1, hal. 75

<sup>270</sup> Ḥussein Muḥammad al-Mallāh (2001), *Op. Cit*, jld.2, hal. 690

<sup>271</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *Op. Cit.*, hal. 733

‘Alī Juma’ah jika dilihat pada kebanyakan fatwa yang terkandung di dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*.

Ulama telah bersepakat bahawa turutan sumber hukum terhadap setiap permasalahan dimulai dengan sumber yang paling kuat dan rujukan utama iaitu *al-Quran*. Ini diikuti oleh *al-Sunnah* sebagai sumber rujukan kedua dan *Ijma’ al-Ulama’* sebagai sumber rujukan ketiga. *Al-Qiyās* pula digunakan sebagai sumber rujukan yang keempat dan terakhir yang menjadi kesepakatan para ulama dalam menentukan sesuatu hukum.<sup>272</sup>

Selain daripada itu, terdapat juga sumber rujukan yang lain, namun ianya tidak disepakati oleh semua fuqaha. Ini bermaksud, terdapat sumber rujukan yang digunakan oleh sesetengah mazhab dan tidak diterima oleh sesetengah yang lain. Sumber hukum ini dinamakan sebagai *al-Maṣādir al-Tab’iyah li al-Aḥkām* yang membawa maksud sumber rujukan tambahan atau yang tidak disepakati oleh keseluruhan fuqaha<sup>273</sup>. Sumber rujukan ini meliputi beberapa sumber seperti *al-Istiṣḥāb*, *al-Istihsan*, *Maṣāliḥ al-Mursalah*, dan *Syara’ Man Qablanā*, *Qawl al-Saḥābi*, *al-‘Urf* dan *Sadd al-dharā’ī*.<sup>274</sup>

---

<sup>272</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyik : Dār al-Fikr, cet. 1, jld. 1, hal. 416

<sup>273</sup> *Ibid.*, hal. 733


<sup>274</sup> *Ibid.*, hal. 733-734

Bagi Sheikh ‘Alī Juma’ah pula, penulis tidak menjumpai satu kenyataan atau tulisan dalam mana-mana kitab karangan beliau yang menyatakan dengan jelas tentang metode fatwa beliau secara khusus dalam mengeluarkan hukum. Oleh yang demikian, analisis kepada kitab ini akan menjelaskan metode yang digunakan beliau dalam berfatwa terutama berkaitan dengan sumber rujukan fatwa.

Dalam perbincangan ini, penulis membahagikan metode Sheikh ‘Ali Juma’ah dalam rujukan kepada sumber kepada empat bahagian. Bahagian pertama adalah perbincangan tentang sumber hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah, kedua sumber hukum sekunder, ketiga daripada kitab-kitab *turath* dan keempat fatwa yang tidak disertakan dengan sumber hukum.

#### 4.3.3.1 Sumber Rujukan Daripada Al-Quran dan Al-Sunnah

Carta 4.1 Pecahan Fatwa Berdasarkan Sumber Hukum



Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*

Jadual dan carta di atas menunjukkan pembahagian fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab beliau *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah* dilihat dari sumber rujukan yang digunakan.

Dengan meneliti carta tersebut, fatwa yang menggunakan sumber rujukan daripada al-Quran dan al-Sunnah oleh beliau adalah lebih sedikit berbanding dengan fatwa yang menggunakan sumber rujukan lain mahupun tanpa sumber rujukan. Sebanyak 141 fatwa daripada jumlah keseluruhan iaitu 385 fatwa didatangkan bersama-sama dalil al-Quran dan al-Sunnah manakala selebihnya sebanyak 244 fatwa adalah tidak dinyatakan sumber rujukan daripada al-Quran mahupun al-Sunnah. Mengikut peratusan pula, sebanyak 36.6 % fatwa dikeluarkan dengan sumber rujukan daripada al-Quran dan al-Sunnah manakala selebihnya 63.4 % adalah fatwa-fatwa yang tidak dinyatakan sumber rujukan atau fatwa berdasarkan sumber rujukan selain daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Penulis membahagikan penggunaan sumber rujukan dalam kitab fatwa ini kepada beberapa bahagian kerana Sheikh ‘Alī Juma’ah sememangnya tidak menyatakan secara jelas sumber hukum yang digunakan sedangkan penggunaan al-Quran dan al-Sunnah dapat dilihat daripada fatwa yang didatangkan bersama-sama dalil daripada dua sumber rujukan utama ini.<sup>275</sup> Walau bagaimanapun, sumber rujukan lain kadang kala disebut penggunaannya tetapi bukan secara konsisten.

---

<sup>275</sup>Harus keatas seorang mufti untuk menyebutkan hujah dan dalil yang berkaitan dengan fatwanya sekiranya nas tersebut jelas dan ringkas. Lihat Ḥussain Muḥammad al-Mallah (2001), *Op. Cit.*, jld.2, hal.690

Jadual 4.4 : Jadual Pembahagian Fatwa Berdalil mengikut dalil-dalil yang tertentu

No	Bidang	Sumber Hukum			Jumlah
		Al-Quran dan Al- Sunnah	Al-Quran	Al-Sunnah	
1	Fatwa Tahārah (Bersuci)	1	6	5	12
2	Fatwa Solat	4	3	10	17
3	Fatwa Zakat	2	5	1	8
4	Fatwa Haji	1	1	1	3
5	Fatwa Puasa	1	2	12	15
6	Fatwa Jual Beli dan Muamalat Maliah	4	0	7	11
7	Fatwa Ijarah ( Sewaan )	1	2	2	5
8	Fatwa Jihad	1	1	0	2
9	Fatwa Akidah	2	4	2	8
10	Fatwa Ilmu	6	2	1	9
11	Fatwa Usrah ( Kekeluargaan )	2	4	3	9
12	Fatwa Wakaf	1	0	0	1
13	Fatwa Mirath (Pusaka)	2	0	1	3
14	Fatwa Nikah	2	6	2	10
15	Fatwa Talak	1	2	5	8
16	Fatwa Jenayah	1	0	0	1
17	Fatwa Hak-Hak Kemanusiaan dan Kewanitaan	1	0	0	1
18	Fatwa Akhlak dan Adab	4	0	2	6
19	Fatwa Ideologi Semasa	1	1	1	3
20	Fatwa Pakaian dan Perhiasan	3	2	4	9
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>	<b>41</b>	<b>59</b>	<b>141</b>
<b>Peratus (%)</b>		<b>29.1</b>	<b>29.1</b>	<b>41.8</b>	<b>100</b>

Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*

Jadual di atas pula menerangkan pembahagian fatwa berdasarkan sumber rujukan yang digunakan. Disini penulis membahagikan sumber ini kepada 3 bahagian iaitu fatwa yang menggunakan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, al-Quran sahaja serta al-Sunnah sahaja.

Dua sumber rujukan ini merupakan sumber yang dapat dikenalpasti dengan nas-nas yang didatangkan bersama-sama fatwa. Pemilihan penulis untuk melihat kepada sumber rujukan al-Quran dan al-Sunnah sahaja adalah kerana Sheikh ‘Alī Juma’ah tidak menjelaskan metode berfatwa beliau secara jelas. Oleh yang demikian, penulis tidak menyatakan dalil selain keduanya yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah di dalam jadual diatas untuk dianalisis. Ini adalah kerana fatwa beliau tidak menunjukkan sumber ambilan hukum kecuali dalam beberapa bilangan kecil fatwa selain daripada al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, ‘Umar Sulaimān al-Asyqār telah menyatakan bahawa *afḍal* (lebih baik) bagi seorang mufti menyatakan rujukan daripada al-Quran dan al-Sunnah untuk menguatkan hujah mereka selain membolehkan *mustaftī* dan pembaca mengkaji kembali sekiranya terdapat kemusykilan<sup>276</sup>.

Setelah dibuat pembahagian menurut 3 bahagian tersebut, dapat dilihat bahawa terdapat 41 fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah adalah fatwa yang menggunakan 2 sumber utama dalam menyokong hukum yang telah difatwakan iaitu daripada al-Quran dan al-Sunnah. Bilangan fatwa ini mewakili 29.1% daripada jumlah keseluruhan fatwa yang menggunakan dalil al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber hukum utama.

---

<sup>276</sup>al-Asyqār, ‘Umar Sulaimān(1976), *al-Futyā wa Manāhij al-Iftā*, Kuwait : Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah, cet. 1, hal. 76

Antaya contoh yang boleh dilihat adalah seperti fatwa berkaitan hukum menutup aurat :

**Soalan** : “Seorang wanita muslimah bekerja di salah satu institusi swasta di Mesir. Pemilik perusahaan meminta agar dia dilepaskan tudungnya, jika tidak dia akan dipecat....apa yang harus dilakukan?”,<sup>277</sup>

**Jawapan** : “Hukum memakai tudung kepada wanita yang masuk usia taklif adalah diwajibkan. Hukum ini ditetapkan dengan al-Quran, al-Sunnah dan Ijma’. Firman Allah :

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ قُلْ لَا زَوْجُكَ وَبَنَاتُكَ وَنِسَاءُ الْمُؤْمِنِينَ يُذْهِبُنَّ عَلَيْهِنَّ مِنْ  
جَنَاحِيهِنَّ  


Wahai Nabi, suruhlah isterimu, anak perempuanmu serta wanita-wanita yang beriman, agar melabuhkan pakaianya bagi menutup seluruh tubuhnya

(Surah al-Ahzab : 59)

((يَا أَسْمَاءً ، إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ يَصْلُحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا  
هَذَا وَهَذَا ، وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفِيهِ))<sup>278</sup>

Adapun di dalam Sunnah, Nabi bersabda “ Wahai Asma’, apabila seorang wanita telah memasuki masa haid, dia tidak boleh memperlihatkan daripada dirinya kecuali ini dan ini, Nabi SAW menunjukkan kepada muka dan kedua belah telapak tangannya ”

Fatwa diatas menunjukkan penggunaan dua sumber rujukan utama oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah. Beliau menyandarkan hukum yang dikeluarkan dengan dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta *al-Ijmā’* adalah untuk menguatkan

<sup>277</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Pakaian dan Perhiasan, hal.486-487

<sup>278</sup>al-Baihaqī, Aḥmad bin Ḥusain bin ‘Alī bin Musā bin Abū Bakr (1994), *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, Makkah : Maktabah Dār al-Bāz, Bab ‘Aurah al-Mar’ah al-Ḥurrah, jld.2, hal.226

lagi fatwa yang dikeluarkan. Turut dinyatakan dalam kitab ini hadith tersebut adalah hadith bertaraf *Hasan* yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah<sup>279</sup>.

Namun begitu, penulis melihat penggunaan hadith dalam menyokong fatwa di atas adalah kurang tepat kerana terdapat hadith-hadith yang menjelaskan hukum pemakaian tudung kepada wanita Islam.<sup>280</sup>

Selain daripada itu, terdapat banyak lagi contoh lain yang menggunakan dua sumber utama ini, namun penulis membawakan tiga contoh bagi menguatkan hujah bahawa Sheikh ‘Ali Juma’ah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama beliau iaitu seperti :

- 1) Fatwa pemindahan rangka manusia dari perkuburan ke perkuburan yang lain. Pemindahan ini dibenarkan dengan syarat memuliakan mayat. Sheikh ‘Alī Juma’ah menggunakan ayat ke 70 dalam Surah al-Isra’ dan hadith no. 2207 yang dikeluarkan oleh Abu Dawud dalam kitab Janazah serta hadith no. 1616 oleh Ibn Majah juga dalam kitab al-Janāzah<sup>281</sup>.
- 2) Fatwa tentang keharusan zakat yang diberikan untuk kepentingan hospital. Sumber hukum yang digunakan dalam fatwa ini adalah seperti

<sup>279</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op.Cit.*, Bab Fatwa Pakaian dan Perhiasan, hal.486

<sup>280</sup>Terdapat beberapa hadith lain yang menjelaskan perkara ini dengan lebih jelas. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Abu Daud.

عن عائشة - رضي الله عنها قالت : «يرحم الله نساء المهاجرين الأول ، لما أنزل الله تعالى : وَيُضْرِبُنَّ بِخُمُرِهنَّ عَلَى جُيوبِهِنَّ شَقْنَنْ أَكْفَافَ مَرْوَطِهِنْ ، فَاخْتَمَنْ بِهَا»

Maksudnya : Daripada ‘Aisyah RA, berkata beliau : Allah merahmati wanita-wanita Muhajirin yang pertama, apabila turunnya ayat (yang bermaksud) “...dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka...”, serta-merta mereka mengoyakkan apa sahaja kain (yang ada di sekeliling mereka) lalu bertudung dengannya. Lihat Ibn Athir, Mubarak bin Muhammad al-Jazari (1972), *Jāmi’ al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl*, Damsyik : Dār al-Fikr, jld. 10, hal. 643.

<sup>281</sup>*Ibid.*, Bab Fatwa Solat , hal.48-49

naṣ al-Quran daripada Surah al-Dhariyāt ayat 19 dan Surah al-Taubah ayat 60. Hadith yang digunakan adalah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī no. 614.<sup>282</sup>

- 3) Fatwa tentang pembahagian harta pusaka. Ayat ke 11 surah al-Nisā' digunakan sebagai sumber hukum bersama-sama hadith no. 6732 daripada Imam al-Bukharī dan no. 1615 daripada Imam Muslim kedua-duanya dalam kitab al-Faraīd.<sup>283</sup>

Fatwa-fatwa yang menggunakan hanya al-Quran sahaja sebagai sumber hukumnya berjumlah 41 fatwa. Jumlah ini adalah sama seperti jumlah fatwa yang menggunakan sumber hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah sekaligus. Oleh yang demikian, peratusan bagi kedua-dua bahagian ini adalah sama iaitu 29.1%.

Contoh Fatwa yang hanya menggunakan ayat al-Quran sahaja sebagai sumber rujukan fatwa adalah seperti :

**Soalan** : “Siapakah yang bertanggungjawab membiayai haji untuk isteri? isteri itu sendiri atau suaminya?”<sup>284</sup>

**Jawapan** : “Haji adalah salah satu rukun Islam. Firman Allah :

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ﴿٩٧﴾

Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. (Surah Ali Imran : 97)

<sup>282</sup>Ibid, Bab Fatwa Zakat, hal.69

<sup>283</sup>Ibid, Bab Fatwa Harta Pusaka, hal.312

<sup>284</sup>Ibid, Bab Fatwa Haji, hal.83-84

**Jawapan :** “... Jika salah seorang di antara mereka telah mampu, maka dialah yang berkewajipan untuk menunaikan ibadah haji...”

Fatwa diatas menunjukkan kewajipan menunaikan haji bukanlah terletak kepada tanggungjawab seorang suami kepada isterinya. Ia merupakan kewajipan yang hanya difardhukan ke atas individu apabila sudah berkemampuan. Ini jelas dilihat daripada ayat al-Quran yang digunakan.

Contoh fatwa-fatwa lain yang hanya menggunakan al-Quran sebagai sumber hukum tunggal adalah seperti :

- 1) Fatwa tentang berkumur-kumur dan tertelan airnya ketika berwudhu’ pada bulan Ramadan. Puasa tersebut boleh diteruskan atas sebab kesilapan dan darurat. Fatwa ini menggunakan ayat ke-5 surah al-Ahzāb sebagai sumber hukum.<sup>285</sup>
- 2) Fatwa yang tidak mengharuskan perempuan berjubuh untuk memasuki Masjid kecuali melintasinya sahaja berdasarkan firman Allah dalam surah al-Nisā’ ayat ke 43.<sup>286</sup>
- 3) Fatwa mengharuskan seorang isteri untuk mengadu pada keluarganya tentang masalah keluarga apabila dalam keadaan genting dan memerlukan campur tangan orang luar. Ini berdasarkan ayat al-Quran yang didatangkan bersama fatwa iaitu ayat ke-35 surah al-Nisā’.<sup>287</sup>

---

<sup>285</sup> *Ibid* Bab Fatwa Puasa, hal.98

<sup>286</sup> *Ibid*, Bab Fatwa Bersuci, hal.25

<sup>287</sup> *Ibid*, Bab Fatwa Kekeluargaan, hal.254

Dalam fatwa-fatwa yang menggunakan al-Sunnah sahaja sebagai sumber hukum, terdapat sedikit peningkatan berbanding fatwa yang menggunakan al-Quran dan al-Sunnah serta fatwa yang cuma menggunakan al-Quran sahaja. Mengikut pengiraan penulis, terdapat 59 fatwa daripada 141 fatwa, mewakili 41.8% merupakan fatwa-fatwa yang menggunakan al-Sunnah sahaja sebagai sumber hukum.

Antara contoh penggunaan al-Sunnah sahaja sebagai sumber rujukan adalah seperti fatwa tentang hukum berpuasa berdasarkan *ru'yah* (gambaran) anak bulan di negara lain. Fatwa tersebut adalah seperti berikut :

**Soalan** : Adakah diharuskan orang Islam berpuasa berdasarkan *ru'yah* di negara lain atau berdasarkan pengumuman oleh mufti di negara lain, apakah hukum puasa mereka?

**Jawapan** : Tidak sah puasa dan berbuka penduduk satu negara sekiranya mengikut *ru'yah* negara lain yang berbeza dengan negara mereka.<sup>288</sup>

Dalam fatwa ini, Sheikh ‘Alī Juma’ah membawakan satu hadith yang menyokong pendapat beliau ini iaitu :

<sup>289</sup> ((صومكم يوم تصومون ، وفطركم يوم تفطرون))

**Maksudnya** : “puasa kamu adalah pada hari kamu berpuasa, dan kamu berbuka pada hari kamu berbuka”

---

<sup>288</sup> *Ibid*, Bab Fatwa Puasa, hal. 101

<sup>289</sup> Al-Bāīhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin Ḥussān bin ‘Alī (1344 H), *Sunan al-Kubrā*, Hyerabad : Majlis Dāirah al-Ma’ārif al-Nazmiah al-Kāinah, Cet. 1, jld. 4, hal. 252

Berdasarkan hadith yang dikemukakan untuk menjawab permasalahan tersebut, maka jelaslah bahawa tidak sah berpuasa sekiranya kita berpandukan kepada pengiraan dan pencerapan anak bulan di negara lain.

Namun begitu, fatwa daripada Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah agak berbeza berbanding dengan pendapat yang dikemukakan oleh Sheikh 'Ali Juma'ah ini. Dalam fatwa Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, sekiranya anak bulan (hilāl) kelihatan, maka diwajibkan untuk mengikut rukyah tersebut manakala sekiranya ia tidak kelihatan pada tarikh melihatnya, maka perlu iltizam kepada rukyah di negara yang paling berhampiran seperti Arab Saudi dan sebagainya.<sup>290</sup>

Perkara ini adalah kerana terdapat beberapa hadith lain yang digunakan oleh kebanyakan ulama dalam menentukan tarikh permulaan puasa ini. Hadith yang dimaksudkan adalah :

حَدَّثَنَا آدُمُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ زِيَادٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ قَالَ قَالَ أَبُو الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَتِهِ فَإِنْ غَمِيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ

Diceritakan kepada kami oleh Adam, diceritakan oleh Syu'bah, diceritakan oleh Muhammad bin Ziyad, beliau berkata : aku telah mendengar Abu Hurairah RA berkata : Rasulullah SAW telah bersabda atau telah berkata Abu al-Qasim SAW (gelaran bagi Rasulullah SAW) : Berpuasalah dengan melihatnya (hilal), dan berbukalah dengan melihatnya (hilal), sekiranya awan menutupi ke

<sup>290</sup> <http://www.dar-alifta.org/ViewFatwa.aspx?ID=548&text=%D8%A7%D9%85%D9%84%D9%85>

atas kamu (penglihatan), maka sempurnakan 30 hari bulan Sya'ban.<sup>291</sup>

Berdasarkan hadith tersebut, penentuan puasa dilakukan dengan melihat kepada anak bulan. Maka, sebahagian ulama serta Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah mengambil dan menentukan tarikh permulaan puasa dan hari raya mengikut pencerapan anak bulan dinegara berhampiran. Perkara ini juga disebut dalam oleh Muḥammad bin Abd al-Wahhāb al-Marākishī dalam kitab beliau *al-Azb al-Zilzal fī Mabāhith Ru'yah al-Hilāl*<sup>292</sup> :

أَنَّهُ إِذَا كَانَ الْبَعْدُ بَيْنَ الْبَلْدَيْنِ أَقْلَمْ مِنْ 2226 مِنَ الْكِيلُوْ مِتْرَاتٍ  
فَهَلَالُهُمَا وَاحِدٌ، وَإِنْ كَانَ أَكْثَرُ فَلَا

“ Sesungguhnya apabila jarak diantara dua negara kurang daripada 2226 km, maka hilalnya (penentuan anak bulan) adalah sama, dan sekiranya lebih, maka tidak (sama)

Oleh yang demikian, terdapat pencanggahan pendapat fatwa diantara Sheikh 'Alī Juma'ah dan juga Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, iaitu apa yang dilaksanakan di Mesir pada hari ini.<sup>293</sup>

<sup>291</sup> Al-Bukhārī (1987) Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Beirut : Dār Ibn Kathir, jld. 2, no. hadith 1810, hal. 674. Terdapat satu lagi hadith dengan lafadz yang mempunyai persamaan, iaitu :

أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوهُ فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَاقْطُرُوا فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَاقْتُرُوا لَهُ

Maksudnya : Sensungguhnya Ibn Umar RA berkata : Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda : Apabila engkau melihatnya (hilal), maka puasalah, dan apabila engkau melihatnya(hilal), maka berbuka lah. Sekiranya terhalang, maka cukupkan padanya. Lihat Al-Bukhārī (1987) Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Beirut : Dār Ibn Kathir, jld. 2, no. hadith 1801, hal. 672

<sup>292</sup> Al-Bassām, Abdullah bin Abd al-Rahmān bin al-Ṣāliḥ (2007), Taisīr al-'Alām fī Syarḥ al-Umdah al-Āhkām, Riyadh : Dar al-Mughni, cet. 2, hal. 435

<sup>293</sup> Kebanyakan ulama telah berpendapat bahawa, sekiranya terdapat lebih dari satu mufti atau kumpulan yang menetapkan fatwa dalam satu tempat, maka boleh dipilih fatwa tersebut mengikut kesesuaian dan kekuatan dalil pada fatwa tersebut. Lihat al-Nawawī, Muḥyī al-Dīn Yahyā bin Syarāf (1408 H), *Adāb al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal. 35. Penyataan ini juga boleh dirujuk kembali kepada maksud fatwa itu sendiri iaitu memberi penjelasan terhadap sesuatu permasalahan, dan boleh memilih untuk mengikut mana-mana pendapat. Lihat Quṭb Muṣṭafā Sanū (2000), *Mu'jam Muṣṭalaḥāt Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, hal.312.

Al-Quran sudah diketahui adalah merupakan satu sumber hukum yang *Qat’ī* *al-Thubūt*<sup>294</sup>. Ia tidak memerlukan kepada apa-apa sandaran untuk memastikan kesahihannya kerana kesahihannya telah terjamin. Berbeza dengan al-Quran, penggunaan sumber hukum daripada al-Sunnah pula tidak dapat dipastikan kesahihannya.<sup>295</sup> Ini adalah kerana setiap hadith perlu menjalani proses *Takhrīj al-Hadīth* bagi memastikan martabat hadith tersebut. Dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*, hadith yang telah digunakan tidak dinyatakan martabatnya secara konsisten.

Penulis telah membuat perbandingan tentang perkara ini dengan kajian lain iaitu “*Metodologi Fatwa Sayyid ‘Alwi bin Tahir al-Haddad; Mufti Kerajaan Negeri Johor*” oleh Elyias Othman, beliau telah membuat kesimpulan bahawa Sayyid ‘Alwi hanya menyatakan sumber rujukan fatwa daripada al-Quran dan al-Sunnah pada permasalahan yang jarang didengari dan meninggalkan pendalilan dalam permasalahan yang sudah menjadi kebiasaan.<sup>296</sup>

---

Pendapat seorang mufti pada asalnya merupakan satu pandangan akademik oleh seorang ulama yang berkemampuan untuk berijtihad. Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa pandangan ini adalah pandangan peribadi Sheikh ‘Ali Juma’ah. Mahmood Zuhdi Ab. Majid, (2004) *Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia*. Jurnal Syariah, 12 (2), hal. 80..


<sup>294</sup> Abd al-Karīm Zaidān (2006), *Op. Cit.*, hal. 125

<sup>295</sup> *Ibid.*, hal. 139

<sup>296</sup> Elyias Othman (2002/2003), “*Metodologi Fatwa Sayyid ‘Alwi bin Tahir al-Haddad; Mufti Kerajaan Negeri Johor*”, (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 97.

#### 4.3.3.2 Sumber Rujukan Daripada Sumber Sekunder.

Carta 4.2 : Pecahan Fatwa Berdasarkan Sumber Hukum (Sumber Sekunder)



Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*

Carta 4.2 diatas menunjukkan bilangan fatwa berdasarkan kepada sumber hukum. Dalam carta ini, penulis memfokuskan kepada sumber sekunder yang digunakan oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah dalam kitab beliau. Daripada 385 fatwa yang dimuatkan dalam kitab ini, hanya 22 fatwa sahaja yang disebutkan sumber rujukan sekunder terdiri daripada al-Qawā'id al-Fiqhiyyah 7 fatwa, Maṣāliḥ al-Mursalah 4 fatwa, al-Urf, Sad al-Dharā'i dan Fatāwā al-Šahābah masing-masing 3 fatwa, manakala Istihsān dan Istishāb dengan 1 fatwa setiap satu. Jumlah ini merangkumi 0.06% sahaja dari jumlah keseluruhan fatwa dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*.

Daripada carta ini juga, penulis dapat merumuskan bahawa beliau juga tidak menyatakan secara jelas tentang sumber rujukan yang digunakan kecuali pada jumlah yang kecil. Terdapat penggunaan sumber rujukan seperti *al-istiṣḥāb*, *sad al-Dharā'i*, *Fatwā al-Ṣahābī*, *āl-‘Urf* dan sebagainya. Disini penulis mendatangkan beberapa contoh penggunaan sumber rujukan yang berbeza oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah.

Bagi penggunaan *al-Istiṣḥāb* sebagai sumber rujukan, terdapat satu contoh dalam kitab ini berkaitan dengan hukum talak yang dilafazkan oleh seorang suami keatas isterinya dan terdapat keraguan berkenaan bilangan talak yang dilafazkan. Oleh itu, Sheikh ‘Alī Juma’ah mengambil jumlah yang lebih sedikit berdasarkan kaedah *al-Istiṣḥāb* yang diyakini akan perkara tersebut serta jauh daripada syak. Dalam permasalahan ini, sekiranya talak yang dilafazkan terdapat keraguan samada talak dua atau talak tiga, maka berdasarkan *al-Istiṣḥāb*, perkara ini menjadi talak dua kerana lebih diyakini akan perkara tersebut.<sup>297</sup>

Selain itu juga, fatwa yang disebutkan dalil yang digunakan selain daripada al-Quran dan al-Sunnah adalah seperti fatwa tentang penentuan bilangan talak apabila diucapkan secara talak tiga sekaligus. Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah, talak yang dikira dalam kes ini adalah talak satu yang mengikut pendapat yang lemah. Sheikh ‘Alī Juma’ah juga menerangkan penggunaan *sad al-dharā'i* sebagai sumber hukum untuk menghalang daripada kehancuran dan kerosakan rumah tangga akibat daripada talak tersebut.<sup>298</sup>

<sup>297</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Talak, hal. 389

<sup>298</sup>*Ibid*, Bab Fatwa Talak, hal. 390

Contoh lain adalah penggunaan *maṣlahah* dalam penentuan hukum. Fatwa tersebut seperti tempat pengebumian mayat di Mesir. Ia berbeza berbanding di negara lain kerana pengkebumian mayat di Mesir dinamakan sebagai *fisāqī* iaitu satu tanah perkuburan bawah tanah yang berbentuk seperti terowong. Ini adalah kerana keadaan muka bumi di Mesir yang dipenuhi dengan mata air walaupun digali hanya sedalam satu meter<sup>299</sup>.

Oleh itu, cara pengkebumian ini dibenarkan walaupun ianya berbeza dengan cara pengkebumian yang diajarkan oleh Rasulullah SAW Cara pengkebumian ini dibenarkan di Mesir kerana keadaan di sana yang memerlukan kepada penentuan hukum seperti ini.<sup>300</sup>

Selain itu juga, penulis juga membawakan satu contoh *Fatwā al-Šahābī* yang digunakan sebagai sumber rujukan fatwa oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah. Fatwa ini berkisar tentang pemakaian mekap oleh wanita apabila berhadapan dengan bukan mahram. Perkara ini diberbolehkan dengan syarat mekap tersebut nipis sehingga sukar untuk membuat perbezaan antara wajah yang bermekap dan sebaliknya. Syarat lain dalam mengharuskan perkara ini adalah ianya tidak menjadi bahan perhatian orang lain terutama bagi bukan mahram. Fatwa ini telah merujuk kepada perbuatan ‘Aisyah *Umm al-Mu’mīnīn* yang pernah memperbolehkan sahabat wanita

<sup>299</sup> *Ibid.*, Bab Fatwa Solat, hal. 46-47

<sup>300</sup> Dalam perkara yang melibatkan suasana dan uruf di mesir seperti ini melihatkan bahawa Sheikh ‘Alī Juma’ah melihat kepada keadaan dan tidak hanya terikat dengan pendapat yang sedia ada. Ini menjelaskan bahawa beliau sentiasa memudahkan dalam perlaksanaan hukum Islam selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam. Lihat Lihat Yūsuf al-Qaraḍawī (2005), *Hudā al-Islām : Fatwā Mu’āṣirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11, jld. 1, hal. 10-32. Lihat juga Yūsuf al-Qaraḍawī (21994), *al-Ijtihād al-Mu’āṣir Bayna al-Inqibāt wa al-Infirāt*, Kaherah : Dār al-Tauzī’ wa al-Nasyr al-Islamīyyah, hal. 91-115

dan hamba perempuan untuk memakai alat kosmetik seperti mekap dengan kadar yang nipis.<sup>301</sup>

Penggunaan *al-Qawā'id al-Fiqhyyiah* juga tidak terkecuali sebagai sumber rujukan kepada hukum fatwa. Antara contoh penggunaan *Qawā'id* ini adalah seperti fatwa tentang hukum jual beli parabola dan sistem kelengkapan televisyen. *Mustafī* meminta pandangan hukum Islam berkenaan perkara tersebut kerana wujudnya kesan buruk akibat siaran yang tidak bertapis dari luar negara Islam. Sheikh 'Alī Juma'ah menggunakan kaedah (أَنَّ الْحِرْمَةَ إِذَا لَمْ تُعَيَّنْ حَلْتْ) yang bermaksud “Sesungguhnya sesuatu perkara haram sekiranya tidak dapat ditentukan, maka dianggap halal”. Maka hukum jual beli kelengkapan ini adalah harus seperti jual beli lain. Beliau juga menegaskan kesan buruk yang timbul adalah berpunca daripada pengguna sendiri bukan daripada kelengkapan tersebut.<sup>302</sup> Hukum ini juga memperlihatkan beliau *tawassuṭ* (pertengahan) dalam memberikan fatwa, iaitu tidak menghalang kemajuan teknologi selagi ia memberikan faedah dan digunakan dengan cara yang baik. Ini kerana, kemajuan ini tidak mendatangkan keburukan selagi mana pengguna tidak melakukan perkara yang tidak berfaedah dengannya. Sikap beliau yang *tawassut* dan bersifat mudah dalam penentuan fatwa selagi ia tidak bercanggah dengan syariat Islam, sepadan dengan pernyataan yang diwar-warkan oleh Yusuf al-Qaradawi<sup>303</sup>.

<sup>301</sup> *Ibid.*, Bab Fatwa Pakaian dan Perhiasan, hal. 485


<sup>302</sup> *Ibid.* Bab Jual Beli dan Mu'amalat al-Maliah, hal. 119.

<sup>303</sup> Yūsuf al-Qarāḍawī (2005), *Hudā al-Islām : Fatāwā Mu'āṣirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11, jld. 1, hal. 10-32. Lihat juga Yūsuf al-Qarāḍawī (21994), *al-Ijtihād al-Mu'aāṣir Bayna al-Indibāṭ wa al-Infirāṭ*, Kaherah : Dār al-Tauzī' wa al-Nasyr al-Islamīyyah, hal. 91-115

#### **4.3.3.3 Sumber Rujukan Kitab-Kitab *Turāth***

Sebagai seorang cendekiawan Islam yang bersifat tradisional, Sheikh ‘Ali Juma’ah juga berpegang kepada kitab-kitab *turāth* sebagai rujukan utama beliau. Ini menguatkan hujah bahawa beliau sememangnya seorang ulama bersifat tradisional dalam mengambil sumber rujukan bagi setiap fatwa beliau, iaitu dimulai dengan al-Quran, al-Sunnah, sumber rujukan sekunder serta rujukan kitab-kitab turāth dalam pelbagai mazhab. Beliau merujuk pendapat-pendapat dari pelbagai mazhab melalui tinggalan kitab-kitab tersebut sebelum dibuat kesimpulan berdasarkan permasalahan fatwa tersebut.

Graf 4.3 : Carta Pembahagian Fatwa Mengikut Sumber Rujukan Daripada Kitab-Kitab *Turāth* dan Selain Daripada Kitab-Kitab *Turāth*



Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Asriyyah*

Carta 4.3 diatas menunjukkan tentang pembahagian fatwa-fatwa yang terdapat dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* mengikut sumber rujukan daripada kitab-kitab *turāth*. Daripada pemerhatian yang dibuat, terdapat 32 fatwa mewakili 8% daripada jumlah keseluruhan 385 fatwa dirujuk daripada kitab-kitab turath ini. Baki sebanyak 353 fatwa, iaitu 92% lagi adalah fatwa yang tidak disebutkan sumber rujukan daripada kitab-kitab *turāth* ini.

Penggunaan kitab-kitab *turāth* ini adalah satu bukti yang menguatkan lagi hujah bahawa ‘Alī Juma’ah adalah seorang yang kuat berpegang dengan kitab rujukan klasik dalam setiap penfatwaan beliau. Walaupun jumlah fatwa yang merujuk kepada kitab-kitab ini adalah dalam bilangan yang kecil, namun ia tetap menunjukkan beliau tetap mementingkan pendapat-pendapat ulama terdahulu dalam karya mereka.

Antara contoh yang boleh dilihat sebagai menguatkan hujah penggunaan sumber rujukan daripada kitab-kitab *turāth* ini adalah seperti hukum menggabungkan niat puasa qada (ganti) bersama-sama puasa enam dibulan Syawal. Dalam fatwa beliau, Sheikh ‘Ali Juma’ah menjawab :

Menggabungkan antara puasa enam hari di bulan Syawal dengan puasa ganti yang tertinggal di bulan Ramadan adalah diharuskan menurut ulama Syafi’īyah.<sup>304</sup>

---

<sup>304</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Puasa, hal. 99

Jawapan beliau kepada permasalahan menggabungkan niat puasa enam dan qada ini berdasarkan kitab *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*<sup>305</sup>, karangan Imam al-Nawāwī.

Selain itu, terdapat satu lagi fatwa berkaitan puasa yang dirujuk kepada kitab-kitab turath. Fatwa ini adalah berkaitan dengan hukum berkumur-kumur ketika berpuasa sehingga air sampai ke kerongkong. Dalam fatwa beliau ini, Sheikh ‘Alī Juma’ah mengambil pendapat daripada Imam Ahmad dan Imam al-Syafī’ī yang menegaskan bahawa perbuatan tersebut tidak membatalkan puasa<sup>306</sup>. Pendapat ini juga telah dirujuk daripada kitab-kitab *turāth* antaranya *Badā'i' al-Šanā'i'* karangan Imam al-Kāsānī, kitab *Hāshiah Ibn 'Aābidīn* dan kitab *al-Mabsūt* karangan Imam al-Sarkhasī.

Dua contoh diatas menjelaskan bahawa beliau sentiasa menekankan penggunaan kitab-kitab turath sebagai rujukan. Selain daripada dapat menguatkan hujah, rujukan kepada kitab-kitab *turāth* ini dapat memudahkan lagi para mufti untuk meletakkan hukum pada setiap permasalahan kerana ianya telah diputuskan pada kurun-kurun sebelum ini lagi. Sheikh ‘Ali Juma’ah juga penekankan penggunaan kitab-kitab *turāth* ini dengan memberikan penghargaan beliau kepada Imam al-Nawawī berdasarkan kitab *Riyāḍ al-Šāliḥīn*<sup>307</sup>. Penghargaan ini dimuatkan dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā 'Aṣriyyah* ini.

<sup>305</sup>Muhyī al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf (2007), *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, Jld 3, hal.235

<sup>306</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Puasa, hal. 98

<sup>307</sup>*Ibid.* Bab Ftwā Ilmu, hal. 218

Penggunaan kitab-kitab *turāth* ini adalah dibolehkan untuk tujuan rujukan. Pernyataan ini disokong oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dalam kitab beliau *al-Fatwā fī al-Islām* yang menegaskan bahawa rujukan kepada kitab-kitab terdahulu boleh digunakan sekiranya kitab tersebut dijelaskan kesahihannya.<sup>308</sup>

Kebanyakan kajian yang dilakukan tentang metode fatwa juga mendapati rujukan kepada kitab-kitab *turāth* ini menjadi satu perkara yang biasa di Malaysia terutama oleh Jawatankuasa Fatwa sesebuah negeri<sup>309</sup>. Selain itu, ia juga menjadi rujukan kepada mufti secara individu seperti Sayyid ‘Alwi al-Haddad, bekas Mufti Kerajaan Johor.<sup>310</sup>

#### **4.3.3.4        Fatwa Tanpa Sumber Rujukan**

Seperti perbincangan dalam ringkasan fatwa oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam tajuk sebelum ini, fatwa yang diringkaskan tersebut kebanyakannya tidak menyatakan sumber rujukan fatwa. Fatwa-fatwa tersebut hanya dinyatakan hukumnya tanpa didatangkan dengan dalil-dalil yang menyokong hukum tersebut.

---

<sup>308</sup> al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn (1986), *al-Fatwā fī al-Islām*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1, hal. 80

<sup>309</sup> Alias bin Azhar (2001), “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa : Kajian Dari Tahun 1985-1995” ( Disertasi, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 123

<sup>310</sup> Elyias Othman (2002/2003), “Metodologi Fatwa Sayyid ‘Alwi bin Tahir al-Haddad; Mufti Kerajaan Negeri Johor, (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hal. 89

Seperti yang disimpulkan dalam perbincangan sebelum ini, ringkasan jawapan fatwa tersebut dianjurkan untuk dilakukan sedemikian sekiranya telah jelas hukum perkara tersebut. Oleh yang demikian, Sheikh ‘Alī Juma’ah banyak berfatwa dengan ringkasan serta tidak menyertakan dalil dan sumber rujukan untuk menguatkan hujah.

Disini penulis cuba mengkaji beberapa fatwa yang diputuskan oleh beliau tanpa disokong oleh dalil-dalil bagi melihat penggunaan sumber hukum sebenar terhadap fatwa-fatwa tersebut.

Antara soalan yang ditanya oleh *mustafī* dalam kitab ini adalah seperti :

**Soalan** : Assalamualaikum. Adakah boleh saya mengahwini saudara perempuan kepada isteri ayah saya?

**Jawapan** : Ya. Diharuskan untuk kamu.<sup>311</sup>

Dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah di atas, beliau meringkaskan jawapan tersebut tanpa mendatangkan apa-apa dalil yang menyokong pendapat beliau itu. Namun begitu, penulis menganalisis fatwa ini bagi melihat dalil yang digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah berdasarkan fatwa yang telah diputuskan.

---

<sup>311</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Nikah, hal..353

Dalam ayat ke 23 surah al-Nisā', Allah telah berfirman :

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ  
وَبَنَاتُ الْأَخَوْهُ وَبَنَاتُ الْأَخْوَهُ وَأُمَّهَاتُكُمْ الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ  
مِنْ أَرْضَاعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَاءِكُمْ وَرَبِّيْبَكُمْ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ  
مِنْ نِسَاءِكُمْ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ إِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا  
جُنَاحٌ عَلَيْكُمْ وَحَلَّتِ الْأَبْنَاءِكُمْ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَدِكُمْ وَأَنْ  
تَجْمِعُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا فَدَ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا رَّحِيمًا

312 

Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (wanita-wanita berikut): ibu-ibumu, anak-anakmu, saudara-saudaramu, saudara-saudara bapamu, dan saudara-saudara ibumu, anak-anak saudaramu yang lelaki, anak-anak saudaramu yang perempuan, ibu-ibumu yang telah menyusukan kamu, saudara-saudara susuanmu, ibu-ibu isterimu, anak-anak tiri yang dalam pemeliharaanmu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka, maka tiadalah salah kamu mengahwininya. Dan bekas isteri anak-anakmu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan menghimpunkan dua beradik (untuk dikahwini), kecuali yang berlaku di masa lalu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah al-Nisa', 4:23)

Dalam ayat di atas, Allah telah menjelaskan bahawa golongan-golongan yang dinyatakan berdasarkan ayat tersebut adalah golongan yang diharamkan untuk seseorang muslim mengahwininya. Oleh itu, fatwa yang dikemukakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah tentang keharusan untuk mengahwini saudara perempuan kepada isteri bapa adalah tepat. Ini kerana saudara perempuan yang dimaksudkan dalam

<sup>312</sup> Surah al-Nisā', ayat 23

soalan itu adalah saudara perempuan kepada isteri bapa yang berkahwin selain daripada ibunya. Ayat al-Quran di atas pula menjelaskan golongan yang diharamkan adalah saudara kepada ibu, iaitu ibu saudara kepada seseorang muslim. Kesimpulannya, fatwa ini sebenarnya bersumberkan al-Quran, namun ianya tidak dijelaskan kerana ianya berkemungkinan suatu perkara yang sudah menjadi kebiasaan dan kefahaman kepada masyarakat.

Dalam fatwa lain, seorang mustafti telah bertanya kepada Sheikh ‘Ali Juma’ah tentang hukum pengiklanan perkahwinan yang disampaikan oleh imam selepas selesai berkhutbah pada solat Jumaat. Sheikh ‘Ali Juma’ah menjelaskan bahawa :

**Jawapan** : sekiranya keadaan yang berlaku adalah seperti dalam pertanyaan, iaitu imam akan mengumumkan orang yang ingin berkahwin selepas khutbah Jumaat beliau, maka tiada halangan bagi perbuatan tersebut, bahkan ianya disunatkan.<sup>313</sup>

Jika diteliti daripada fatwa tersebut, Sheikh ‘Alī Juma’ah hanya menjelaskan hukum tanpa mendatangkan dalil-dalil yang menyokong pendapat beliau. Namun begitu, setelah dikaji, fatwa beliau ini boleh disandarkan kepada dalil yang diterima. Terdapat satu hadith yang menjelaskan tentang hukum mengiklankan perkahwinan ini.

---

<sup>313</sup> Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Nikah, hal..340

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى عَلَى عَبْدِ الرَّحْمَنِ  
 بْنِ عَوْفٍ أَثَرَ صُفْرَةً فَقَالَ مَا هَذَا قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي تَرَوْجَتُ امْرَأَةً  
 عَلَى وَزْنِ نَوَاهِ مِنْ ذَهَبٍ قَالَ فَبَارَكَ اللَّهُ لَكَ أَوْلَمْ وَلَوْ بِشَاءٌ<sup>314</sup>

Daripada Anas bin Mālik, sesungguhnya Nabi SAW telah melihat ditangan Abd al-Rahmān bin ‘Auf kesan kekuningan maka baginda bertanya : apakah ini?, maka Abd al-Rahman menjawab : Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah mengahwini seorang perempuan dengan mahar emas seberat biji kurma. Rasulullah bersabda : Allah memberkati kepadamu, anjurkan walimah walaupun dengan sembeliah seekor kambing.

Imam al-Nawāwī dalam kitab beliau <sup>315</sup> turut menjelaskan hukum mengiklankan walīmah adalah sunnah berdasarkan kepada hadith tersebut. Ini menguatkan lagi fatwa yang telah diputuskan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab beliau itu. Selain daripada itu juga, cara pengiklanan tersebut tidak menjadi masalah selagi ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan perkara tersebut menjadi adat di kalangan masyarakat di sana.

Berdasarkan contoh di atas, setiap fatwa yang dikeluarkan oleh seorang mufti mesti mempunyai sumber rujukan fatwa. Walaupun analisis yang dilakukan oleh penulis tidak merangkumi semua fatwa tanpa sumber rujukan, namun secara kesimpulannya Sheikh ‘Alī Juma’ah tetap merujuk kepada sumber rujukan sebelum memutuskan fatwa walaupun beliau tidak menyatakan sumber rujukan tersebut. Metode ini walaupun tidak memberi penjelasan dengan mengemukakan sumber rujukan masih lagi menepati kaedah para ulama silam dalam berfatwa. Perkara ini

---

<sup>314</sup> al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘il Abū Abdullah (1987), *Ṣahih al-Bukhārī*, Beirut : Dār Ibn Kathīr, Jld. 16, No. Hadith 4758, hal. 131

<sup>315</sup> al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Yahyā bin Syaraf (2007), *al-Majmū’ Syarh al-Muhadhdhab*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1, Jld. 16, hal. 392.

telah dijelaskan dalam pendahuluan tajuk ini berdasarkan kepada pendapat daripada Abū al-Wāhid al-Simārī :

“Bukanlah suatu perkara yang menjadi adat (kebiasaan) bagi seorang mufti untuk menyebutkan di dalam fatwanya cara dia berijtihad, cara menggunakan qiyas dan Istidlal...”<sup>316</sup>

Oleh itu, penjelasan seseuatu fatwa seperti ini diterima oleh ulama kerana kebiasaannya mufti tidak menjelaskan panjang lebar tentang dalil yang digunakan melainkan ianya diminta oleh *mustaftī*. Selain itu, sumber rujukan fatwa yang disandarkan mesti daripada sumber yang diterima dan dapat memberi kefahaman kepada *mustaftī*.

#### 4.3.4 Pendekatan Mazhab

Pada kurun kebelakangan ini, *fīqh al-muqāran* atau perbandingan mazhab digunakan secara meluas dalam penentuan hukum semasa. Era taqlid pada kurun sebelumnya telah dibuka kembali menjadikan para fuqaha bebas untuk berfatwa dengan menggunakan ijtihad mereka sendiri.

Perkara ini bertepatan dengan satu pendapat daripada para ulama yang menyatakan seorang mujtahid boleh mengikuti dan mengambil pendapat tersebut setelah diteliti kesahihan hukum berdasarkan kepada dalil-dalil yang digunakan<sup>317</sup>. Penentuan hukum ini juga perlu berdasarkan dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah atau

<sup>316</sup>Hussaīn Muḥammad al-Mallāh (2001), *Op. Cit*, jld. 2, hal. 690

<sup>317</sup>Al-Syathrī, Sa'ad bin Nāṣir bin Abd al-'Azīz (1416 H), *al-Taqlīd wa Aḥkamihī*, Riyāḍ : Dār al-Waṭān, cet. 1, hal. 72

yang disepakati bukan hanya berpandukan pendapat serta pandangan manusia sahaja.<sup>318</sup>

Pemerhatian kepada pendapat-pendapat mazhab ini sememangnya banyak membantu dalam mengetahui hukum sesuatu permasalahan dari segi metode meletakkan hukum. Selain itu, dengan pemerhatian ini, mufti dapat mengetahui permasalahan yang pernah diputuskan oleh ulama silam.

Dalam perbincangan ini, penulis akan membuat analisis kepada kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini dengan melihat penggunaan mazhab tertentu dalam fatwa yang diputuskan. Penelitian ini mengambil kira semua fatwa yang mempunyai perbincangan daripada pelbagai pendapat mazhab dan pemilihan pendapat yang paling rajih dan paling bersesuaian dengan keadaan. Perkara ini diterangkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab ini sebelum beliau menentukan pendapat yang paling bersesuaian bagi permasalahan yang timbul.

---

<sup>318</sup> Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1986), *al-Fatwā fī al-Islām*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, cet. 1, hal. 10

Jadual 4.5 : Bilangan Fatwa Berdasarkan Pendekatan Mazhab Mengikut Bidang

No .	Bidang	Pendekatan Mazhab						Tidak Terikat	Jumlah Fatwa
		S	Hf	M	Hb	J	L		
1	Fatwa Thaharah (Bersuci)	-	1	1	-	1	2	32	37
2	Fatwa Solat	1	-	-	-	1	-	31	33
3	Fatwa Zakat	4	1	-	-	1	1	28	35
4	Fatwa Haji	-	-	-	-	-	1	5	6
5	Fatwa Puasa	2(1)	-	-	2	-	-	42	46
6	Fatwa Jual Beli dan Muamalat Maliah	-	1	-	-	-	2	17	20
7	Fatwa Ijarah ( Sewaan )	-	-	-	-	2	2	18	22
8	Fatwa Jihad	-	-	-	-	-	-	5	5
9	Fatwa Akidah	-	-	-	-	-	-	13	13
10	Fatwa Ilmu	-	-	-	-	-	1	20	21
11	Fatwa Usrah ( Kekeluargaan)	(1)	(1)	-	-	-	1	20	22
12	Fatwa Wakaf	-	-	-	-	-	1	12	13
13	Fatwa Mirath (Pusaka)	-	-	-	-	-	-	19	19
14	Fatwa Nikah	2	3	-	-	-	-	20	25
15	Fatwa Talak	-	-	-	-	-	2	29	31
16	Fatwa Jenayah	-	-	-	-	1	-	1	2
17	Fatwa Hak-Hak Kemanusiaan dan Kewanitaan	-	-	-	-	-	-	5	5
18	Fatwa Akhlak dan Adab	-	-	-	1	-	-	13	14
19	Fatwa Ideologi Semasa	-	-	-	-	-	-	4	4
20	Fatwa Pakaian dan Perhiasan	2	-	-	-	-	-	10	12
<b>Jumlah</b>		<b>11 (2)</b>	<b>7(1)</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>13</b>	<b>344</b>	<b>385</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>41 (10.6%)</b>						<b>344 (89.4%)</b>	<b>385</b>

[ Ringkasan daripada Penulis - S = Syāfi'ī Hf = Ḥanafī M = Mālikī  
Hb = Ḥanbalī J = Jumhūr L=Lain-lain ( ) = Berkongsi pendapat]

Sumber : *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*

Jadual 4.5 di atas menunjukkan bilangan fatwa yang diambil daripada pendapat mazhab tertentu oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah. Walaupun jumlah keseluruhan fatwa yang mengikut pendapat mazhab adalah sebanyak 41 fatwa sahaja, namun dapat disimpulkan bahawa Sheikh ‘Alī Juma’ah tidak terikat dengan mazhab tertentu dalam berfatwa. Selain daripada itu, walaupun terdapat 41 fatwa yang tercatat sebagai fatwa yang mengambil pendapat mazhab-mazhab tertentu, ini bukanlah jumlah keseluruhan kerana jumlah ini merupakan fatwa yang menyatakan sandaran fatwa ke atas mazhab tersebut. Ini kerana, Sheikh ‘Alī Juma’ah membuat ringkasan terhadap fatwa beliau tanpa menyebut dalil-dalil atau pendapat-pendapat mazhab mengikut kesesuaian.

Daripada jadual 4.5 ini juga, dapat disimpulkan bahawa amalan perbandingan mazhab juga digunakan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam berfatwa. Beliau tidak terikat dengan pendapat daripada mazhab tertentu sahaja, bahkan menggunakan pelbagai pendapat mazhab seperti mazhab Syafī’ī, Hanafī, Mālikī, Hanbalī, Zahirī serta fatwa dari ulama-ulama berbeza memilih pendapat yang paling sesuai.

Contoh-contoh fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dengan mengambil salah satu pendapat yang mempunyai sandaran yang lebih kuat ataupun lebih bersesuaian dengan keadaan, antaranya ialah :

- 1- Mazhab Syāfi’ī : Fatwa tentang keharusan mengeluarkan zakat fitrah semenjak dari awal bulan Ramadan lagi. Tiada dalil yang dibawa

bersama, cuma dinyatakan pendapat tersebut daripada Imam al-Syafi'i.<sup>319</sup>

- 2- Mazhab Ḥanafī : Fatwa pernikahan perempuan (dara) tanpa wali. Fatwa ini mengikut kepada mazhab yang digunakan di Mahkamah Mesir iaitu Mazhab Ḥanafī. Oleh itu, sesiapa yang berumur 21 tahun, boleh melangsungkan perkahwinan mereka tanpa kehadiran dan kebenaran wali. Ini adalah pendapat dalam Mazhab Hanafi.<sup>320</sup>
- 3- Mazhab Mālikī : Fatwa bertayammum untuk seorang ibu tua yang uzur. Dalam fatwa ini, Sheikh ‘Alī Juma’ah menyatakan pendapat Imam Malik berkaitan cara bertayammum dengan menggunakan batu kerikil yang dikumpulkan untuk memudahkan orang yang uzur untuk bertayammum tanpa bergerak.<sup>321</sup>
- 4- Mazhab Ḥanbalī : Fatwa berkaitan penggunaan perangsang untuk membuang air besar pada bulan Ramadan atas dasar darurat. Penggunaan ini tidak menjadi masalah dan tidak membantalkan puasa secara mutlak kerana berada dalam keadaan darurat.<sup>322</sup>
- 5- Mazhab Zāhirī : Hukum membaca dan menyentuh al-Quran tanpa wuduk. Dalam fatwa ini, Sheikh ‘Alī Juma’ah merujuk kepada Mazhab Zāhirī melalui pendapat Ibnu Ḥazm yang membenarkan seseorang menyentuh dan membaca al-Quran tanpa wuduk sekiranya tidak berkemampuan.<sup>323</sup>

---

<sup>319</sup>Sheikh ‘Ali Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Zakat, hal. 67

<sup>320</sup>*Ibid.*, Bab Fatwa Nikah, hal. 340

<sup>321</sup>*Ibid.*, Bab Fatwa Bersuci, hal. 19

<sup>322</sup>*Ibid.*, Bab Fatwa Puasa, hal. 93

<sup>323</sup>*Ibid.*, Bab Fatwa Solat, hal. 7

Ini adalah contoh pendapat-pendapat daripada pelbagai mazhab utama. Ia menunjukkan kepelbagaian mazhab yang digunakan mengikut kesesuaian. Selain itu, terdapat juga penggunaan pendapat selain daripada mazhab ini. Fatwa tersebut seperti pendapat Khalīfah ‘Umar bin Abd al-‘Azīz yang mewajibkan pengeluaran zakat sebanyak 10% atas duit yang didepositkan. Ini adalah satu ketetapan yang pernah dikeluarkan oleh Khalīfah ‘Umar bin Abd al-‘Azīz semasa pemerintahan beliau<sup>324</sup>.

Kaedah perbandingan antara pendapat mazhab ini bertepatan dengan pendapat para ulama kontemporer yang melihat rujukan kepada mazhab empat merupakan satu penelitian untuk menyelesaikan masalah furu’ yang mungkin tidak terdapat dalam mana-mana nas al-Quran mahupun al-Sunnah. Selain itu, perbuatan ini menjelaskan kaedah-kaedah para imam mujtahid dalam berfatwa, cara mereka menyandarkan hukum dan juga memberi latihan kepada bakal mujtahid untuk menyelesaikan pelbagai masalah baru.<sup>325</sup>

Metode perbandingan mazhab-mazhab terdahulu dan juga mengambil rujukan fatwa daripada mereka adalah menguatkan lagi hujah yang menyatakan Sheikh ‘Ali Juma’ah adalah seorang pendokong kuat kepada golongan tradisional. Ini ditambah lagi dengan penggunaan kitab-kitab turāth dalam menentukan beberapa fatwa beliau yang dibincangkan dalam tajuk sebelum ini.

---

<sup>324</sup>Ibid, Bab Fatwa Talak, hal. 78

<sup>325</sup>al-Qahtānī, Musfir bin ‘Alī bin Muḥammad (2003), *Manhaj Istinbāt Ahkām al-Nawāzil al-Fiqhīyyah al-Mu’āṣirah*, Jeddah : Dār al-Andalus al-Khaḍrā’, cet.1, hal. 270-271.

Metode berfatwa masakini yang diwar-warkan terutama oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī yang banyak menulis dalam bidang penfatwaan ini juga menepati beberapa aspek pendekatan mazhab oleh Sheikh ‘Ali Juma’ah ini. Antara ciri-ciri tersebut adalah fatwa yang dikeluarkan tidak terikat dengan pendapat mazhab tertentu sahaja. Pelbagai pendapat mazhab digunakan mengikut situasi dan bergantung kepada *maṣlaḥah* masyarakat. Apabila dilihat daripada penekanan *maṣlaḥah* masyarakat ini, jelas sekali bahawa beliau tidak memberatkan masyarakat dengan fatwa-fatwa beliau dan membuat pilihan kepada pendapat yang lebih memudahkan selagi mana ianya tidak terkeluar dari landasan syariat. Ini bertepatan pendapat Yūsuf al-Qaraḍāwī yang menegaskan metode masakini perlu bebas daripada taksub kepada mazhab-mazhab tertentu sahaja selain daripada bersikap *tawassuṭ* dalam berfatwa<sup>326</sup>.

Melalui perbandingan dengan kajian yang pernah dibuat tentang metode berfatwa ini, penulis mendapati kajian tentang Sayyid ‘Alwi al-Haddad juga merumuskan beliau adalah pendokong kuat kepada golongan tradisional dengan membuat banyak rujukan kepada mazhab-mazhab terdahulu dalam setiap fatwa yang ingin diputuskan.<sup>327</sup> Kajian terhadap metode fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis juga menbuahkan hasil yang sama<sup>328</sup>.

---

<sup>326</sup>Lihat Yūsuf al-Qaraḍawī (2005), *Op. Cit.*, hal. 10-32. Lihat juga Yūsuf al-Qaraḍawī (1994), *Op.Cit.*, hal. 91-115.

<sup>327</sup>Elyias Othman (2002/2003), “*Metodologi Fatwa Sayyid ‘Alwi bin Tahir al-Haddad; Mufti Kerajaan Negeri Johor*, (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). hal. 102

<sup>328</sup>Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlan(2005), “*Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis : Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000*”, ( Disertasi Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). hal. 172.

#### **4.3.5 Pengaruh Suasana dan Cara Hidup**

Suasana memainkan peranan yang penting dalam perubahan hukum. Seperti yang dibincangkan sebelum ini dalam dalil yang diterima oleh sesetengah fuqaha iaitu *al-'Urf*, penulis cuba melihat adakah fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh 'Alī Juma'ah ini terpengaruh kepada suasana di Mesir atau fatwa tersebut tidak mengambil kira keadaan suasana di Mesir.

Sejarah Islam telah menunjukkan berlakunya perubahan hukum berdasarkan perubahan suasana dan cara hidup di dua kawasan yang berbeza. Ini dapat dilihat daripada apa yang telah dilakukan oleh Imam al-Syāfi'ī dimana beliau mempunyai dua pendapat berbeza pada kebanyakan permasalahan.

Hal ini berlaku kerana ketika beliau di Iraq, beliau telah membuat satu mazhab yang terkesan kepada masyarakat di sana. Ia dinamakan sebagai Qawl al-Qadīm. Setelah memulakan perjalanan ke Mesir dan menetap di sana, beliau melihat perubahan cara hidup dan suasana yang tidak bersesuaian dengan hukum yang telah beliau tetapkan sebelumnya di Iraq. Oleh yang demikian, terhasilah satu lagi pemikiran baru bagi Imam al-Syāfi'ī yang dinamakan sebagai Qawl al-Jadīd.<sup>329</sup> Dengan adanya dua pemikiran bagi Imam al-Syāfi'ī ini menunjukkan perubahan sesuatu hukum tidak dihalang selagi mana ianya dapat diadaptasikan bersesuaian dengan keadaan.

---

<sup>329</sup> Mannā' al-Qatṭān (2001), *Op. Cit.*, hal. 366-367

Dengan mengambil kira apa yang telah dilakukan oleh Imam al-Syāfi’ī ini, perubahan hukum di dua tempat berbeza adalah satu perkara yang dapat diterima oleh Islam. Oleh yang demikian, berkemungkinan juga terdapat fatwa-fatwa yang berbeza hukumnya seperti yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dengan fatwa yang dikeluarkan sebelum di tempat lain termasuklah di Malaysia.

Sheikh ‘Alī Juma’ah juga tidak terlepas dengan fatwa yang menjurus kepada suasana dan adat di Mesir. Ini kerana, kehidupan beliau adalah bersangkutan dengan suasana yang berlaku di Mesir dan pertanyaan juga kebanyakan datangnya dari Mesir. Oleh itu, terdapat beberapa fatwa yang dimuatkan di dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* ini yang berkait dengan keadaan dan suasana disana.

Antara contoh fatwa berdasarkan uruf dan suasana di Mesir adalah seperti sumpah seseorang untuk menceraikan isterinya. Soalan dan fatwa tersebut adalah seperti berikut :

**Soalan** : “adakah jatuh talak sekiranya suami bersumpah untuk menceraikan isterinya?”<sup>330</sup>

**Jawapan** : “... di dalam Majlis Fatwa Mesir, ucapan tersebut tidak menjatuhkan talak. Akan tetapi ia merupakan satu ucapan sumpah dan wajib bagi orang yang mengucapkannya untuk membayar kafarah sumpah... Masyarakat di Mesir menjadi kebiasaan untuk mengucapkan perkara itu dan ianya merupakan satu ucapan menggertak dan mengancam...”

---

<sup>330</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit*, Bab Fatwa Talak, hal. 379-388

Diselitkan di dalam fatwa ini bahawa sumpah untuk menceraikan isteri mengikut hukumnya adalah seperti lafaz talak yang biasa dan ianya akan menjatuhkan talak seperti biasa kerana lafaznya adalah jelas. Namun pendapat ini tidak digunakan di Mesir kerana perbezaan suasana dan keadaan di sana yang menggunakan sumpah sebagai satu ancaman.

Talak seperti ini juga dikira sah berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ini adalah kerana talak yang dilafazkan beserta sumpah adalah secara jelas menunjukkan talak tersebut<sup>331</sup>. Ini juga merupakan fatwa yang diamalkan di negara-negara Islam yang lain<sup>332</sup>.

Namun begitu, masyarakat di Mesir tidak mengamalkannya dan sumpah seperti ini secara urufnya di Mesir menggambarkan satu amaran semata-mata serta tidak memberikan apa-apa kesan kepada talak kecuali diwajibkan kepada orang yang melafazkannya untuk membayar kafarah sumpah kerana melanggar sumpah tersebut.

Selain itu, terdapat juga fatwa lain yang bersumberkan sumber rujukan adat yang diajukan kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah. Fatwa ini adalah berkenaan dengan pengumuman nama-nama pasangan yang akan berkahwin selepas solat Jumaat. Sheikh ‘Alī Juma’ah memberikan kebenaran tentang perkara ini dengan

---

<sup>331</sup><http://www.islam.gov.my/buu/koleksi.html>

<sup>332</sup>Sheikh ‘Alī Juma’ah (2006), *Op. Cit.*, Bab Fatwa Talak, hal. 388

menyatakan keharusannya memandangkan ianya tidak bercanggah dengan syarak serta merupakan antara adat kebiasaan bagi masyarakat di sana.<sup>333</sup>

Terdapat satu fatwa tentang adat di Mesir ini yang ditanyakan kepada Sheikh ‘Alī Juma’ah ini berkaitan dengan kelengkapan rumah setelah pasangan melangsungkan perkahwinan. Dalam adat masyarakat di Mesir, apabila satu pasangan melangsungkan perkahwinan, suami perlu melengkapkan kediaman mereka dengan perabut dan segala kelengkapan yang bersesuaian. Sesetengah pendapat mengatakan perkara ini adalah *bid’ah* kerana tiada asal usulnya daripada Syariah Islam. Namun Sheikh ‘Alī Juma’ah berpendapat perkara seperti ini adalah berkaitan dengan uruf di Mesir dan ianya tidak bercanggah dengan nas al-Quran, al-Sunnah, *al-Ijmā’* mahupun *al-Qiyās*. Maka keharusan berdasarkan fatwa ini telah ditetapkan kerana terdapat kebaikan pada adat ini untuk diteruskan.

Kesimpulannya, fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah juga terkesan dengan cara hidup dan suasana di Mesir tetapi dalam jumlah yang kecil berdasarkan kepada perbincangan dan contoh sebelum ini. *Al-‘Urf* atau adat juga merupakan satu daripada sumber hukum dalam Islam. Para ulama kebanyakannya bersepakat untuk menggunakan ‘Uruf sebagai hujah kepada hukum selagi ia tidak bercanggah dengan syarak<sup>334</sup>.

---

<sup>333</sup>Ibid., Bab Fatwa Bersuci, hal. 258

<sup>334</sup>Wahbah al-Zuhālī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, *Dimsyik* : Dār al-Fikr, cet. 1, hal. 830.

Perbezaan hukum berdasarkan kepada suasana juga bertepatan dengan Kaedah Fiqhiyyah yang ditetapkan oleh para ulama. Kaedah yang dimaksudkan ialah (العادة محكمة). Kaedah ini ditetapkan para ulama dalam melihat penggunaan adat atau suasana setempat am dan khas yang bersesuaian diterima sebagai satu hukum syarak.<sup>335</sup>

#### 4.4 Kesimpulan Bab

Dalam tajuk kesimpulan ini, penulis membahagikan kepada dua bahagian ; bahagian pertama kesimpulan kepada pengenalan kitab *al-Kalim al-Tayyib: Fatāwā 'Aṣriyyāh*, manakala dalam bahagian kedua penulis menyatakan kesimpulan kepada metode berfatwa Sheikh 'Alī Juma'ah.

Berkaitan dengan kesimpulan terhadap pengenalan kitab ini, penulis telah mendapati bahawa kitab ini merupakan satu kitab himpunan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh 'Alī Juma'ah berdasarkan kepada persoalan-persoalan yang diajukan kepada beliau melalui beberapa kaedah yang ditetapkan.

Kitab ini mempunyai 385 fatwa dan dibahagikan kepada 20 bidang utama yang merangkumi pelbagai cabang ibadah dan beberapa perkara luar yang menjadi persoalan pada masa kini.

---

<sup>335</sup> 'Alī Ḥaīdar (t.t), *Durar al-Ḥukkām, Syarḥ Majallah al-Aḥkām*, Beirut : Maktabah al-Nahḍah, Jld. 1, hal. 40

Dalam format penyusunan dan pengkategorian bab pula, Sheikh ‘Alī Juma’ah telah melakukan penyusunan yang baik walaupun terdapat beberapa kesilapan kecil dalam aspek teknikal .

Bagi kesimpulan tentang metode berfatwa oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah pula, terdapat beberapa kesimpulan yang boleh dinyatakan disini. Metode berfatwa adalah satu perkara yang sangat penting untuk menentukan hukum sesuatu permasalahan.

Dalam perbincangan tentang proses pengeluaran fatwa, penulis mendapati beliau mengikut format asal fatwa iaitu suatu soal jawab berkaitan permasalahan agama walaupun terdapat empat fatwa yang tidak mempunyai soalan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, empat fatwa tersebut adalah perbincangan umum tentang permasalahan yang sering berlaku dalam dunia Islam pada hari ini.

Dalam perbincangan tentang bentuk susunan jawapan dan penjelasan fatwa pula, Sheikh ‘Ali Juma’ah menepati kaedah asal yang ditetapkan oleh para ulama terdahulu dan terkini. Selain itu, beliau juga amat teliti dalam proses mengeluarkan fatwa.

Syariah Islam adalah berasaskan kepada hukum yang telah ditentukan oleh Allah bukan mengikut nafsu manusia semata-mata. Oleh yang demikian, rujukan kepada sumber hukum yang telah disepakati adalah perkara yang perlu diutamakan oleh seorang mujtahid. Walaupun begitu, Islam tidak hanya bergantung kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah semata-mata. Rasulullah sendiri telah

memulakan proses berijtihad dalam permasalahan yang tidak terdapat nas padanya serta memberi kebenaran kepada para sahabat untuk berijtihad. Ijtihad ini berterusan sehingga para fuqaha memutuskan untuk menetapkan kaedah-kaedah tertentu sebagai satu jalan untuk menentukan hukum ke atas permasalahan yang baru. Dengan usaha yang dilakukan ini, para fuqaha lebih mudah untuk menentukan hukum dan penentuan tersebut menjadi lebih tepat.

Bagi Sheikh ‘Alī Juma’ah pula, beliau tidak terkecuali untuk berijtihad dalam berfatwa. Daripada analisis yang dilakukan, dapat dilihat bahawa penggunaan pelbagai sumber hukum yang digunakan oleh beliau dalam menentukan hukum bagi setiap fatwa. Beliau kelihatan tidak hanya terikat dengan nas-nas tertentu sahaja, bahkan menentukan fatwa setiap permasalahan yang sesuai dengan keadaan masalah tersebut. Namun begitu, dalil-dalil yang disepakati tetap menjadi asas utama bagi penentuan hukum ini.

Selain itu, bagi menguatkan lagi hujah bahawa beliau merupakan seorang cendekiawan yang berpegang kuat dengan sumber-sumber klasik atau *turāth*. Analisis dan pemerhatian yang dibuat kepada kitab fatwa beliau ini menunjukkan beliau sememangnya merujuk karangan-karangan ulama terdahulu selain daripada sumber daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam pelbagai permasalahan. Rujukan ini kemudiannya dinyatakan dalam perbincangan fatwa dan diteliti sebelum diputuskan fatwa tersebut.

Dari segi keterikatan mazhab pula, beliau juga tidak mengamalkan keterikatan hanya pada satu mazhab sahaja bahkan mengambil pelbagai pendapat yang bersesuaian dan boleh diadaptasikan dengan permasalahan yang timbul selagi mana ianya tidak bercanggah dengan prinsip syariah Islam.

Selain itu, uruf dan suasana di Mesir juga memainkan peranan dalam penentuan hukum dalam fatwa-fatwa beliau. Walaupun dalam jumlah yang kecil, namun dapat dirumuskan bahawa beliau berfatwa berdasarkan keadaan dan suasana *mustaftī* di Mesir.

# BAB 5

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.1 Pendahuluan

Kajian bertajuk “Metode Fatwa Sheikh Alī Juma’ah Dalam Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*” dimulakan dengan satu bab khusus berkaitan dengan biodata Sheikh Alī Juma’ah. Perbincangan tentang biodata beliau dilakukan secara umum. Ia menyentuh tentang keperibadian beliau, pendidikan, karier serta sumbangannya dalam masyarakat. Dalam bab ini juga diselitkan sedikit penerangan berkaitan karya-karya ilmiah yang pernah dihasilkan oleh beliau. Penulis juga turut membawakan pengenalan secara ringkas beberapa tokoh-tokoh ilmuan yang banyak mendidik beliau menjadi cendikiawan Islam yang disegani pada hari ini.

Perbincangan seterusnya tertumpu kepada fatwa dan perkara yang berkaitan dengannya. Konsep fatwa dan hukum-hukum berkaitan dengan fatwa dibincangkan secara panjang lebar dalam bab ini. Perbincangan turut disertakan dengan kelayakan untuk menjadi seorang mufti. Pada akhir perbincangan bab ini, penulis membahaskan tentang metode berfatwa yang diamalkan dalam Islam. Perbincangan metode ini dimulai daripada zaman Rasulullah SAW, kemudian zaman para Sahabat, zaman Tābi’īn dan Itbā’ al-Tābi’īn, zaman Imam Mujtahid, zaman Taqlīd dan diakhiri dengan zaman Mutaakhirīn.

Perbahasan seterusnya merupakan perbincangan yang menjadi fokus utama kepada kajian disertasi ini. Perbincangan ini adalah berkaitan dengan metode Sheikh Alī Juma'ah dalam kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā 'Aṣriyyah*. Penulis telah membahagikan bab ini kepada dua bahagian, iaitu pengenalan kepada kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā 'Aṣriyyah* – berkisar tentang jumlah bilangan fatwa, pengkategorian bab dan penyusunan fatwa dalam kitab tersebut manakala bahagian kedua lebih memberi fokus kepada metode Sheikh Alī Juma'ah dalam berfatwa meliputi proses pengeluaran fatwa, bentuk susunan dan jawapan fatwa, penggunaan sumber rujukan, pendekatan mazhab dan juga pengaruh suasana/cara hidup di Mesir.

Manakala dalam bab terakhir ini, penulis akan menjelaskan kesimpulan terhadap segala penerangan yang telah dibuat dalam bab-bab sebelum ini. Selain daripada itu, penulis juga akan membuat menjelaskan beberapa kelemahan yang didapati daripada penulisan Sheikh Alī Juma'ah ini. selain daripada itu juga, di akhir bab ini, penulis akan mengemukakan beberapa cadangan berdasarkan kesimpulan dan kelemahan yang terdapat dalam kitab ini.

## 5.2 Kesimpulan

Penfatwaan merupakan suatu tugas yang disyariatkan oleh Islam kepada golongan tertentu diatas kelayakan mereka dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan agama pada masa kini. Tugas ini adalah tugas yang sangat mencabar jika dilihat kepada perkembangan hidup manusia yang sentiasa berubah dan sentiasa memerlukan kepada penjelasan syarak. Ini juga disebabkan oleh tahap

kefahaman manusia kepada agama adalah berbeza yang menyebabkan mereka terpaksa merujuk kepada orang yang paling memahami syariat Islam dikalangan mereka.

Oleh yang demikian, pemilihan seorang mufti yang layak merupakan suatu perkara yang tidak boleh dianggap remeh. Pemilihan calon yang sesuai dan menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh para ulama terdahulu perlu dititik beratkan. Apabila telah dipilih memegang jawatan yang penting, seorang mufti menjalankan tugasnya dengan penuh ketelitian agar setiap fatwa yang dikeluarkan adalah selari dengan syariat Islam.

Dengan permasalahan berkaitan agama sentiasa timbul hari ke hari, penfatwaan adalah suatu perkara yang sangat penting. Usaha para ulama terdahulu dalam memartabatkan Islam daripada sudut hukumnya harus dipuji sehingga terbukunya metode-metode dalam penetuan hukum. Usaha pada zaman ini pula ditambah lagi dengan penubuhan pelbagai institusi fatwa dan pelbagai seminar dalam membincangkan permasalahan-permasalahan baru yang timbul.

Terdapat pelbagai penetapan metode berfatwa pada masa kini. Namun penulis lebih cenderung kepada penetapan beberapa metode berfatwa oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī sebagai satu metode berfatwa zaman kini. Pemilihan ini berasaskan kesesuaian metode ini untuk diperaktikkan pada masa kini berdasarkan kepada pendapat penulis. Ia sesuai untuk dijadikan landasan kepada para mufti atau institusi fatwa di seluruh dunia dalam menyelusuri berbagai-bagai persoalan dan juga satu asas dalam menjaga *kemaṣlahatan* ummah. Walaupun ianya bukan satu kewajipan

untuk diikuti, namun penerapan ciri-ciri tersebut seharusnya dititik beratkan demi mendapatkan hukum yang bersesuaian dan bertepatan dengan suasana hidup masyarakat Islam pada hari ini.

Melalui kajian yang dibuat berdasarkan tajuk “ Metode Fatwa Sheikh Alī Juma’ah Dalam Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*”, terdapat beberapa perkara yang dapat dijadikan kesimpulan. Sebagai seorang yang dilantik untuk menjadi mufti Mesir, Sheikh Alī Juma’ah adalah tokoh yang berkelayakan memegang jawatan tersebut. Kelayakan beliau daripada segi ilmu yang dimiliki merupakan satu aset yang membolehkan beliau dikenali sebagai seorang cendikiawan Islam dan mampu berijtihad sekiranya diperlukan. Walaupun pendidikan awal beliau tidak berkisar kepada pengajian Syariah secara khusus, namun dengan pencapaian beliau yang melanjutkan pelajaran sehingga dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan dalam bidang *Uṣūl al-Fiqh* melayakkan beliau diiktiraf sebagai pakar rujuk tentang segala permasalahan agama. Selain itu, pelbagai jawatan yang disandang beliau serta sumbangan kepada Islam pada hari ini meletakkan beliau sebagai sebaris dengan tokoh-tokoh cendikiawan Islam yang lain. Beliau juga diiktiraf sebagai tokoh Islam kesebelas paling berpengaruh dalam dunia Islam pada hari ini berdasarkan buku “*The Most Influential Muslim-2009*”. Penghargaan ini menunjukkan kepada dunia Islam kepentingan dan pengaruh beliau terhadap masyarakat Islam.

Fatwa hal-hal semasa banyak dibincangkan dalam kitab ini. Ini bertepatan dengan judul kitab ini iaitu fatwa-fatwa kontemporari, banyak fatwa yang dimuatkan dalam kitab ini bersifat kontemporari. Pengumpulan soalan-soalan

semasa dan ditambah dengan penyelesaian yang bersifat semasa selagi tidak bercanggah dengan Syariat Islam juga sangat dipuji. Banyak hal-hal semasa terutama dalam bidang muamalat yang belum pernah dibincangkan dalam kitab fiqh klasik dimuatkan dalam kitab ini. Selain itu, terdapat satu bab khas yang berkaitan dengan ideologi semasa terdapat dalam kitab ini. Bab ini dilihat bertindak untuk menjelaskan tentang ideologi baru yang timbul pada hari ini dan memperbetulkannya menurut perspektif Islam sekiranya ia bercanggah.

Kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* yang menjadi fokus utama kajian ini merupakan hasil karya beliau dalam berfatwa. Kitab ini mengandungi sebanyak 385 fatwa yang meliputi 20 bab utama dari fikah dan selainnya. Namun, penumpuan fatwa dalam kitab ini lebih tertumpu kepada bidang fekah. Penyusunan bab dilakukan dengan teratur dan mudah walaupun tidak konsisten pada beberapa aspek terutama dalam aspek teknikal. Pengulangan soalan dan fatwa juga berlaku dalam jumlah yang kecil walaupun melalui pertanyaan yang berbeza.

Dalam menjawab permasalahan yang diajukan kepada beliau, beliau tidak berpegang dengan satu metode sahaja. Daripada kajian ini, dapat disimpulkan penggunaan metode yang berbeza. Dalam proses pengeluaran fatwa, Sheikh ‘Alī Juma’ah telah menyatakan empat tahap yang digunakan beliau sebelum menentukan hukum. Keempat-empat kaedah ini diperlakukan agar setiap fatwa yang diputuskan bertepatan dengan permasalahan yang diajukan dan selari dengan syariat Islam. Empat tahap yang dimaksudkan adalah *Marhalah al-Taṣwīr*, *Marhalah al-Takyīf*, *Marhalah Bayān al-Hukm*, sebelum diakhiri dengan *Marhalah al-Iftā’*.

Dalam menjawab permasalahan yang diajukan juga, Sheikh ‘Alī Juma’ah menggunakan pelbagai cara dan tidak hanya menggunakan cara yang sama sahaja. Fatwa-fatwa tersebut kadang kala jelaskan dengan panjang lebar dan kadang kala diringkaskan. Selain daripada itu, beliau juga amat teliti dalam proses berfatwa sehingga terdapat beberapa permasalahan yang tidak dijelaskan fatwa atau hukumnya kerana permasalahan yang diajukan tidak jelas atau kabur. Ini bertujuan mengelakkan berlakunya kesilapan dalam berfatwa sekiranya permasalahan tidak difahami dengan jelas.

Berkaitan dengan sumber rujukan fatwa pula, Sheikh ‘Alī Juma’ah mempunyai metode tersendiri dalam membuat rujukan fatwa. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas, pelbagai sumber rujukan digunakan oleh beliau dalam menentukan hukum terdiri daripada *al-Qu'rān*, *al-Sunnah*, *fatāwā al-Šahābah* dan *al-Tabi'īn*, *al-ijmā'*, *al-qiyās*, *al-istihsān*, *al-istiṣḥāb*, *maṣāliḥ al-mursalah*, *al-'urf* dan *qawā'id al-fiqhiyyah*. Pemilihan sumber rujukan fatwa ini berdasarkan kepada neraca pentarjihan seperti kekuatan dalil, *maṣlahah* (kepentingan umum), menjauhkan kesulitan serta fatwa tersebut dapat membawa kebaikan berbanding kemudharatan. Selain itu, beliau juga banyak merujuk kepada penulisan ulama-ulama dalam kitab *turāth* atau klasik sebagai satu sumber rujukan kepada fatwa-fatwa beliau. Pegangan beliau ini menjelaskan lagi keperibadian beliau yang mengutamakan sumber *turāth*.

Fatwa-fatwa Sheikh ‘Alī Juma’ah tidak terikat dengan pendapat daripada mazhab tertentu sahaja. Hampir kesemua pendapat dari mazhab *ahl al-sunnah wa al-jamā’ah* dan selainnya digunakan sebagai rujukan dan panduan. Dalam kajian dijalankan, beliau menggambil pelbagai pendapat daripada mazhab-mazhab berbeza seperti mazhab Ḥanafī, Syāfi’ī, Ḥanbalī, Mālikī, Zāhirī, dan sebagainya. Perbandingan pendapat ini kadang kala dilakukan dan dibuat pentarjihan terhadap pendapat yang paling bersesuaian dengan keadaan.

Hasil daripada penelitian juga mendapati beberapa fatwa beliau terkesan dengan cara hidup dan suasana masyarakat Islam di Mesir. Ini adalah kerana, kebanyakan permasalahan yang diajukan adalah daripada kalangan masyarakat Islam di Mesir. Oleh yang demikian, bagi menyesuaikan fatwa dengan permasalahan tersebut, beliau memutuskan fatwa yang mengikut keadaan di Mesir selagi ianya tidak bercanggah dengan syariah Islam.

Sebelum penulis mengemukakan cadangan terhadap penulisan kitab *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah* karangan Sheikh ‘Alī Juma’ah ini, penulis ingin berkongsi beberapa kelemahan yang dikesan dalam kitab ini.

Antara kelemahan yang jelas dalam penulisan kitab ini adalah penyusunan kandungan kitab tidak konsisten pada sesetengah aspek. Penyusunan bab, pengkategorian fatwa dan beberapa perkara lain mempunyai beberapa kekurangan. Walaupun secara umumnya perkara ini dalam jumlah yang kecil dan tidak memberi kesan terhadap hukum fatwa, namun bagi memudahkan pembaca, penelitian kembali adalah sangat dicadangkan.

Penulis juga mendapati Sheikh ‘Alī Juma’ah tidak konsisten dalam menyatakan metode beliau bagi setiap fatwa yang dikeluarkan. Fatwa yang dikeluarkan kebanyakannya hanya menyatakan hukum bagi permasalahan tanpa menyebut metode yang digunakan dalam menentukan hukum tersebut. Walaupun ianya bukanlah perkara yang wajib diketengahkan dalam setiap fatwa seperti perbincangan sebelum ini, namun bagi memudahkan pembaca memahami dan merujuk kembali fatwa yang telah diputuskan itu, perkara ini perlu diperbaiki.

Selain itu, penulis juga mendapati terdapat beberapa fatwa terlalu ringkas pada penerangannya. Beliau meringkaskan jawapan fatwa tersebut tanpa memberikan ulasan dan menyatakan dalil yang berkaitan. Walaupun ia bertepatan dengan salah satu adab berfatwa, sebagai satu kitab umum, penjelasan yang teliti diperlukan kerana perbezaan mentaliti oleh pembaca.

Martabat hadith yang digunakan sebagai sumber rujukan fatwa ini juga tidak dinyatakan secara keseluruhan. Daripada pemerhatian, hanya sebilangan kecil sahaja hadith yang dinyatakan darjatnya walaupun hadith-hadith tersebut ditakhrij telah terlebih dahulu. Hal ini menyebabkan kecelaruan dalam mengetahui darjat hadith dan memerlukan pemerhatian kembali kepada hadith-hadith yang digunakan.

Walaupun kecacatan yang terdapat dalam kitab ini lebih bersifat teknikal, namun penelitian teliti seharusnya dijalankan sebelum sesuatu karya dicetak.

### 5.3 Cadangan

Setelah analisis dan pemerhatian dibuat berdasarkan kajian keatas fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh ‘Alī Juma’ah dalam kitab fatwa beliau *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*, penulis mengemukakan beberapa cadangan kepada beberapa pihak tertentu.

Cadangan pertama yang ditujukan kepada pihak yang ingin membukukan fatwa samada individu atau institusi fatwa, pada hemat penulis penelitian yang teliti harus dilaksanakan terutama dalam aspek teknikal. Penelitian yang teliti boleh menghindarkan perkara yang tidak sepatutnya daripada timbul. Selain itu, ia akan memudahkan pembaca untuk merujuk fatwa yang diperlukan. Penelitian seharusnya dilakukan bagi menjamin karya tersebut bebas daripada kesalahan dan ralat yang mampu dielakkan.

Sumber rujukan fatwa juga perlu diperhalusi dan diperjelaskan bagi memudahkan pembaca untuk membuat rujukan dan menggunakan hujah tersebut. Selain itu, penjelasan terhadap metode berfatwa pada setiap fatwa yang dikeluarkan perlu dinyatakan. Sandaran fatwa daripada dalil-dalil yang berkaitan sangat diperlukan terutama dalam zaman globalisasi manusia yang inginkan maklumat yang mempunyai sandaran dan dalil yang kukuh. Ia juga dapat dilihat mampu mengembangkan lagi ilmu yang berkaitan selain daripada *uṣūl al-fiqh*.

Penulis juga mencadangkan ulasan dan penerangan terhadap setiap fatwa yang dikeluarkan dibuat dengan lebih jelas. Ulasan ini adalah berkaitan dengan penjelasan istilah-istilah yang kurang difahami selain menjelaskan cara-cara

melaksanakan ibadah yang berkaitan dengan teliti. Keperluan kepada huraian ini dapat menghilangkan kesamaran yang wujud dalam diri mustafti selain daripada berkongsi maklumat tambahan kepada pembaca. Ini kerana dengan perbezaan pemahaman dikalangan pembaca, banyak perkara ibadah yang tidak diketahui dengan tepat. Oleh yang demikian, penjelasan ini diharap dapat membantu perjalanan ibadah masyarakat Islam ini.

Bagi menjelaskan lagi metode berfatwa seseorang mufti atau institusi, penulis mencadangkan setiap yang terlibat meletakkan garis panduan metode masing-masing secara jelas sebelum berfatwa. Seperti yang dibincangkan dalam kajian ini, beliau tidak menyatakan metode berfatwa beliau secara jelas. Dengan menyatakan metode tersebut, penelitian dan perbandingan fatwa dengan metode yang ditetapkan boleh dilaksanakan.

Selain itu, penulis juga ingin mengutarakan cadangan kepada masyarakat Islam terutama para pengkaji dan sarjana Islam agar memperbanyakkan usaha membuat biografi para ulama Islam terkemuka terutama pada masa kini. Seperti Sheikh Alī Juma'ah, tidak banyak sumber yang dapat digunakan untuk mengenali beliau dengan lebih dekat. Sebagai seorang tokoh Islam yang dikenali ramai, usaha ini diharap banyak membantu masyarakat untuk mengenali ulama Islam moden. Usaha ini bukan sahaja tertumpu kepada beliau sahaja, bahkan perlu dilakukan kepada tokoh-tokoh Islam yang lain.

Selain daripada itu, penulis juga mencadangkan para sarjana Islam lebih banyak menjalankan kajian terhadap cendikiawan Islam dari segi metode mereka

dalam berfatwa khasnya. Dengan wujudnya kajian-kajian ini, perbandingan yang lebih jelas boleh dilakukan dan memberi banyak kesan yang baik dalam percambahan ilmu Islam.

Selain daripada itu juga, penulis juga mencadangkan kepada institusi fatwa dan kepada mufti-mufti di Malaysia umumnya lebih cenderung kepada penggunaan teknologi maklumat dalam menyampaikan dan mengeluarkan fatwa. Para mufti dan institusi fatwa perlu mengambil peluang ini untuk mendekatkan lagi masyarakat Islam dengan Syariat yang sepatutnya mereka ikuti selain daripada menyelesaikan permasalahan agama yang mereka hadapi. Ini boleh dilakukan dengan menghasilkan laman sesawang individu ataupun institusi yang mengumpulkan fatwa yang pernah dikeluarkan.

#### **5.4 Penutup**

Sebagai penutup, diharapkan usaha Sheikh Alī Juma'ah dalam membukukan fatwa beliau diteruskan sampai ke akhir hayat beliau. Dengan keilmuan dan kelayakan beliau, umat Islam sedikit sebanyak dapat memperolehi manfaat dengan kefahaman tentang agama Islam terutama dengan penerangan hukum hakam daripada fatwa beliau. Usaha beliau dalam menghasilkan laman sesawang rasmi beliau bagi mendekatkan lagi Sheikh Alī Juma'ah kepada masyarakat umum<sup>336</sup>. Seperti yang diketahui ramai, laman web berkaitan fatwa dengan yang biasa dilawati adalah laman web dibawah Dār al-Iftā' Mesir<sup>337</sup>. Dengan perkembangan teknologi

---

<sup>336</sup> [www.alimamalallama.com/](http://www.alimamalallama.com/)

<sup>337</sup> [www.dar-alifta.org/](http://www.dar-alifta.org/)

maklumat, penggunaan ICT dilihat banyak membantu dalam penyebaran agama Islam khususnya. Oleh yang demikian, satu usaha yang perlu dijalankan ialah menyebarkan fatwa untuk tontonan umum dan menterjemahkan kepada bahasa yang sesuai dibaca oleh segenap lapisan masyarakat Islam dunia. Diharapkan juga lebih banyak karya beliau disebarluaskan kepada masyarakat umum. Selain itu, diharapkan lebih ramai pengkaji di Malaysia dan negara-negara Islam lain mengkaji dan meneliti dengan lebih mendalam metode fatwa yang diamalkan oleh Sheikh Alī Juma'ah khasnya melalui karya-karya penulisan beliau. Pengkajian tersebut juga diharap disebarluaskan diharap lebih banyak usaha-usaha pengkajian metode para ulama Islam dahulu dan masa kini dijalankan demi memartabatkan agama Islam melalui ketelusan dalam berfatwa.

## **5.5 BIBLIOGRAFI**

### **Rujukan Utama**

Al-Quran al-Karim.

Tafsir Pimpinan al-Rahman

### **Rujukan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**

**Ahmad Hidayat Buang** (2001), *Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah Di Malaysia*, ( Jurnal Syariah).

**Ahmad Zaharuddin Mohd Alias** (2004), 'Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997 : SatuAnalisis', ( Disertasi Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Alias bin Azhar** (2001), "Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa : Kajian Dari Tahun 1985-1995" ( Disertasi, FakultiSyariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Amalul Izzah Hassan** (2004), "Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak daritahun 1995 hingga 2002 : satu analisis", (Disertasi Ijazah Sarjana MudaSyariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Amir Fazlim Jusoh** (2006), "Metode Kompromi : Satu Analisa Terhadap Fatwa Fuqaha", ( Disertasi, Fakulti Syariah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Azman Ab Rahman dan Mohd Nasir Abdul Majid** (2004), *Kepentingan Usul Fiqh dalam Ijtihad dan Fatwa*, Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004.

**Elyias Othman** (2002/2003), "Metodologi Fatwa Sayyid 'Alwi bin Tahir al-Haddad; Mufti Kerajaan Negeri Johor, (Disertasi IjazahSarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Kamus Dewan-Edisi Ketiga (1996), Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Idris Awang** (2001), Kaedah Penyelidikan : Satu Sorotan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid, (2004) *Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia*. Jurnal Syariah, 12 (2),

**Mashidah Munir Abd Rahman** (2004), “*Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang dari tahun 1995 hingga 2002 : satu analisis*” (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlan**(2005), “*Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis : Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000*”, ( Disertasi Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Mohd Marbawi Taha** (2006), *Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Disertasi Sarjana Syariah.

**Muchlis Bahar** (2001), *Metode Ijtihad Yusuf al-Qaradhawi Dalam Masalah-Masalah Kontemporer*, Disertasi Ijazah Kedoktoran, IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

**Noor Naemah Abd. Rahman** (2005), *Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis*', (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

---

\_\_\_\_\_(2001), *Fatwa dan Realitinya di Zaman Rasulullah*,JurnalSyariah (APIUM), bil. 1, jld.9.

---

\_\_\_\_\_(2002),*Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa*,Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil 2, jld 10.

---

\_\_\_\_\_(2002)“*Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al-Qur'an*”JurnalSyariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Bil 2, Jld 10.

**Othman Ishak** (1998), *Mufti dan Fatwa Di Negara-Negara Asean*, “Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan dan Kehakiman”.

**Suwito Rakio** (2006),’*Fatwa dan Cabaran Globalisasi’, Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Asean*,Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD).

**Syakirah Abdul Aziz (2004)**, ‘*Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan dari tahun 1987-2002 : satu analisis*’(Disertasi Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Zulkifli Bin Mohamad** (2004), “*Institusi Mufti Dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen Dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan*”,Universiti Sains Malaysia, (Tesis PhD).

*The most Influential Muslim-2009* (2009), Jordan : The Royal Islamic Strategic Studies Centre, cet. 1.

### **Rujukan Bahasa Arab**

‘**Abd al-Majid Şubh** (1989), *Uşūl al-Manāhij al-Fiqhiyyah*, Manşūrah : Dār al-Wafā’

‘**Abd al-Karīm Zaidān** (1420 H/1999 M), *al-Madkhāl li al-Dirāsah al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*, Beirut : Mu’assasah al-Risālah.

‘**Abd al-Rahmān al-Şabūnī, Khalīf Babkīr, Maḥmūd Muḥammad al-Ṭantawī**(1982 M/1402 H), *Al-Madkhāl al-Fiqhī wa Tārīkh al-Tasyīr’ al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah, cet.1.

‘**Abd al-Wahhāb Khalaf** (1947), *Ilm Uşūl al-Fiqh wa Khulāṣah Tārīkh al-Tasyīr’ al-Islāmī*, Beirut : Jāmi’ah Fuād al-Awwal.

**Abd al-Wahhāb Abd al-Salām Ṭawīlah** (1414 H), *Athār al-Lughah fī Ijtihād al-Mujtahidīn*, Beirut : Dār al-Salām.

‘**Abd al-‘Azīm Syaraf al-Dīn** (1993), *Tārīkh al-Tasyīr’ al-Islāmī*, Banghazi, Libya : Jamī’ah Qaryūnis, cet. 4.

**Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qusyārī al-Naisabūrī, Ṣaḥīḥ al-Muslim**,

**al-Asyqār, ‘Umar Sulaimān**(1982), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, Kuwait : Maktabah al-Fallah.

\_\_\_\_\_ (1976), *al-Futuḥā wa Manāhij al-Iftā’*, Kuwait : Maktabah al-Manar al-Islamiah, cet. 1.

\_\_\_\_\_ (2005). *al-Madkhāl Ilā al-Syarī’ah Wa al-Fiqh al-Islāmī*, Jordan : Dār al-Nafāis, cet. 1

**al-Azhārī, Usāmah al-Sayyid Maḥmūd** (2008), *Mu’jam al-Suyūkh*, Sofa Production Negeri Sembilan, cet. 1.

**Al-Baihaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusain** (1410 H), *Sya’b al-Imān*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.

\_\_\_\_\_ (1994), *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, Makkah : Maktabah Dar al-Baz,

**Al-Bassām**, Abdullah bin Abd al-Rahmān bin al-Şāliḥ (2007), *Taisīr al-‘Alām fī Syarḥ al-Umdah al-Aḥkām*, Riyad : Dar al-Mughni

**al-Bukharī, Muhammad bin Ismaīl Abu Abdullah** (1987), *Ṣahih al-Bukharī*, Beirut : Dār Ibn Kathir.

**al-Dārimī, Abdullah bin Abd al-Rahmān Abu Muhammad** (1407 H), *Sunan al-Dārimī*, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, Cet.1.

**al-Dhāhirī, Ibn Ḥazm al-Andalūsī** (1926), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Kaherah : Maktabat al-Khanajī

**al-Ḍuwaiḥī, Aḥmad bin Abd Allah bin Muḥammad** (2006), ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh min al-Tadwīn ilā Nihāyah al-Qarn al-Rābi’ al-Hijrī, Riyad : Jāmi’ah al-Imām Muḥammad bin al-Sa’ūd al-Islāmiyyah.

**al-Għiryānī, ‘Aādil Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz** (2002), *Mabāhith fī Tārikh al-Tasyrī al-Islāmī*, Kuala Lumpur : Fajar Ulung Sdn. Bhd., cet. 1.

**al-Harrānī, Aḥmād Ibn Ḥamdān**(1984), *Ṣifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī.

**al-Jauziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr Ibn Qayyim**(1968), *I'lām al-Mauqī 'īn 'An Rabb al-Ālamīn*, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah.

**al-Mut’inī, Abd al-‘Azīm Ibrahim** (t,t), *al-Fiqh al-Ijtihādī al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah

**al-Nasāī, Aḥmad bin Syuāib Abū Abd al-Rahmān** (1991), *Sunan al-Nasai*, Beirut Dār al-Kutub al-‘Ilmiah

**al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf** (1408 H), *Adāb al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, Damsyik : Dār al-Fikr.

---

(2007), *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, cet. 1.

**Al-Qahṭānī, Musfir bin ‘Alī bin Muḥammad** (2003), *Manhaj Istimbāṭ Aḥkām al-Nawāzil al-Fiqhiyyah al-Mu’āṣirah*, Jeddah : Dār al-Andalus al-Khaḍrā’, cet. 1, hal. 344.

**al-Qaraḍāwī, Yūsuf** (1994), *al-Madkhāl Li Dirāsah al-Syari’ah al-Islamīyyah*, Beirut : Muassasah al-Risālah, cet. 1.

---

(1994) *al-Ijtihād al-Mu`āṣir Bayna al-Indībāṭ wa al-Infīrāṭ*, Kaherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamīyyah.

---

(2005), *Hudā al-Islām : Fatāwā Mu’āṣirah*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet. 11.

\_\_\_\_\_ (1995), “*al-Fatwā Bayn al-İndibāt wa al-Tasayyub*”, Beirut : al-Maktab al-Islāmī.

**al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn** (1986), *al-Fatwā fī al-Islām*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1.

**al-Sajastānī, Abū Dāud Sulaimān bin al-A’syath** (t.t), *Sunan AbūDāud*, Bab Karahiah Mana’ a al-‘Ilm, Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi.

**al-Syaibānī, Aḥmad bin Ḥanbal Abū ‘Abd Allah** (t.t), *Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Bab Musnad ‘Umar bin al-Khaṭābr.a, Kaherah : Muassasah Qurṭubah.

**al-Syathrī, Sa’ad bin Nāsir bin ‘Abd al-‘Azīz** (1427 H/2006 M), *Syarh Kitab Qawā’id al-Uṣūl wa Ma’ākid al-Fuṣūl*, Riyadh : Dār al-Kunūz Isybilia li al-Nasyr wa al-Tawzī’.

\_\_\_\_\_ (1416 H), *al-Taqlīd wa Ahkamihī*, Riyād : Dār al-Waṭān, Cet. 1.

**al-Zaibārī, ‘Āmir Sa’īd** (1995), *Mabāhith fī Ahkām al-Fatwā*, Beirut : Dār Ibn Hazm, cet.1.

**al-Zuhāyli, Wahbah**(1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Dimsyik : Dār al-Fikr.

**Alī Ḥaīdar** (t.t), Durar *al-Hukkām*, *Syarh Majallah al-Aḥkām*, Beirut : Maktabah al-Nahḍah, jld. 1.

‘**Alī Ibrāhim Hasan** (197-), *al-Tārikh al-Islām al-`Aām : al-Jahiliyah, al-Dawlat al-‘Arabiyah, al-Dawlat al-`Abbāsiyah*, Kāherah : Maktabah al-Nahḍah al-Misriyah.

‘**Alī Juma’ah** (2005), *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*, Kaherah : Dār al-Salām.

\_\_\_\_\_ (2007), *al-Kalim al-Tayyib - Fatāwā ‘Aṣriyyah*, Kaherah : Dār al-Salām, cet.1, Jld. 2

\_\_\_\_\_ (2005), *al-Bayān*, Kaherah : al-Muqtahah li al-Nasyrwa al-Tauzī’

**al-Ziriklī, Khāir al-Dīn** (1986), *al-A’lām*, Beirut : Dār al-‘Ilm al-Malāyīn, cet. 7

**Ḥasan İbrahīm Ḥasan** (1964), *Tārikh al-Islām al-Siyāsī wa al-Dīnī wa al-Thaqāfi wa al-Ijtīmā’ī*, Kaherah : Maktabah al-Nahḍah al-Misriyah, jld.1, hal. 276-277.

**Hussaīn Muḥammad al-Mallāh** (2001), *al-Fatwā Nasyatuhā Wa Taṭawwuruhā Uṣūlūhā Wa Taṭbiqatuhā*, cet. 1.

**Ibn Ḥazm al-Andalūsī al-Zāhirī** (1926), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Kaherah : Maktabah al-Khanājī.

**Ibn Kathīr, Abū Al-Fidā 'Imād Al-Dīn Ismā' il bin 'Umar** (2004), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Riyāḍ : Dār al-Salām li al-Nasyrwa-al-Tawzī` , cet. 6.

**Ibn Munzir** (t.t), *Lisān al-Arab*, Kaherah : Dār al- Ma'ārif,

**Ibrāhim 'Abd al-Raḥmān Ibrāhim** (1999), *al-Madkhāl Li Dirāsāt al-Fiqh al-Islāmī*, 'Ammān : Dār al-Thaqāfah

**Khālid Ramaḍān Hasan** (1998), *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah : Dār al-Tarabishi, cet. 1.

**Muḥammad Abd Allah 'Inān** (1957), *Tārīkh al-Jāmi'* al-Azhār, Kaherah : Maṭba'ah Lujnah al-Ta'līf wa al-Tarjumah wa al-Nasyr, cet.2.

**Muḥammad Abū Zahrah** (t.t), *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah : Dār al-Fikr al-'Arabī.

**Muḥammad al-Khudarī Bik** (1983), *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*, Beirut : Dār al-Qalam, cet. 1.

**Mana' Qaṭṭān** (t.t), *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*, Kaherah : Maktabah Wahbah.

**Nādiah Syarīf al-'Umarī** (1986), *al-Ijtihād fī al-Islām*, Beirut : Muassasah al-Risālah, cet. 3.

**Quṭb Muṣṭafā Sanū** (2000), *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr.

**Shamsul Bahri Andi Galigo** (2002), *al-Ijtihād fī al-Fikr al-Islāmī*, Kuala Lumpur : Fajar Ulung Sdn. Bhd.

**Shauqī Abū Khālid** (1999), *Aṭlas Dawl al-A'�ām al-Islāmī*, Beirut : Dār al-Fikr al-Mu'āsir, cet.1.

**Syākir Muṣṭafā** (1995), *Mausū'ah Daul al-A'�ām al-Islāmī wa Rijālihā*, Beirut ; Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, cet.1.

*al-Munjid fī al-Lughah wa al-A'lām* (1973), Beirut : Dar al-Masyriq, cet.18.

## **Rujukan Laman Web**

[www.dar-alifta.org](http://www.dar-alifta.org)

<http://www.islam.gov.my/buu/koleksi.html>

<http://www.alimamalallama.com/>

<http://infad.usim.edu.my/>

<http://www.aligomaa.net/>

<http://www.dar-alifta.org/>

<https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/>

<http://www.msrintranet.capmas.gov.eg/>

<http://www.mapsofworld.com/egypt/population.html>